



**MALAYSIA**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN RAKYAT**

*House of Representatives*

**PARLIMEN KELAPAN**

*Eighth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**

*First Session*

**KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 1161]

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**  
[Ruangan 1284]

**USUL:**

**Ucapan Terima Kasih kepada D. Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan  
Agong Sultan Azlan Shah [Ruangan 1285]**

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KEDUA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL**,  
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD**, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar, **TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin)**.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, **DATO' SERI DR LING LIONG SIK**, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.M.S. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATO' SERI S. SAMY VELLU**, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, **DATO' SERI DR LIM KENG YAIK**, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK**, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, **DATO' SERI RAFIDAH AZIZ**, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, **DATO' DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD**, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, **DATUK SERI SANUSI BIN JUNID**, S.S.S.A., D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Kewangan, **DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM**, S.S.A.P., S.S.S.A. (Permatang Pauh).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, **DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR**, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kesihatan, **DATO' LEE KIM SAI**, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, **DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar)**, S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.M.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, **DATO' MOHAMED BIN RAHMAT**, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, **DATO' SABBARUDDIN CHIK**, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S., D.P.M.S. (Temerluh).

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., A.M.N. S.M.J. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

Yang Berhormat TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Jerai).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).

Yang Berhormat TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).
- „ TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.St.J. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

Yang Berhormat DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

- .. DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).
- .. DATO' HAJI QAMARUZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- .. TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- .. PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- .. TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- .. PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- .. TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- .. Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- .. TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- .. DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- .. TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- .. TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- .. PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- .. TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanang).
- .. TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- .. DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- .. TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- .. DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- .. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- .. TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- .. WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- .. WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- .. TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- .. WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- .. TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- .. TUAN WONG WING ON (Kampar).
- .. TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- .. DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- .. TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- .. TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- .. TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- .. TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- .. TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,  
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Taijadin bin Saberan.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Zamani bin Sulaiman.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

#### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Rabu, 6hb Mei, 1992

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

NELAYAN DI SARAWAK—  
BANTUAN LKIM

1. Tuan Michael Lisa Kaya minta Menteri Pertanian menyatakan sejauhmanakah keberkesanan pihak LKIM di dalam usaha-usaha membasmikan kemiskinan nelayan-nelayan terutama sekali di seluruh negeri Sarawak dan apakah langkah-langkah atau rancangan yang sedang diambil oleh pihak LKIM khususnya untuk membantu para nelayan di kawasan Bukit Mas, Limbang dan Lawas di Sarawak.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, strategi dan langkah yang diambil oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dalam usaha meningkatkan keadaan sosio-ekonomi nelayan telah dapat mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan kaum nelayan Sarawak dari 35.6% pada tahun 1984 kepada 21% pada tahun 1990.

Antara bantuan yang telah diberikan oleh LKIM kepada masyarakat nelayan di Bahagian Limbang dan Lawas ialah

dengan menubuhkan Persatuan Nelayan Kawasan dan membina sebuah pusat pemerosesan hasil perikanan di Kampung Punang, Lawas dengan peruntukan sebanyak \$65,000.

Pusat Pemerosesan Kampung Punang dijangka dapat beroperasi pada bulan Ogos, 1992 dan akan memberi faedah secara langsung kepada 100 orang kaum nelayan.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Masalah nelayan terutama sekali nelayan daripada Bukit Mas, Limbang dan Lawas ialah kerana kekurangan tempat menangkap ikan oleh kerana tempat yang berkenaan adalah dihimpit oleh dua kawasan, Sabah dan Brunei.

Jadi, soalannya apakah tindakan yang konkrit ataupun adakah dibuat kajian yang menyeluruh untuk memberikan pertolongan terutama sekali membiakkan ikan dalam sangkar memandangkan pembiakan ikan dalam sangkar ini mempunyai dua tujuan:

Pertama, mengurangkan kepupusan jenis ikan yang tertentu di tepian laut yang mungkin menjejaskan nelayan-nelayan tempatan; dan

Kedua, supaya nelayan-nelayan tersebut tidak terdedah kepada bahaya ombak pada waktu-waktu yang tertentu.

**Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, memang kita menggalakkan kaum nelayan selain daripada menangkap ikan di laut, mereka juga digalakkan untuk melibatkan diri

dalam ternakan air. LKIM memang mempunyai peruntukan untuk dipertimbangkan kepada kaum nelayan yang berminat untuk melibatkan diri dalam ternakan air.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah langkah yang telah diambil oleh LKIM atau sesuatu pihak agensi Kerajaan ataupun Kementerian Pertanian untuk memajukan penangkapan ikan di laut dalam seluruh EEZ di negeri Sarawak? Oleh sebab sekarang SEDC sudah melibatkan diri dalam bidang penangkapan ikan ini dengan usahasama sebuah syarikat Taiwan, maka saya telah menerima banyak pengaduan atau komplek dari pihak nelayan bahawa mereka amat sukar untuk mendapat bantuan daripada Kerajaan khususnya LKIM apabila mereka mahu mencuba menangkap ikan di laut dalam. Ini soalan pertama.

Soalan kedua, Tuan Yang di-Pertua, jikalau sekiranya ia tidak terkeluar dari soalan pokok, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu kepada saya adakah Akta Perikanan akan dikaji semula dan dipinda memandangkan bahawa persatuan nelayan telah menyampaikan beberapa memorandum kepada Kementerian beliau untuk suatu pindaan dibuat dan diluluskan oleh Dewan ini supaya masalah mereka yang sedikit unik boleh diselesaikan.

**Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan tangkapan ikan di laut dalam, masalah ini bukan di bawah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia tetapi berada di bawah Jabatan Perikanan.

Mengenai dengan soalan Yang Berhormat tentang pindaan kepada Akta Perikanan, Kementerian Pertanian akan menganjurkan suatu majlis dialog ataupun majlis perjumpaan dengan semua pihak berkenaan iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat, pemimpin-pemimpin

persatuan nelayan, syarikat kerjasama nelayan dan dengan semua pihak yang terlibat dengan industri perikanan pada 21hb Mei yang akan datang bagi mendapat maklum-balas berhubung dengan cadangan untuk meminda Akta Perikanan. Semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang kawasannya ada perkampungan nelayan dijemput untuk menghadiri dialog yang akan diadakan.

#### PENGANGKUTAN— KEHILANGAN KOS PERBELANJAAN TIDAK KETARA

2. **Tuan G. Palanivel** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerianya untuk membanteras kehilangan pendapatan yang besar iaitu kira-kira 3 billion ringgit setahun dalam bentuk "invisible pengurusan insurans dan perbelanjaan pengangkutan. Apakah Kementerian ada cadangan untuk mengadakan sebarang program pengajaran bagi para pengangkut untuk mengatasi masalah ini.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, isu mengenai pengaliran keluar matawang asing dalam bentuk insurans dan tambang kapal yang dikatakan "invisible adalah di bawah bidangkuasa beberapa agensi iaitu Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Kewangan dan termasuklah Kementerian Pengangkutan sendiri.

Untuk makluman Yang Berhormat seterusnya, pembayaran bagi insurans dan tambang kapal pada tahun 1991 ialah sebanyak \$4.587 billion. Kerajaan memang memandangi kedudukan ini dan mempunyai pendirian yang serius di dalam mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki kedudukan tersebut.

Di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan ialah:

- (a) Mengadakan satu kajian mengenai industri perkapalan keseluruhannya yang mana sedangpun berjalan. Dan laporan mengenai kajian ini dijangka siap pada penghujung tahun 1992 ini. Kajian ini di antara lain akan juga membuat dan mengemukakan cadangan-cadangan kepada Kerajaan tentang langkah-langkah yang perlu diambil bagi mengurangkan pengaliran keluar matawang asing di dalam bentuk insurans dan tambang kapal.
- (b) Mengadakan satu mesyuarat di antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan pihak-pihak yang terlibat dalam industri perkapalan pada Februari 1992 bagi mengenalpasti masalah-masalah perkapalan dan cara mana Kerajaan boleh membantu. Di perbincangan tersebut, isu yang sama telah turut dibincangkan dengan mendalam.

Sehubungan dengan ini, Kementerian Pengangkutan turut juga mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengurangkan pengaliran keluar matawang asing iaitu melalui:

- (a) Pengwujudan undang-undang kabotaj pada tahun 1980 yang menghadkan pengangkutan kargo dan penumpang di antara dua tempat di perairan Malaysia kepada kapal-kapal daftaran Malaysia sahaja. Ini selain daripada memberi peluang kepada kapal-kapal tempatan juga bertujuan untuk mengurangkan penggunaan kapal-kapal asing yang mana akan meningkatkan lagi pengaliran keluar matawang asing dalam bentuk tambang kapal.
- (b) Menggalakkan perkembangan angkatan perkapalan Malaysia dengan mengwujudkan peruntukan yang membolehkan pelonggaran syarat-syarat

pendaftaran kapal di Malaysia. Beberapa insentif bagi perkembangan angkatan tersebut telah juga diberikan seperti pengecualian cukai bagi syarikat-syarikat perkapalan dan anak-anak kapal yang bekerja atas kapal Malaysia.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah keberkesanan yang dimainkan oleh Jawatankuasa Kabinet mengenai masalah tersebut? Dan setakat ini apakah yang telah dibuat untuk memajukan industri maritim dan di dalam insurans sekarang iaitu insurans perkapalan, insurans maritim, berapa peratus perdagangan luar negara hilang kepada syarikat-syarikat insurans seberang laut? Dan di dalam perindustrian perkapalan berapa peratus perdagangan dibawa oleh kapal-kapal yang didaftarkan di Malaysia?

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, keberkesanannya belum dapatlah kita ukur kerana perjumpaan dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru dibuat pada bulan Februari. Dan langkah-langkah yang telah diambil telahpun saya sebutkan tadi.

Mengenai peratus hilang insurans itu, saya minta maaf kerana bidang insurans ini di luar dari bidang pengangkutan, maka saya tidak ada menyediakan angkanya di sini.

#### **BAYARAN PERUBATAN DAN RAWATAN HOSPITAL—KADAR TAMBAHAN**

**3. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Kesihatan menyatakan butir-butir berkenaan dengan cadangan penambahan bayaran perubatan dan rawatan di hospital Kerajaan.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):** Tuan Yang di-Pertua, kadar bayaran perubatan dan rawatan di hospital

Kerajaan sedang dalam peringkat kajian dan kadar tambahan belum lagi diputuskan.

Walau bagaimanapun, di dalam kajian tersebut diambil kira tentang pesakit-pesakit yang miskin. Keputusan kajian akan diumumkan kelak.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menurut jawapan daripada Timbalan Menteri Kesihatan menyatakan bahawa Kerajaan akan ambil berat tentang bayaran-bayaran bil hospital oleh pesakit-pesakit yang miskin. Saya hendak tahu adakah Kerajaan mengkaji sama ada akan mengecualikan bayaran bagi pesakit-pesakit di hospital besar di merata tempat yang menghadapi dan memerlukan mesin untuk mencuci darahnya? Dan mengapa ada beberapa hospital besar terdapat bayaran-bayaran untuk mencuci buah pinggang itu dibeza-bezakan kadar bayarannya, mengapa?

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, kalau maksud Yang Berhormat tadi ialah mesin haemodialysis, maka oleh kerana the disposable ataupun benda yang boleh diganti itu terlalu tinggi harganya, kita mengenakan bayaran yang agak sederhana kepada pesakit-pesakit buah pinggang. Kadar yang berbeza-beza adalah kerana kegunaan disposable yang disebut tadi.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah pihak Kementerian Kesihatan berhasrat untuk mengecualikan pembayaran hospital bagi ibu bapa Wakil Rakyat atau Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, kalau termasuk di dalam kumpulan orang-orang miskin dan dipastikan dalam satu proses yang dinamakan "MEANS TEST" maka Penyelia Perubatan hospital boleh mengecualikan.

## PEMBANGUNAN SEMULA KAMPUNG BHARU—KEMAJUAN

4. Tuan Shahidan bin Kassim minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) cadang Kerajaan dalam memajukan projek Pembangunan Kampung Bharu, Kuala Lumpur dan kesannya kepada identiti kaum Melayu di Kuala Lumpur;
- (b) perancangan Bandaraya Kuala Lumpur dan reaksi Kerajaan kepada pendapat Datuk Bandar Kuala Lumpur bahawa bilangan penduduk Bandaraya Kuala Lumpur yang paling maksimum sebanyak 3.5 juta penduduk; dan
- (c) peringkat mana pelaksanaan cadangan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk mengadakan satu deretan pusat beli belah daripada persimpangan Jalan Sultan Ismail dan Jalan Tuanku Abdul Rahman hingga ke kawasan Hotel Concorde.

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada awal tahun 1991, Kerajaan memang bercadang untuk membangunkan semula Kampung Bharu kerana kedudukan Kampung Bharu adalah jauh ketinggalan dibandingkan dengan perkembangan pembangunan kawasan-kawasan lain di Bandaraya. Untuk menjayakan projek pembangunan semula ini dua tindakan penting telah pun diambil iaitu:

(1) Menubuhkan tiga jawatan kuasa, iaitu:

- (i) Jawatankuasa Pemandu Pembangunan Kampung Bharu;
- (ii) Jawatankuasa Kemajuan Penduduk Mengenai Pembangunan Kampung Bharu; dan

- (iii) Jawatankuasa Pelaksanaan Projek-projek Pembangunan Kampung Bharu.

(2) Mewartakan perisytiharan-perisytiharan pengambilan tanah yang dicadangkan bagi tujuan pembangunan semula Kampung Bharu. Semasa Kerajaan memutuskan untuk membangunkan semula Kampung Bharu ini, Kerajaan menganggarkan kos pengambilan balik tanah bagi kawasan yang terlibat seluas 40.94 ekar adalah sebanyak \$66 juta. Walau bagaimanapun, setelah pengambilan balik tanah diwartakan dan penilaian yang terperinci dibuat, didapati kos pengambilan balik tanah adalah dianggarkan sebanyak \$414.18 juta. Kadar ini berkemungkinan menjadi lebih tinggi sekiranya pemilik-pemilik tanah akan menuntut pampasan yang tinggi di mahkamah selaras dengan nilai pasaran semasa hartanah di kawasan-kawasan persekitaran Kampung Bharu.

Sekiranya Kerajaan membayar kos pampasan pengambilan tanah yang tinggi, projek-projek pembangunan Kampung Bharu akan terjejas. Tidak ramai orang-orang Melayu yang akan mampu membeli ataupun menyewa kedai dan bangunan dengan harga atau sewaan yang amat tinggi kerana kos tanah terlalu tinggi.

Dengan mengambil pertimbangan kepada perkara-perkara ini, Kerajaan mengambil beberapa keputusan yang berbeza daripada yang diputuskan sebelumnya bagi pembangunan dan kepentingan Kampung Bharu. Keputusan-keputusan baru itu adalah seperti berikut:

- (i) Membatalkan cadangan pembangunan dan

pengambilan-balik tanah Kampung Bharu yang digazetkan di bawah Seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah, 1960 pada 5 Disember 1991;

- (ii) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan mengambil tindakan untuk memamerkan Pelan Susunatur Kampung Bharu sebagai sebahagian daripada "Local Plan" Bandaraya Kuala Lumpur dan seterusnya untuk dihebahkan kepada orang ramai, khasnya pemilik-pemilik tanah Kampung Bharu;

- (iii) DBKL akan memastikan pemilik-pemilik tanah di Kampung Bharu mematuhi Pelan Susunatur Kampung Bharu apabila membangunkan tanah-tanah milik mereka mulai sekarang dan di masa hadapan;

- (iv) pemilik-pemilik tanah yang tidak berupaya ataupun enggan membangunkan tanah-tanah mereka selaras dengan pelan tersebut bolehlah meminda-milik hartanah mereka kepada agensi-agensi Kerajaan atau pihak swasta dengan harga yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak.

- (b) DBKL sedang menyediakan pelan perspektif jangka panjang iaitu untuk 30 hingga 50 tahun ke hadapan bagi Kuala Lumpur. DBKL berpendapat bahawa Kuala Lumpur mempunyai

keupayaan untuk menampung penduduk seramai 3.5 juta. Pandangan ini adalah berasaskan bahawa lebih kurang 20,000 ekar tanah di Kuala Lumpur boleh dibangunkan atau dibangunkan semula.

- (c) Pelaksanaan cadangan DBKL untuk menjadikan Jalan Sultan Ismail sebagai jalan membeli-belah atau, dengan izin, shopping street, akan banyak bergantung kepada sumbangan dan penyertaan pihak swasta terutamanya pemaju-pemaju yang mempunyai tanah di kawasan itu. DBKL hanya menyediakan konsep dan memastikan pemaju mematuhi konsep ini.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjelaskan terutamanya pampasan yang telah dituntut oleh penduduk-penduduk Kampung Bharu yang asalnya berharga dianggarkan \$66 juta dan melompat naik kepada \$414.18 juta? Apakah nilai pampasan ini dibuat oleh pihak Kerajaan ataupun penilai-penilai swasta bagi pihak penduduk-penduduk Kampung Bharu? Saya bertanya demikian sebab saya dimaklumkan bahawa ada penilai-penilai pihak swasta seolah-olah memberangsang ataupun dengan kata lain, seolah-olah macam menghasut penduduk-penduduk membuat tuntutan yang tinggi dan inilah yang menghalang projek pembangunan Kampung Bharu. Apakah Kerajaan tidak bercadang untuk menggunakan Akta Pengambilan Tanah 1961 bagi menyelesaikan masalah pengambilan tanah ini?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya masalahnya ialah undang-undang negara dalam satu pindaan yang telah dibuat beberapa tahun dahulu, tanah rezab Melayu jika

hendak diambilalih oleh Kerajaan maka harganya hendaklah dinilai mengikut tanah yang berdekatan, sama ada tanah berdekatan itu rezab Melayu ataupun tidak. Yang mana ini bermakna nilai tanah Kampung Bharu mestilah disamakan dengan nilai tanah di luar Kampung Bharu tetapi berdekatan dengan Kampung Bharu yang mana kita semua tahu bahwa tanah berdekatan dengan Kampung Bharu ini adalah prime land dalam commercial area Kuala Lumpur dan harganya sudah meningkat hampir \$1,000 pada satu kaki persegi. Dengan kerana ini adalah peruntukan undang-undang, maka apabila penilaian dibuat melalui cara bandingan ini, Kerajaan tidak berupaya mengurangkan harga tanah Kampung Bharu jika Kerajaan ingin mengambilalih. Sebab itulah nilai tanah Kampung Bharu ini begitu tinggi sehingga menjejaskan rancangan Kerajaan untuk membangunkan semula Kampung Bharu. Sebaliknya, jika pemilik tanah Kampung Bharu berhajat untuk menjual dengan harga yang dipersetujui bukan secara acquisition, tetapi harga yang dipersetujui antara penjual dengan pembeli, maka harga itu boleh ditetapkan pada paras yang lebih rendah mengikut persetujuan mereka. Hanya dengan cara ini sahaja barulah Kampung Bharu dapat dibangunkan, tidak dengan cara land acquisition mengikut Akta Pengambilan Tanah.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya diberitahu bahawa ada kajian oleh Jabatan Penilaian dan Pelaksanaan Perkhidmatan Harta. Kalau ada, bilakah laporan itu akan diumumkan? Mengikut jawapan yang diberi oleh Yang Amat Berhormat tadi adakah ini bermakna sesiapa sahaja daripada 640 pemilik itu yang mampu untuk membangunkan lot sendiri boleh berbuat demikian tanpa gangguan daripada Kerajaan? Adakah hasrat Yang Amat Berhormat untuk mengadakan restriction in interest clause di Kampung Bharu ini?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, kajian dibuat oleh Jabatan Penilaian Kerajaan dan kita biasanya tidak mengumumkan kerana ini adalah untuk kegunaan pengambilalihan tanah itu. Mungkin pihak lain akan membayar kurang daripada itu ataupun lebih daripada itu yang mana itu terpulanglah kepada tuannya tanah. Kalau mereka mampu untuk membangunkan tanah mereka, kita tidak ada halangan asalkan mereka mengikut apa yang dikenakan sebagai local plan, iaitu kita menentukan setakat mana yang boleh tempat itu dibangunkan kerana kita mempunyai zoning requirement dan juga bermacam-macam sekatan kepada semua pemilik tanah di dalam Kuala Lumpur ini. Ada setengah tempat yang dibenarkan membuat bangunan yang 100 tingkat ataupun 200 tingkat, tetapi ada tempat yang kita cuma benarkan hanya 1 atau 2 tingkat. Untuk Kampung Bharu, satu local plan akan diadakan dan pemilik tanah di situ bolehlah bangunkan tanah mereka mengikut local plan. Kita tidak mempunyai restriction kalau mereka ingin menjual ataupun mengadakan apa juga commercial arrangement.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan.

*(Soalan No. 5 Y.B. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan tidak hadir)*

#### RISDA—PENGURUSAN ESTET

6. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan bahawa Pengerusi RISDA baru-baru ini menyebut bahawa pihak RISDA telah menjadi mangsa yang melibatkan jutaan ringgit atas permainan pihak pengurusan estet, tetapi pihak estet menafikannya. Sila jelaskan kedudukan sebenar dan apakah langkah mengatasi kekeliruan itu.

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mohd. Yasin bin Kamari):** Tuan Yang di-Pertua, di samping melaksanakan program penanaman semula bagi sektor pekebun kecil getah, RISDA juga dipertanggungjawabkan bagi pelaksanaan Rancangan Perusahaan Getah (Penanaman Semula Bagi Estet-estet) 1974. Di bawah rancangan ini, pemilik-pemilik estet iaitu mereka yang mempunyai tanah yang jumlah luasnya tidak kurang daripada 100 ekar yang ditanam dengan getah atau dikhaskan untuk tanam getah adalah layak diterima sebagai peserta dan berhak menerima pemulangan balik wang ses yang dipungut mengikut peruntukan Seksyen 7, Ordinan Kumpulanwang Perusahaan Getah (Penanaman Semula) 1952 tertakluk kepada beberapa syarat dan peraturan yang ditetapkan dalam rancangan itu.

Untuk tujuan pemulangan wang ses tersebut, peserta dikehendaki mengemukakan penyata suku tahun mengenai getah yang dikeluarkan dalam borang sebagaimana yang ditetapkan dalam tempoh dua bulan dari akhir sukutahun yang berkenaan. Di antara maklumat yang perlu diisi dalam penyata itu ialah mengenai getah yang dijual kepada pengilang atau pengusaha tempatan kerana getah ini tidak dikenakan pembayaran ses dan sedemikian tidak diambilkira bagi pemulangan balik wang ses. Walau bagaimanapun, sebilangan besar peserta telah tidak memberikan maklumat tersebut.

Sebagai langkah awal untuk mengatasi masalah tersebut, RISDA telah pun menubuhkan satu unit penguatkuasaan pada awal tahun ini bagi meneliti dengan terperinci setiap penyata pengeluaran getah yang dikemukakan oleh peserta dan menyemak kesahihan maklumat-maklumat yang diberi. Hasil dari penyemakan yang dilakukan setakat ini

telah membuktikan bahawa memang terdapat banyak peserta yang telah mengemukakan penyata yang tidak lengkap.

Untuk penyelesaian jangka panjang, RISDA telah mengemukakan beberapa cadangan tertentu kepada pihak Kerajaan yang diharapkan akan dapat mengatasi kekurangan wang ses untuk tujuan penanaman semula getah yang kian dirasai masa kini dan juga menyelesaikan masalah tuntutan pulangan wang ses yang tidak tepat dan lengkap yang dikemukakan oleh peserta rancangan bagi estet-estet seperti yang disebutkan di atas. Cadangan-cadangan tersebut masih lagi dikaji pada masa ini.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan mengenai dakwaan yang dibuat oleh Pengerusi RISDA yang tidak ada hari ini bahawa seorang Pengarah Lembaga RISDA telah menafikan dengan sekeras-kerasnya dakwaan yang dibuat oleh beliau yang menyatakan bahawa perkara ini tidak pernah di bawa dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah RISDA.

Memandangkan kenyataan yang bercanggah ini adalah satu perkara yang sangat serius kerana Pengerusi RISDA telah menyatakan bahawa berjuta-juta ringgit telah ditipu. Oleh sebab itu saya harap satu keputusan yang muktamad boleh dibuat supaya tindakan boleh diambil terhadap mereka yang menipu RISDA seperti yang dinyatakan tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga boleh memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini apakah jumlah wang yang telah ditipu.

**Tuan Mohd. Yasin bin Kamari:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir penjelasan saya tadi itu terang. Ada maklumat-maklumat yang dikemukakan oleh estet-estet yang didapati tidak tepat yang diterima oleh RISDA. Maka itu, penyelarasan ataupun usaha untuk memperbetulkan kini sedang pun pesat dilaksanakan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, adakah benar dakwaan bahawa \$18 juta telah dicuri melalui prosedur tersebut dan kalau ada dakwaan seperti ini adakah ini bermakna pihak RISDA tidak mempunyai jentera yang lengkap dan yang berkesan untuk mengesan dan untuk memastikan semua bayaran ses ini adalah dijalankan dengan betul? Adakah Yang Berhormat sedar bahawa di dalam Dewan yang mulia ini beberapa kali sudah saya bangkitkan has ses ini dan saya diberi jaminan bahawa semua itu dijalankan dengan licin, dengan baik dan dengan efektif dan apakah terjadi sekarang.

**Tuan Mohd. Yasin bin Kamari:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir dakwaan Ahli Yang Berhormat itu memang jauh meleset. Sebenarnya mekanisme ataupun jentera RISDA ini efisien. Sebagai sebuah organisasi yang mementingkan kecekapan di dalam pelaksanaan tugas-tugas untuk membangunkan pekebun-pekebun kecil termasuk juga estet, maka dari satu masa ke satu masa memang sudah menjadi satu hasrat kepada kita untuk meningkatkan prestasinya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Tuan Haji Ishak bin Arshad.

*(Soalan No. 7 Y.B. Tuan Haji Ishak bin Arshad tidak hadir)*

#### KEMALANGAN DI PERSIMPANGAN BATU 8, JALAN CHERAS/SELEKOH TAMAN CUEPACS

**8. Dr Kua Kia Soong** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) berapa banyak kemalangan yang dilaporkan dan tidak dilaporkan telah berlaku di persimpangan Batu 8 Jalan Cheras serta belok di Taman Cuepacs dalam 10 tahun yang lepas;

- (b) berapa banyak jumlah kenderaan yang menggunakan jalan cabang dari Taman Cuepacs dan Ibu Pejabat Pasukan Polis dalam masa satu hari;
- (c) adakah keputusan bagi kajian yang telah dijanjikan oleh Kementerian ini berkenaan dengan masalah ini; dan
- (d) sampai bilakan Kementerian ini akan mendirikan lampu isyarat yang amat diperlukan di persimpangan ini sebelum lebih ramai nyawa diragut, lebih ramai orang yang cedera, dan masalah kesesakan lalulintas dapat diselesaikan sama sekali.

**Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan Kerk Choo Ting):** Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan (a), untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan maklumat daripada Pejabat Ketua Cawangan Polis Trafik Kajang, jumlah kemalangan yang dilaporkan telah berlaku di persimpangan Batu 4 Jalan Cheras serta selekoh Taman Cuepacs dalam tempoh 10 tahun yang lepas itu ialah berjumlah 591. Jabatan berkenaan tidak mempunyai rekod mengenai jumlah kemalangan yang tidak dilaporkan.

Mengenai soalan (b), mengikut maklumat dari Pejabat Ketua Cawangan Polis Trafik Kajang jumlah purata kenderaan yang menggunakan jalan cabang dari Taman Cuepacs dan Ibu Pejabat Pasukan Polis dalam masa satu hari ialah lebih kurang 3,000 kenderaan.

Untuk menjawab soalan (c) dan (d), kajian mengenai pemasangan lampu isyarat di persimpangan ini telah menunjukkan memang benar lampu isyarat di kawasan tersebut diperlukan. Memandangkan sebab utama masalah ini timbul daripada pembangunan beberapa taman perumahan di kawasan ini, pihak JKR telah mengadakan beberapa perbincangan dengan semua pemaju

perumahan di situ untuk merekabentuk dan membina lampu isyarat ini. Selepas rekabentuk disemak dan diluluskan oleh JKR, lampu isyarat ini akan dibina dan kosnya akan ditanggung oleh pemaju-pemaju tersebut.

**Dr Kua Kia Soong:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu saya bilakan lampu isyarat ini akan dibina?

**Tuan Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, rekabentuk itu dijangka akan dikemukakan kepada JKR pada bulan depan dan kalau diluluskan, kerja ini dijangka dimulakan pada tahun ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Tuan Abdul Mulok bin Awang Damit.

*(Soalan No. 9 Y.B. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit tidak hadir).*

#### PROJEK PEMBINAAN LEBUHRAYA— KESULITAN

**10. Tuan Mohamed Kamal bin Husain** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) sama ada projek pembinaan lebuhraya mengalami kesulitan dan jikalau ada dari segi apa;
- (b) sama ada pihak Kementerian puas hati dengan congakan, saguehati, pampasan, gantirugi atau ganjaran bagi tuan-tuan tanah dan rumah-rumah yang terlibat di dalam proses pemindahan untuk memberi laluan kepada projek tersebut;
- (c) apakah langkah-langkah alternatif yang dirancangan oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah keengganan penduduk-penduduk atau tuan punya tanah menerima tawaran Kerajaan

untuk berpindah daripada perkampungan mereka untuk memberi laluan kepada projek lebuh raya;

- (d) adakah Kerajaan berpuas hati bahawa di dalam menentukan jumlah ganjaran dan sebagainya, sebarang penyelewengan atau pilih kasih terhadap orang-orang atau kumpulan-kumpulan yang tertentu tidak berlaku; dan
- (e) adakah Kerajaan sengaja memilih tanah-tanah rizab kaum-kaum yang tertentu sahaja atau tanah-tanah kepunyaan kaum-kaum yang tertentu sahaja bagi memberi laluan lebuh raya dan apakah gantinya bagi tanah-tanah rizab Melayu dan rizab hutan yang terlibat.

**Tuan Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Projek pembinaan lebuh raya memang mengalami beberapa kesulitan dalam perlaksanaannya seperti masalah pengambilan balik tanah di tapak bina di mana keengganan pemilik-pemilik tanah atau bangunan mengosongkan kawasan tapak bina.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembayaran pampasan bagi tanah-tanah yang diambil balik adalah dalam bidang kuasa Kerajaan-kerajaan Negeri. Pembayaran pampasan oleh Kementerian adalah melalui Kerajaan-kerajaan Negeri berdasarkan kepada penilaian yang dibuat oleh Pejabat Tanah dan Pejabat Penilaian dan Perkhidmatan Harta. Pihak Kementerian berpuas hati dengan amaun pampasan yang ditetapkan itu.
- (c) Dalam urusan merekabentuk dan menentukan jajaran satu-satu jalan atau lebuh raya baru, Kerajaan dengan sebole-

bolehnya cuba mengelakkan daripada pengambilan tanah swasta, persendirian atau perkampungan. Penentuan jajaran ini adalah juga berdasarkan kepada kos peminaan jalan raya dan keperluan piawaian kejuruteraan. Dengan menimbang kedua-dua faktor ini, hanya suatu jajaran jalan ditetapkan supaya pengambilan balik tanah persendirian diadakan dengan tahap yang minimum.

- (d) Seperti yang dinyatakan tadi, sebarang penentuan ganjaran dan sebagainya adalah dibuat oleh Kerajaan-kerajaan Negeri melalui Pejabat Tanah dan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta berdasarkan asas-asas yang telah ditetapkan oleh Jabatan-jabatan yang berkenaan. Kementerian yakin tidak berlaku sebarang penyelewengan atau pilih kasih di dalam urusan ini.
- (e) Adalah tidak benar dakwaan bahawa Kerajaan sengaja memilih tanah-tanah rizab kaum-kaum tertentu sahaja bagi memberi laluan pembinaan lebuh raya. Kerajaan menentukan jajaran rizab lebuh raya adalah berdasarkan kajian kemungkinan yang telah dijalankan untuk sesuatu projek itu. Di samping itu, Kerajaan perlu mematuhi ciri-ciri rekabentuk kejuruteraan berdasarkan kepada piawaian lebuh raya. Penggantian tanah-tanah rizab Melayu dan rizab hutan yang diambil bagi tujuan projek lebuh raya adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan-kerajaan Negeri.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai (a) kesulitan pembinaan lebuh raya. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan ini

kedudukan mengenai permintaan PLUS dan UEM untuk sokongan tambahan kewangan daripada Kerajaan Pusat untuk Lebuhraya Utara-Selatan. Adakah kajian permintaan ini dibuat dan satu keputusan diambil dan kalau begitu apakah keputusannya? Kenapa Kerajaan harus membuat satu kajian sebelum satu permohonan yang rasmi dibuat oleh PLUS dan UEM? Adakah ini kerana mereka adalah korporat-korporat UMNO begitu mahu berkuasa (*Tepuk*) sehingga sebelum satu permohonan rasmi dibuat Menteri yang berkenaan atau Jabatan Kerajaan yang berkenaan perlu huru-hara membuat kajian, dan dalam kajian ini adakah sebelum satu kelulusan . . . . .

**Beberapa Ahli:** (*Sorak*)

**Tuan Lim Kit Siang:** . . . . .UMNO takut, saya tahu, UMNO takut dan apabila mendengar PLUS dengan United Engineers Malaysia, UMNO takut oleh kerana inilah korupsi UMNO, korupsi UMNO. . . . .

**Beberapa Ahli:** (*Sorak*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Bertenang.

**Tuan Lim Kit Siang:** Jangan takut. Ada korap, jangan takut.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat sudah habis?

**Beberapa Ahli:** (*Menyampuk*)

**Tuan Lim Kit Siang:** Mahu dengar?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Diminta bertenang.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau mahu dengar diam-diam . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat . . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan saya ialah, dalam pertimbangan perkara hendak membuat sokongan tambahan kewangan oleh PLUS dan United Engineers Malaysia yang dimiliki oleh UMNO dahulu, adakah Kerajaan membuat syarat-syarat sebelum kelulusan dibuat untuk menambah sokongan kewangan tambahan, bahawa concession 30 tahun hendaklah dikurangkan sekurang-kurangnya dengan 5 tahun supaya pengutipan tol dikurangkan, untuk meringankan beban pengguna-pengguna Lebuhraya Utara-Selatan bagi menentukan bahawa untung-untung UMNO tidak begitu besar? (*Tepuk*)

**Beberapa Ahli:** Tidak payah jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Bertenang-bertenang ya.

**Tuan Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ketua Pembangkang, tetapi soalan ini adalah soalan spesifik lagipun terkeluar daripada pokok. (*Tepuk*)

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*) (*Menyampuk*)

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Apa ini, duduklah!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat sudah cukuplah, Batang Lular.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam hal pembinaan jalanraya Sarawak yang pertama kegagalan kebanyakan kontraktor menjalankan kerja mereka pada tahun 1988-1989 adalah kerana berbangkit daripada tender board yang memilih the lowest tender. Jadi pihak JKR sepatutnya dapat tahu perkara ini mungkin berlaku, oleh kerana kenaikan harga ongkos membina jalanraya.

Apakah pendekatan yang telah dibuat oleh pihak JKR untuk memberi nasihat yang tertentu, yang terbaik supaya perkara ini tidak berlaku lagi? Itu pertama.

Yang kedua, ada juga masalah berbangkit atas pengambilan tanah di masa pembinaan jalanraya itu, dan adakah masalah ini sudah selesai?

**Tuan Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, inipun satu soalan spesifik (*Ketawa*) dan terkeluar daripada soalan pokok. Tambah pula jikalau Yang Berhormat melihat Aturan Urusan Mesyuarat hari ini, ada satu soalan mengenai hal yang sama dan saya boleh jawab kalau soalan itu naik nanti.

#### PROJEK EMPANGAN PERGAU DI KELANTAN

**11. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah perkembangan terakhir berhubung dengan projek Empangan Pergau di Kelantan. Apakah hasil rundingan yang telah tercapai di antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri Kelantan.

12-5-92.

**34. Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) adakah masalah pembayaran *ex-gratia* kepada Kerajaan Negeri Kelantan oleh TEN berhubung dengan projek Lembah Pergau telah selesai; dan
- (b) jika ya, apakah penyelesaiannya.

13-5-92.

**44. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan mengenai pertelingkahan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Kelantan di atas projek Pergau dan syarat-syarat penyelesaian tersebut.

21-5-92.

**45. Dr Sanusi bin Daeng Mariok** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) apakah hasil rundingan di antara Kerajaan Negeri Kelantan dengan Tenaga Nasional Berhad berhubung dengan projek Hidro-Elektrik Empangan Pergau, Gua Musang Kelantan.
- (b) terdapatkah sebarang perjanjian yang sah di antara Kerajaan Negeri Kelantan dengan Tenaga Nasional Berhad. Jika ada bolehkah dimaklumkan secara terbuka.
- (c) apakah rasionalnya Kerajaan Pusat mengambil sikap menyebelahi TNB soal ini yang boleh memberi gambaran seolah-olah terdapat kepentingan peribadi tertentu tersembunyi dalam projek ini.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan-soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas pada 12hb Mei 1992, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong pada 13hb Mei 1992 dan Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang pada 21hb Mei 1992, kerana menyentuh perkara yang sama iaitu mengenai Projek Hidro-Elektrik Pergau di Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, rundingan di antara Kerajaan Negeri Kelantan dan Tenaga Nasional sedang diadakan pada masa ini berhubung dengan bayaran pempasan serta bayaran lesen-lesen berkenaan. Oleh yang demikian, tiada perkembangan yang dapat dilaporkan pada masa ini. Walau bagaimanapun, buat masa ini projek ini sedang dilaksanakan tanpa gangguan dan pelaksanaan projek ini tidak mengalami kelewatan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang telah juga meminta mengenai rasional Kerajaan Pusat mengambil sikap menyebelahi Tenaga Nasional dalam soal ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat projek Hidro Elektrik Pergau adalah satu projek yang penting bagi pembangunan infrastruktur elektrik khususnya di negeri Kelantan dan amnya di negara ini. Projek ini melibatkan tambahan sebanyak 600 megawatt kepada keupayaan penjanaan kuasa Tenaga Nasional bagi seluruh Semenanjung Malaysia. Sekiranya projek ini tidak dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan, kemungkinan ianya akan menjejaskan bekalan elektrik di Semenanjung Malaysia menjelang tahun 1995.

Kerajaan Persekutuan mengambil berat hal-hal bekalan elektrik oleh kerana ianya melibatkan kepentingan rakyat dan negara. Kerajaan juga telah memberi jaminan bagi pinjaman projek ini, sekiranya projek ini dibatalkan ia akan melibatkan implikasi kewangan kepada Kerajaan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apakah dari segi moral dan juga undang-undang boleh sebuah Kerajaan itu membatalkan keputusan Kerajaan yang lepas, sebab saya lihat semasa PAS memerintah Kelantan dahulu, apabila Kerajaan Barisan Nasional mengambil-alih, kita terpaksa melaksanakan semua janji-janji kosong yang dibuat oleh PAS semasa dia memerintah dahulu, tidak pernah kita batalkan. Tetapi dalam hal projek yang sedang berjalan ini, yang memberi keuntungan kepada rakyat, PAS cuba membuat kacau-bilau, walaupun Yang Berhormat kata tidak tergendala. Tetapi dari segi apa yang kita baca dan kita dengar menunjukkan bahawa ada suatu yang boleh

melengahkan projek tersebut berlaku. Ini kita tidak dapat elekkkan sebab kita melihat kenyataan akhbar, TV yang kita percaya bahawa sesuatu telah dibuat oleh Kerajaan Kelantan yang boleh melengahkan projek ini. Kita sedia maklum pihak pembangkang boleh berjanji, boleh menegur, tetapi dia hanya boleh buat yang itu, yang lain dia tidak boleh, dia hanya boleh bercakap, boleh bisung dan juga boleh menjadi peserta-peserta 'circus' sahaja (*Ketawa*).

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya sebutkan tadi, projek ini sedang berjalan dengan lancar. Oleh itu saya memohon maaf kepada Ahli Yang Berhormat dari Arau untuk tidak menjawab soalan ini demi kepentingan rakyat di negara kita ini.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetahui daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah benar yang menyebabkan Kerajaan Kelantan mahu merunding semula Projek Hidro-Elektrik Pergau ini kerana, yang pertama semasa projek ini dilaksanakan ada pihak-pihak di peringkat negeri Kelantan mengedar borang-borang sendiri, iaitu Wakil-wakil Rakyat mengedar borang-borang untuk memberi kerja kepada penyokong masing-masing dan ianya tidak mendapat layanan.

Yang kedua dan seterusnya, apakah benar pihak-pihak tertentu menghasut Kerajaan Negeri kerana pihak ini kecewa tidak mendapat tender untuk melaksanakan projek tersebut. Dan soalan akhir, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu syarikat manakah yang diberi oleh pihak Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos mengenai dengan mengeluarkan kayu-kayu balak yang terdapat di kawasan Projek Pergau, kerana saya dimaklumkan dan melihat satu surat yang telah diberi tender ataupun yang diberi kelulusan untuk mengeluarkan kayu-kayu balak ini,

salinannya telah dibuat kepada Timbalan Menteri Besar Nombor Satu Kelantan. Jadi, saya ingin mendapat tahu apakah Yang Berhormat sedia memberi penjelasan dan maklumkan kepada Dewan yang mulia ini siapa punya syarikat ini?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Tenaga Nasional tidak berhak untuk memberi kelulusan berkenaan dengan pembalakan di kawasan Empangan Pergau hanya surat yang diberikan oleh Tenaga Nasional iaitu surat "tidak ada halangan". Tetapi oleh kerana surat ini menimbulkan ketegangan maka Tenaga Nasional telahpun membuat keputusan tidak akan mengeluarkan lagi surat seumpama ini di masa akan datang.

Berkenaan dengan soalan pertama yang disoal oleh Yang Berhormat tadi, oleh kerana sebenarnya saya sendiri pun jauh dari Kelantan—Yang Berhormat lebih dekat, terutama sekali kawasan Pasir Mas dekat dengan Empangan ini—saya rasa Yang Berhormat lebih maklum berkenaan dengan masalah-masalah atau perkara-perkara yang dihadapi di kawasan ini dan kemungkinan Yang Berhormat lebih sedar dan arif. Jadi, saya rasa pandangan-pandangan yang diminta daripada saya tadi saya tidak dapat jawab.

## TANAH DIMILIKI OLEH INDIVIDU/SYARIKAT ASING

12. Tuan Chor Chee Heung minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan:

- (a) berapa tanah dari segi peratusan termasuk penjenisan tanah yang dimiliki oleh individu atau syarikat asing seluruh negara sejak Kanun Tanah Negara dipinda membenarkan orang asing memiliki penjenisan tanah yang tertentu;

- (b) dengan peratusan tanah yang dimiliki oleh individu atau syarikat asing atau sama ada kepentingan rakyat atau syarikat tempatan diancam dengan akibat pemilikan tanah ini; dan
- (c) sama ada Kerajaan mempunyai cadangan untuk meminda Kanun Tanah Negara melarang lebih lanjut atau individu atau syarikat asing untuk memiliki tanah. Jika ya, apakah jenis larangan akan diadakan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi (Tuan Mohd. Noh bin Rajab):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini dan khususnya Yang Berhormat dari Alor Setar, sebelum 25hb Mac 1985 warganegara atau syarikat asing bebas memiliki tanah di Semenanjung kecuali tanah-tanah pegangan desa di bawah Kawasan Penempatan Akta Tanah Berkelompok 1960 atau, dengan izin, Group Settlement Areas Act 1960. Pada 25hb Mac 1985 hingga 31hb Disember 1986 melalui pindaan Kanun Tanah Negara, warganegara atau syarikat asing telah disekat daripada memiliki tanah pertanian, manakala tanah-tanah bangunan boleh dimiliki dengan mendapat kebenaran Pihak Berkuasa Negeri.

Pada 1hb Januari 1987 sekatan yang tersebut itu telah ditarik balik, tetapi butir-butir mengenai kewarganegaraan perlu dimasukkan di dalam borang di bawah Kanun Tanah Negara. Pada satu kajian yang telah dibuat adalah didapati dari 1hb Januari 1987 hingga Ogos 1990 jumlah tanah yang dimiliki oleh warganegara atau syarikat asing mengikut penjenisan adalah 4,638.5 hektar seperti berikut:

<i>Tanah Pertanian</i>	<i>Tanah Bangunan</i>	<i>Tanah Industri</i>
4,242.4 hektar	56.8 hektar	339.3 hektar

Walau demikian, jumlah tanah yang dimiliki oleh warganegara atau syarikat asing daripada sebelum 1987 sehingga Ogos 1990 adalah dianggarkan 34,333 hektar seperti berikut:

<i>Tanah Pertanian</i>	<i>Tanah Bangunan</i>	<i>Tanah Industri</i>
20,299.4 hektar	247.9 hektar	989.6 hektar

*Lain-lain Tanah yang tidak berkategori*

12,796.1 hektar

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, angka ini telah bertambah dari Ogos 1990 hingga kini. Jumlah sebenarnya sedang dikumpulkan. Walaupun dari segi peraturan, pemilikan tanah oleh warganegara atau syarikat asing tidak nampak begitu besar, tetapi dari segi angka sebenar atau absolute figures, dengan izin, jumlahnya adalah besar dan bilangan ini telah meningkat dengan pesatnya di beberapa negeri. Kerajaan bercadang untuk meminda Kanun Tanah Negara supaya warganegara atau syarikat asing boleh memiliki tanah pertanian dan bangunan hanya dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri, tetapi warganegara atau syarikat asing bebas untuk memiliki tanah industri. Rang Undang-undang mengenai perkara ini insya Allah akan dibentangkan di dalam Parlimen pada sesi ini.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa banyakkah tanah-tanah simpanan Melayu yang telah dicabut keluar dari simpanannya dan dipindahmilik kepada orang-orang asing dan bukan bumiputera?

**Tuan Mohd. Noh bin Rejab:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut peraturan ataupun undang-undang yang berkuatkuasa sekarang, tiap-tiap tanah simpanan Melayu yang dicabut miliknya mestilah dicari gantinya supaya jumlah peratusan atau jumlah totalnya tidak berubah. Kadang-kadang ianya

memakan masa dan yang berselisih ialah masa, tetapi dalam erti kata sebenarnya tiap-tiap tanah yang ditukarmilik daripada simpanan Melayu ke bebas itu hendaklah diganti dengan tanah yang baru. Terpulang kepada Kerajaan Negeri di manakah gantinya itu yang sesuai didapati.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Adal lagi?

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ada satu lagi, Tuan Yang di-Pertua. Adakah tanah yang digantinya, harganya sama dengan tanah yang dicabut keluar daripada cabutan Melayu, kerana kadang-kadang kita dapati dia ambil tanah bandar dia beri tanah kampung. Tanah bandar tanah elok, di kampung tanah paya. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan sedikit.

**Tuan Mohd. Noh bin Rejab:** Berkenaan nilai tanah, Tuan Yang di-Pertua, terpulang kepada Kerajaan Negeri untuk menentukan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Dr V. David.

(*Soalan No. 13 Y.B. Dr V. David tidak hadir*)

#### TAMAN BIMBINGAN KANAK-KANAK

14. Che Ibrahim bin Mustafa minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) bilangan kelas-kelas Taman Bimbingan Kanak-kanak (TBK) di seluruh negara. Apakah KEMAS menyediakan guru-guru yang cukup terlatih untuk mengajar di kelas-kelas ini;

- (b) bilangan guru yang mendidik di kelas-kelas Taman Bimbingan Kanak-kanak di seluruh negara;
- (c) apakah kriteria utama untuk mewujudkan sesebuah kelas TBK dan apakah pula faktor-faktor yang menyebabkan kelas-kelas ini ditutup; dan
- (d) apakah Kementerian berhasrat untuk menambahkan lagi bilangan kelas-kelas ini walaupun di sekolah-sekolah Kerajaan sudah terdapat kelas-kelas pra-sekolahnya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mohd. Yasin bin Kamari):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sehingga hari ini terdapat sebanyak 6,280 buah Taman Bimbingan Kanak-kanak atau TBK yang dijalankan oleh Bahagian Kemajuan Masyarakat, iaitu KEMAS, Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Di tiap-tiap TBK yang dijalankan oleh KEMAS ada seorang guru atau Pemaju Masyarakat iaitu PM dan seorang Pembantu Pemaju Masyarakat. Pemaju Masyarakat KEMAS, yang bertugas di TBK KEMAS adalah terdiri daripada mereka yang telah tamat mengikuti latihan pra-pendidikan anjuran KEMAS. Latihan ini adalah selama enam bulan. Kurikulum dan sukatan pelajaran yang diikuti pada masa kursus di empat buah pusat latihan KEMAS yang ada sekarang adalah kurikulum dan sukatan pelajaran yang dibentuk bersama dengan pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan.
- (b) Seramai 5,551 Pemaju Masyarakat TBK terdapat di TBK KEMAS. Jumlah ini adalah rendah jikalau dibandingkan dengan jumlah TBK, iaitu 6,280

buah. Perbezaan ini berlaku adalah disebabkan ada terdapat Pemaju-pemaju Masyarakat TBK KEMAS yang mengendalikan TBK dua sesi. TBK dua sesi dijalankan di sesetengah tempat kerana jumlah pelajar di sebuah TBK melebihi 35 orang.

- (c) Kriteria-kriteria yang diambil kira untuk mewujudkan TBK KEMAS ialah:
  - (i) sesebuah kampung atau locality mempunyai kanak-kanak yang berumur antara 4 hingga 6 tahun yang melebihi 30 orang;
  - (ii) kampung atau locality yang penduduknya berpendapatan rendah. Ini adalah mendapat tumpuan di kawasan-kawasan luar bandar.
  - (iii) Kampung atau locality yang dapat menyediakan tanah untuk pembinaan bangunan TBK dan sanggup pula menjalankan kerja-kerja pembinaan secara bergotong-royong untuk membina bangunan dan menjalankan TBK.

Faktor-faktor yang menyebabkan kelas TBK KEMAS ditutup adalah kekurangan pelajar di sesebuah TBK sehingga kurang dari 10 orang.

- (d) KEMAS akan menumpukan perkembangan kelas-kelas ini terutamanya di luar bandar. Sebanyak 4,241 buah TBK lagi akan dibuka dalam Rancangan Malaysia Keenam. Perkembangan ini tidak menjejaskan kelas-kelas pra-sekolah yang sudah pun wujud di sekolah-sekolah Kerajaan.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat

Timbalan Menteri, adakah Kementerian pernah membuat kajian secara menyeluruh tentang sambutan kelas-kelas TBK dari kanak-kanak bukan bumiputera sebab dalam kawasan saya walaupun terdapat banyak kelas TBK yang dijalankan oleh pihak KEMAS tetapi sambutan dari pihak kanak-kanak bukan bumiputera masih berkurangan dan jika masih tidak membuat kajian, adakah pihak Kementerian akan mengambil langkah supaya menggalakkan kanak-kanak dari golongan lain menyertai kelas-kelas TBK?

**Tuan Mohd. Yasin bin Kamari:**  
Tuan Yang di-Pertua, kelas-kelas TBK sebagaimana yang dimaklumkan, tumpuannya adalah di luar bandar dan terbuka kepada semua warganegara. Jadi, kalau ada pihak-pihak yang berpendapat bahawa sesetengah kelompok masyarakat tidak begitu tertarik dengan TBK KEMAS, barangkali ini adalah satu pandangan yang agak merugikan, satu pandangan yang negatif.

**Dr Haji Jamaludin bin Haji Jarjis:**  
Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, kelas TBK di kawasan FELDA difahamkan ada dua guru disediakan. Namun demikian, Kementerian hanya membiayai gaji seorang sahaja. Yang seorang lagi itu terpaksa dibiayai oleh masyarakat peneroka sendiri. Kalau ini benar, ia sudah semestilah merupakan beban kepada peneroka.

**Tuan Mohd. Yasin bin Kamari:**  
Tuan Yang di-Pertua, apa yang dimaklumkan tadi bahawa tiap-tiap TBK ada seorang pemaju dan seorang pembantu. FELDA dahulunya sebelum diserapkan di bawah KEMAS, kelas-kelas TBK adalah dibiayai oleh FELDA dan dasar kepada perjalanan TBK-TBK ini sebenarnya kita menggalakkan penyertaan secara sukarela daripada masyarakat.

Jadi, kalau di masyarakat rancangan-rancangan FELDA ada penyertaan ataupun sumbangan secara sukarela ataupun barangkali secara lain-lain kaedah untuk memesatkan lagi perjalanan kelas-kelas TBK ini adalah sebenarnya dialu-alukan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Masa untuk soal jawab sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 5, 7, 9, 13, 15 hingga 76 adalah diberi di bawah ini).*

#### **PENDIRIAN MALAYSIA TERHADAP ISU PALESTIN**

**5. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Luar Negeri menyatakan setakat manakah usaha Malaysia di Bangsa-bangsa Bersatu untuk mengembalikan Palestin kepada orang-orang Palestin dan bagaimanakah pendirian Malaysia di Bangsa-bangsa Bersatu mengenai "Double standard" Amerika Syarikat.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan):** Malaysia telah memainkan peranan aktif dalam memperjuangkan soal Palestin di Bangsa-bangsa Bersatu. Di mesyuarat-mesyuarat Bangsa-bangsa Bersatu, Malaysia telah bekerja rapat dengan Persidangan Negara-negara Islam (OIC) untuk menggesa agar badan dunia ini memenuhi janjinya untuk menubuhkan satu negara Palestin sebagaimana yang telah dibuat sewaktu Bangsa-bangsa Bersatu bersetuju untuk mengiktiraf penubuhan negara Israel dahulu. Sepanjang tempoh Malaysia menjadi anggota Majlis Keselamatan pada tahun 1989 dan 1990 juga, Malaysia telah berusaha untuk mendapatkan Majlis Keselamatan meluluskan beberapa resolusi penting yang mengutamakan soal keadilan dan perlindungan terhadap rakyat Palestin di Wilayah yang diduduki.

Malaysia menentang sikap 'double standard' yang diamalkan oleh Amerika Syarikat di Bangsa-bangsa Bersatu terutamanya di Majlis Keselamatan mengenai isu Palestin. Malaysia telah berkali-kali menegaskan bahawa Israel tidak boleh dibiarkan untuk terus mengingkari resolusi-resolusi yang diluluskan terhadapnya, dan Israel mestilah dikenakan tindakan oleh Majlis Keselamatan seperti negara-negara lain yang didapati mencabul atau mengancam keamanan dan keselamatan antarabangsa.

### REPUBLIK ISLAM (CIS)— HUBUNGAN PERDAGANGAN

7. Tuan Ishak bin Arshad minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) langkah segera bagi mewujudkan perdagangan Malaysia dengan negara-negara Islam yang baru merdeka dari USSR;
- (b) adakah Kementerian bercadang melantik Pesuruhjaya Perdagangan bagi negara-negara tersebut;
- (c) apakah peluang-peluang perniagaan yang telah dikenalpasti oleh pihak Kementerian di negara-negara Islam tersebut;
- (d) apakah halangan yang dijangka akan menghalang kewujudan hubungan dengan negara-negara tersebut; dan
- (e) sejauh manakah tindakan awal dibuat bagi menentukan kejayaannya.

7-5-92.

1. Dr Sanusi Daeng Mariok minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah yang dilakukan oleh Kementerian ini untuk membuka laluan-laluan perdagangan dengan negara-negara bekas Soviet

Union yang baru mengamalkan sistem perdagangan bebas.

7. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sama ada Kerajaan Malaysia akan menggalakkan pihak swasta mengkaji peluang-peluang pelaburan di beberapa negara Islam dan Komanwel Negara Merdeka seperti Uzbekistan dan lain-lainnya.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Chua Jui Meng): Saya mohon izin untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kangar bersama dengan soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong pada 7-5-92 dan Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang pada 7-5-92.

- (a) Malaysia menyambut baik perubahan yang berlaku di negara-negara bekas Kesatuan Sosialis Soviet Russia (USSR) di mana perubahan sedang berlaku daripada sistem Kerajaan Pusat kepada Sistem Ekonomi Terbuka dan Pasaran Bebas yang mana akan dapat membantu pertumbuhan ekonomi yang kompetitif di Komanwel negara-negara merdeka, dengan izin, Commonwealth of Independent States (CIS). Ini seterusnya akan membantu ekonomi CIS dan membolehkannya memasuki perdagangan antarabangsa dan akan membantu pertumbuhan ekonomi negara-negara tersebut.

Walau bagaimanapun, perubahan politik yang radikal dan mendadak di negeri-negeri CIS yang dahulunya di bawah kekuasaan komunis menghadapi masalah untuk merubah daripada ekonomi kawalan pusat kepada sistem ekonomi pasaran dan perdagangan bebas. Perubahan di USSR ini juga telah merombak

sistem sosial dan politik negara tersebut di mana telah ada perpecahan dan wujud pula negara-negara merdeka seperti negara-negara Baltic terdiri daripada Estonia, Latvia dan Lithuania yang mirip kepada Eropah Barat dan Komanwel negara-negara merdeka terdiri daripada 12 republik bekas negeri-negeri di bawah USSR.

Di dalam keanggotaan CIS pula, ada beberapa Republik Islam seperti Uzbekistan, Kazakhstan, Kirghystan, Turkmenistan, Tadzhiqistan dan Azerbaijan yang ingin menjalin hubungan dengan Turki dan negara-negara Asia Barat. Negeri-negeri ini kesemuanya berusaha merubah sistem ekonominya dan juga sedang mencari rakan perdagangan yang boleh memberi manfaat kepada mereka.

Oleh hal yang demikian, perubahan kepada arah sistem ekonomi bebas sepenuhnya belum lagi terlaksana disebabkan keadaan sosial dan politik yang tidak menentu dan belum lagi menunjukkan tanda-tanda yang ia akan mantap di dalam jangka masa yang pendek.

- (b) Buat masa ini Pejabat Pesuruhjaya Perdagangan Malaysia di Moscow mengendalikan hal-hal berkaitan dengan perdagangan bagi kesemua negeri-negeri bekas USSR dan Kerajaan belum lagi bercadang untuk menubuhkan sebuah pejabat di negeri-negeri CIS.

Memandangkan kepada keadaan yang tidak menentu pada masa ini, pihak Kerajaan akan mengikuti dan meneliti perubahan-perubahan ini dan akan mengambil langkah-langkah perlu ke atasnya.

- (c) Peralihan kepada sistem ekonomi ini akan dijangka memberi peluang pasaran yang luas kepada Malaysia di hari muka, walaupun keadaan sosial, politik dan ekonomi belum stabil sepenuhnya, adalah penting sekali syarikat-syarikat tempatan menerokai pasaran tersebut. Dalam hal ini, Pejabat Pesuruhjaya Perdagangan di Moscow akan memberi segala kerjasama dan bantuan kepada syarikat-syarikat dan pelabur-pelabur tempatan yang berminat untuk melabur umpamanya di dalam bidang tekstil, kasut, peralatan elektrik, ubat-ubatan, makanan kanak-kanak, minyak masak dan makanan ternakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa mengikuti perkembangan-perkembangan yang berlaku di negeri-negeri bekas USSR dan maklumat-maklumat ini dianalisa dan disalurkan kepada ahli-ahli swasta sebagai panduan bagi mereka merancang tindakan-tindakan dan susulan. Kerajaan akan bekerjasama rapat dan menasihati mereka sebelum mereka melibatkan diri ke pasaran-pasaran di negeri-negeri bekas USSR.

- (d) Sebagai negara yang baru bebas daripada pemerintahan komunis dan kini sedang berusaha ke arah sistem pasaran bebas dan ekonomi terbuka, sudah tentu ia akan mengambil masa untuk menyesuaikan kepada sistem baru ini. Tambahan pula, negeri-negeri bekas USSR ini menghadapi masalah kewangan dan oleh hal yang demikian, tidak berkeupayaan untuk mengimport secara perdagangan bebas. Walau bagaimanapun, Kerajaan bersikap terbuka bagi menjalin hubungan dua hala dengan negara-negara tersebut.

- (e) Tindakan telah dibuat di mana Kerajaan telah pun menyampaikan maklumat-maklumat mengenai organisasi-organisasi perdagangan negeri-negeri CIS termasuk daripada Republik-republik Islam seperti Uzbekistan dan lain-lain lagi kepada Dewan-dewan Perniagaan dan Perdagangan serta syarikat-syarikat tempatan. Sebelum terbubarnya USSR, Uzbekistan telahpun menjalin hubungan dengan Malaysia di bidang perdagangan dan pelancongan. Kegiatan perdagangan dan ekonomi ini akan dipertingkatkan lagi bukan sahaja dengan Uzbekistan, tetapi juga dengan Republik-republik Islam lain seperti Kazakhstan, Azerbaijan, Kirghystan dan Turkmenistan di bidang yang dapat memberi manfaat kedua-dua negara seperti di industri carigali minyak, logam dan tekstil.

#### UNIVERSITI ASEAN DI LABUAN—CADANGAN PENUBUHAN

9. Tuan Abdul Mulok Awang Damit minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kerajaan bercadang hendak menubuhkan cawangan kampus mana-mana universiti tempatan di Wilayah Persekutuan Labuan demi untuk menampung permohonan yang kini bertambah khususnya dari Wilayah Persekutuan Labuan, Sabah dan Sarawak. Adakah Kerajaan bercadang hendak mengkaji semula cadangan awal penubuhan universiti ASEAN di Wilayah Persekutuan Labuan memandangkan Wilayah Persekutuan Labuan sudah dijadikan IOFC.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Fong Chan Onn):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan belum bercadang untuk menubuhkan cawangan kampus mana-mana universiti tempatan di Wilayah Persekutuan Labuan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan telahpun bersetuju untuk menubuhkan Universiti Kelapan di Samarahan, Sarawak. Universiti ini dijangka akan dapat menampung keperluan pendidikan tinggi di Malaysia termasuk Wilayah Persekutuan (Labuan), Sabah dan Sarawak.

#### LADANG BUKIT HITAM, PUCHONG—ADUAN PEKERJA

13. Dr. V. David minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kementerian terhadap aduan-aduan pekerja-pekerja Ladang Bukit Hitam, Puchong;
- (b) adakah benar bahawa ada kemungkinan besar ladang ini akan dimajukan; dan
- (c) jika ada rancangan untuk memajukan ladang ini, adakah pekerja-pekerja ladang akan ditawarkan rumah murah dan jika ia, bilakah mereka akan ditawarkan.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam):**

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat dari Puchong, saya ingin menegaskan bahawa Kementerian Sumber Manusia tidak menerima sebarang aduan dari pekerja-pekerja Ladang Bukit Hitam, Puchong kecuali dari Yang Berhormat sendiri. Walau bagaimanapun, saya, yang telah dilahirkan dan dibesarkan di Puchong memang mengetahui bahawa pekerja-pekerja ladang ini mengalami beberapa masalah. Kementerian Sumber Manusia akan berusaha untuk mengatasi masalah-masalah mereka.

Dari laporan pemeriksaan pegawai-pegawai buruh yang terakhir iaitu pada 13-4-92, pihak majikan ladang tersebut telah

diminta memperbaiki lagi sistem bekalan air di kawasan perumahan di mana bekalan air dari kolam air adalah untuk membasuh sahaja dan bekalan air sepanjang 24 jam sehari dari sumber awam juga disediakan di ladang ini melalui 2 paip awam. Majikan ladang ini juga telah diminta memperbaiki segala kerosakan rumah pekerja.

- (b) Adalah benar bahawa seluas 435.7 ekar (176.3 ha.) daripada sejumlah 613.4 hektar tanah ladang ini akan diambil balik oleh Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan untuk tujuan pembangunan projek-projek perumahan, kawasan perindustrian dan pusat perniagaan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS).
- (c) Untuk makluman Dewan yang mulia ini, saya ingin memaklumkan bahawa mengikut polisi Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan, apabila sesebuah ladang ditukar syarat dari perladangan ke perindustrian, pekerja-pekerja ladang yang terbabit akan diberi keutamaan dalam aspek pemberian perumahan dan pekerjaan. Maka mengikut dasar yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan, Kementerian Sumber Manusia telah difahamkan oleh pihak PKNS bahawa pekerja-pekerja ladang Bukit Hitam, Puchong akan diberi keutamaan dan peluang untuk membeli rumah-rumah kos rendah yang akan dibina apabila tanah ladang ini dimajukan kelak.

Di samping itu, tindakan sewajarnya akan diambil oleh Jabatan Buruh untuk menentukan segala faedah termasuk faedah penamatan kerja dibayar kepada pekerja-pekerja ladang ini apabila mereka ditamatkan kerja

akibat pengambilan balik tanah ladang oleh Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan.

#### PEMBAZIRAN/PERBELANJAAN BERLEBIHAN— AGENSI KERAJAAN

15. Tuan Fong Kui Lun minta Menteri Kewangan menyatakan nama agensi-agensi Kerajaan yang telah berbelanja berlebihan oleh ketua-ketua agensi atas hal-hal yang disifatkan membazir dan sejauh mana Menteri telah bertindak ke atas mereka seperti yang disuarakan tidak lama dulu.

Menteri Kewangan (Dato' Seri Anwar Ibrahim): Agensi-agensi Kerajaan tidak boleh berbelanja melebihi peruntukan yang telah diluluskan oleh Parlimen. Oleh itu, tidak timbul soal agensi-agensi Kerajaan berbelanja berlebihan sekiranya apa yang Ahli Yang Berhormat maksudkan dengan berbelanja berlebihan ialah berbelanja melebihi peruntukan.

Perbelanjaan-perbelanjaan yang dilakukan oleh agensi Kerajaan adalah perbelanjaan bagi maksud-maksud tertentu yang telah diluluskan. Dalam hubungan ini, Kementerian menyedari berlakunya perbelanjaan-perbelanjaan oleh beberapa agensi Kerajaan yang tidak mengikut peraturan dan tatacara kewangan yang akhirnya mengakibatkan pembaziran. Di antaranya ialah seperti berikut:

- (i) Peralatan tidak digunakan sepenuhnya.
- (ii) Kelemahan pengurusan kontrak.
- (iii) Kelemahan pengurusan harta/stor.
- (iv) Kelemahan bekalan catuan makanan.

Kementerian saya memandang berat ke atas agensi-agensi Kerajaan yang melanggar peraturan dan tatacara kewangan yang mengakibatkan pembaziran. Tindakan-tindakan untuk

mengatasi keadaan ini adalah terus diambil oleh Kementerian saya. Tindakan-tindakan tersebut termasuklah:

- (i) memperakukan tindakan tata-tertib atau surcaj;
- (ii) mempergiatkan program-program latihan untuk tujuan mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai awam di semua peringkat dalam hal-hal yang berkait dengan pengurusan kewangan;
- (iii) memperkemaskan sistem belanjawan dan juga peraturan serta tatacara kewangan.

#### PERUNTUKAN PENDIDIKAN BAGI SARAWAK—JUMLAH

16. Tuan Wahab Suhaili minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) jumlah peruntukan yang diagihkan kepada Sarawak dalam tempoh 1986-1990;
- (b) sila nyatakan mengikut agihan kepada kaum-kaum di Sarawak bagi:
  - (i) SRK; dan
  - (ii) SMK.

Dr Fong Chan Onn:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah peruntukan pendidikan bagi negeri Sarawak pada tempoh 1986-1990 ialah \$2,406.4 juta.
- (b) Kementerian Pendidikan tidak pernah mengagihkan peruntukan pendidikan mengikut kaum-kaum tertentu. Peruntukan diberi adalah berdasarkan kepentingan pendidikan dan bergantung kepada keadaan kewangan negara.

#### SKIM PEMBIAYAAN SEMULA PINJAMAN EKSPORT— PERLUASAN PASARAN

17. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan memandangkan bahawa perdagangan antarabangsa telah dan akan terus menjadi sektor utama aktiviti ekonomi negara, adakah Kementerian bercadang menggalakkan sistem pinjaman (credit refinancing scheme) kepada negara-negara yang mengimport barangan keluaran negara kita seperti yang telah dilakukan ke atas pengeksporan minyak kelapa sawit. Apakah kebaikan dan keburukan sistem ini.

Tuan Chua Jui Meng: Kerajaan telah mempunyai beberapa kemudahan pembayaran (financing) dalam usaha memajukan perdagangan antarabangsa. Dalam memajukan eksport dan penggantian import dan juga untuk membiayai pengeksporn-pengeksporn Kerajaan telah mengujudkan Skim Pembiayaan Semula Pinjaman Eksport (ECR) dan Insurans Keredit Eksport Malaysia Berhad (MECIB) dan baru-baru ini skim kredit kepada pengimport-pengimport untuk minyak sawit (POCPA).

Skop skim-skim yang diwujudkan ini telah diperluaskan. Tujuan utama ECR adalah untuk menggalakkan eksport barang-barang perkilangan serta komoditi ke pasaran-pasaran tradisional dan baru. MECIB juga umpamanya telah menawarkan perlindungan kepada bank-bank di Malaysia terhadap kerugian akibat tidak mendapat bayaran balik bank-bank di luar negeri yang mengeluarkannya. Ini adalah menggalakkan bank-bank untuk memperluaskan aktiviti mereka dalam pengesahan surat kredit yang dikeluarkan oleh bank-bank dalam pasaran bukan tradisional atau yang berisiko tinggi.

Kerajaan juga telah menyediakan satu pakej galakan cukai bagi menggalakkan pelabur-pelabur Malaysia melabur di

luar negeri khususnya di bidang-bidang di mana Malaysia mempunyai kepakaran. Melalui usaha ini, pasaran-pasaran baru boleh dimajukan dan pasaran-pasaran yang sedia wujud boleh diperkukuhkan dan diperluaskan dengan mengadakan projek-projek pelaburan.

Sebagai salah satu langkah untuk memperluaskan pasaran eksport khususnya di pasaran bukan tradisi, Kerajaan mengadakan beberapa perjanjian dengan rakan-rakan perdagangan bagi memudahkan urusan perdagangan. Perjanjian-perjanjian tersebut adalah Perjanjian Kemudahan Pembayaran, dengan izin, Bilateral Payments Arrangements, Perjanjian Perdagangan dan Perjanjian Jaminan Pelaburan.

Kerajaan akan sentiasa mengkaji kedudukan rancangan-rancangan kemudahan kredit ini dalam konteks keberkesanan dalam galakan eksport negara. Buat masa ini, langkah-langkah yang dijalankan telah membawa manfaat besar kepada usaha-usaha memperluaskan pasaran. Tetapi memandangkan ia adalah kemudahan pinjaman sudah pasti ada risikonya. Selain daripada kos yang terlibat skim pinjaman kredit adalah terdedah kepada risiko tidak membayar balik pinjaman kerana sebab-sebab politik, dengan izin, non fulfillment of loans due to political reasons. Ini bermakna, bebanan kepada negara dan seterusnya juga akan menjejaskan kemudahan pinjaman kepada negara-negara lain. Walau bagaimanapun, skim seperti Insiram Kredit Eksport menawarkan sistem perlindungan melalui, dengan izin, sovereign risk, dan risiko-risiko dapat dikurangkan.

#### **25 TAHUN MARA— PERANCANGAN BAGI PENIAGA BUMIPUTERA SARAWAK**

**18. Tuan James Jimbun Anak Pungga** minta Menteri Perusahaan Awam menerangkan langkah yang dapat

membantu pencapaian cemerlang MARA selepas 25 tahun penubuhannya dan apakah rancangannya untuk membimbing usahawan bumiputera bagi mempertingkatkan perkembangan perniagaan mereka dan apakah rancangan yang akan diatur untuk negeri Sarawak.

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman):** Banyak faktor yang dapat membantu MARA mencapai kecemerlangan selepas 25 tahun penubuhannya. Dari segi organisasi misalnya, MARA merupakan sebuah organisasi yang mantap, mempunyai kakitangan yang komited dan dedikasi. 'Mission' MARA adalah jelas dan boleh diterjemahkan kepada objektif dan program secara jangka pendek dan jangka panjang.

MARA telah menggariskan strategi pelaksanaan programnya melalui sektor usahawan, korporat, pendidikan dan latihan serta saham yang ke semuanya bertujuan untuk memajukan tahap ekonomi dan sosial serta mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera.

Program-program yang telah dirancangan akan diteruskan bagi mempertingkatkan perkembangan perniagaan bumiputera. Dalam usaha ke arah itu, pihak MARA memberi penekanan kepada aspek gunatenaga di peringkat pengurusan tinggi, berdikari dan mempunyai kematangan dalam menentukan halacara jangkamasa perniagaan.

Pihak MARA juga bekerjasama dengan agensi dan Jabatan Kerajaan lainnya sebagai penggalak dan pembimbing utama bagi usahawan-usahawan kecil dan sederhana yang baru muncul atau telah sedia bertapak.

Berbagai jenis kursus telah dan akan diadakan bagi mempertingkatkan usahawan untuk terus menjalakan perniagaannya. Di antara kursus yang diadakan ialah Persediaan Perniagaan

Perusahaan, Pengurusan Am, Audit dan Cukai Pendapatan, Kesetiausahaan Syarikat, Pengurusan Kedai Makan, Pengurusan Kewangan, Import dan Eksport, Pemasaran, Pengurusan Pemborong dan Kira-kira. Kursus ini dijalankan secara berterusan dari masa ke semasa di mana ianya dirancang mengikut perkembangan dan perusahaan negeri berkenaan. Bagi mempertingkatkan perkembangan perniagaan usahawan bumiputera ini, MARA menyediakan infrastruktur seperti premis perniagaan dan pusat-pusat yang boleh digunakan sebagai tempat latihan dan juga amalan secara praktikal yang boleh membantu usahawan-usahawan yang berkaitan. Kesemua program-program ini juga meliputi negeri Sarawak.

#### PERMOHONAN MEMASUKI ITM/ UNIVERSITI—KEKURANGAN BORANG DI SARAWAK

19. Tuan Richard Riot anak Jaem minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa borang-borang permohonan bagi kemasukan ke Institut Teknologi MARA (ITM) di negeri Sarawak telah kehabisan seminggu sebelum tarikh tutup;

- (a) adakah Kementerian sedar bahawa keadaan sebegini juga berlaku kepada borang-borang permohonan untuk memasuki universiti-universiti; dan
- (b) kalau sedar, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian agar keadaan seumpama ini tidak berulang lagi.

Dr Fong Chan Onn: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kehabisan borang-borang permohonan untuk memasuki universiti-universiti tempatan adalah disebabkan oleh bilangan permohonan yang di luar dugaan. Tindakan serta-merta diambil untuk membekalkan borang secukupnya.

Untuk mengelakkan perkara ini berlaku, Kerajaan akan cuba mencetak secukupnya borang-borang tersebut.

#### “BANGSA”, PEMANSUHAN IDENTITI-ARAHAN PEKELILING MAMPU

20. Dr Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sebab-sebab Unit Permodenan Perancangan Tenaga Manusia (MAMPU) mengeluarkan pekeliling kepada jabatan-jabatan Kerajaan supaya dikeluarkan soalan-soalan mengenai “bangsa daripada borang-borang rasmi;
- (b) sama ada tindakan tersebut menyulitkan usaha-usaha untuk mengawasi perkembangan sosio-ekonomi khususnya kemajuan bumiputera;
- (c) langkah-langkah untuk memastikan agensi-agensi pelaksanaan tidak keterlaluan dan menyimpang dari dasar Kerajaan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):

- (a) MAMPU telah mengeluarkan surat yang diedarkan kepada semua kementerian dan jabatan Kerajaan supaya memansuhkan penggunaan butiran “bangsa dalam borang-borang rasmi Kerajaan seperti yang telah diputuskan oleh Kerajaan. Tujuannya ialah pertama, untuk membentuk satu identiti bangsa. Ia merupakan suatu usaha ke arah pengenalan rakyat sebagai satu identiti iaitu bangsa Malaysia. Dan keduanya, untuk meningkatkan perpaduan kaum. Pengurangan penggunaan yang membezakan sesuatu kumpulan kaum atau etnik secara tidak langsung akan mengukuhkan

semangat kenegaraan terhadap Malaysia. Ia akan merapatkan lagi keharmonian dan perpaduan masyarakat yang berbilang kaum di negara ini. Tidak semua borang-borang yang mengandungi butiran bangsa betul-betul memerlukan dan menggunakan maklumat tersebut. Contohnya, permohonan pemasangan telefon, permohonan baja dan sebagainya. Di samping itu, terdapat juga di mana maklumat ini dikutip semata-mata untuk tujuan melengkapkan maklumat mengenai peribadi seseorang tanpa mempunyai tujuan khusus dari segi penggunaannya.

- (b) Tindakan yang diambil ini tidak menyulitkan usaha-usaha untuk mengawasi perkembangan sosio-ekonomi termasuk kemajuan bumiputera. Langkah ini telah diambil hasil daripada kajian yang telah dijalankan oleh MAMPU ke atas 473 set borang rasmi yang diterima daripada Kementerian dan jabatan Kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemansuhan butiran "bangsa dalam borang-borang rasmi Kerajaan tidaklah menyeluruh tetapi hanya untuk borang-borang tertentu sahaja. Banyak lagi borang-borang yang digunakan oleh Kementerian dan jabatan Kerajaan masih lagi memerlukan penggunaan maklumat tersebut. Butiran maklumat ini diperlukan ialah pertama, dari segi keperluan untuk membuat keputusan dalam mematuhi dasar Kerajaan seperti dalam aspek pendidikan, kewarganegaraan, perkhidmatan dan lain-lain yang memerlukan pengawasan serta pengesanan setiap masa. Kedua, dari segi kepentingan keselamatan; dan ketiga keperluan penyelidikan.

- (c) Pelaksanaan usaha-usaha ini adalah di bawah tanggungjawab Kementerian dan jabatan masing-masing yang lebih maklum mengenai keperluan dan penggunaan maklumat berkenaan. Pada masa ini, sebanyak 162 set borang telah dikenalpasti supaya tidak lagi menggunakan butiran tersebut. Bagaimanapun, bagi borang-borang yang baru diperkenalkan, Kementerian dan jabatan sentiasa merujuk kepada MAMPU untuk mendapatkan nasihat sewajarnya. Langkah-langkah ini dapat memastikan bahawa pelaksanaannya dapat dijalankan dengan teratur sesuai dengan dasar Kerajaan.

#### LAPANGAN TERBANG SANDAKAN—KERETAKAN LANDASAN

21. Tuan Lai LunTzee minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar bahawa landasan kapal terbang Sandakan telah mengalami kerekahan yang menyebabkan kesusahan mendarat bagi kapal terbang seperti Boeing 737; dan
- (b) jikalau begitu, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

Timbalan Menteri Pengangkutan  
(Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail):

- (a) Kerajaan memang sedar tentang masalah keretakan yang dialami oleh landasan Lapangan Terbang Sandakan.
- (b) Kerajaan telah melantik sebuah Syarikat perunding untuk mengkaji dengan lebih terperinci masalah yang dihadapi oleh landasan Lapangan Terbang Sandakan dan memperakukan kepada Kerajaan apakah tindakan bersesuaian yang patut diambil.

## INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI— PENAMBAHAN TEMPAT

**22. Datuk Monggoh Orow** minta Menteri Pendidikan menyatakan memandangkan bilangan lepasan murid-murid STPM yang lulus setiap tahun semakin bertambah dan universiti-universiti yang sedia ada dalam negara tidak dapat memberi tempat kepada sebahagian besar lepasan murid-murid STPM yang layak, adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk menambahkan lagi kemudahan-kemudahan pembelajaran di universiti-universiti yang sedia ada dan membina universiti baru supaya murid-murid yang layak masuk ke universiti akan mendapat tempat.

**Dr Fong Chan Onn:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk menambah tempat di institusi pengajian tinggi tempatan. Sebagai contoh, pada tahun 1990 jumlah pelajar di institusi pengajian tinggi tempatan (Diploma, Ijazah Pertama dan Ijazah Lanjutan) ialah seramai 89,386 orang, manakala pada tahun 1995 pula bilangan pelajar adalah dianggarkan seramai 133,910 orang iaitu pertambahan sebanyak 50%. Untuk menampung pertambahan tersebut, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$2.3 ribu juta di bawah Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995) berbanding dengan \$1.5 ribu juta di bawah Rancangan Malaysia Kelima, iaitu pertambahan peruntukan sebanyak 53%.

Pertambahan peruntukan ini boleh digunakan untuk memperkembangkan kampus-kampus induk dan cawangan-cawangan institusi pengajian tinggi tempatan. Di samping itu juga, Kerajaan telah bersetuju untuk menubuhkan universiti kelapan di Samarahan, Sarawak.

Semua langkah dan usaha yang akan dijalankan adalah bertujuan untuk menambahkan tempat di institusi-

institusi pengajian tinggi tempatan bagi menampung bilangan lepasan STPM yang lalu.

## LATIHAN VOKASIONAL KEPADA LEPASAN SEKOLAH

**23. Dato' Haji Mohd. Abu Bakar bin Rautin Ibrahim** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah langkah kawalan Kerajaan untuk menentukan kualiti pembelajaran terjamin di kalangan sekolah swasta; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang memberi latihan vokesyenal kepada lepasan sekolah yang tidak berpeluang melanjutkan ke pelajaran tinggi untuk meningkatkan kemahiran yang sangat diperlukan oleh negara khusus dalam bidang perindustrian.

**Dr Fong Chan Onn:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk mengawal kualiti pengajian serta kurikulum adalah:

- (i) Sebelum sekolah-sekolah berkenaan ditubuhkan, Kementerian Pendidikan memastikan sekolah berkenaan mempunyai kemudahan-kemudahan dan tenaga pengajar yang berkelayakan, bersesuaian dan mencukupi.
- (ii) Sebelum permit mengajar dikeluarkan kepada bakal-bakal guru berkenaan, kelulusan dan pengalaman mereka akan disemak.
- (iii) Mengadakan lawatan-lawatan pemeriksaan dari masa ke semasa untuk melihat pelaksanaan kurikulum dan keselarasaannya dengan sistem pendidikan kebangsaan.
- (iv) Lawatan-lawatan pemeriksaan dilakukan oleh Jemaah Nazir Sekolah bagi megawal kualiti pengajaran di sekolah tersebut.

### **POLIS—JUMLAH KEKUATAN KONTINJEN SEMASA**

**24. Dr. Tan Seng Giaw** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan anggota polis di seluruh negara amnya dan Kuala Lumpur Wilayah Persekutuan khususnya, bilangan kekosongan jawatan. Apakah dasarnya mengenai pengisian jawatan-jawatan tersebut.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Bilangan anggota Polis di seluruh negara berjumlah 78,679 berbanding dengan perjawatan yang diluluskan berjumlah 80,148 iaitu kekosongan seramai 1,469. Bagi Kontinjen Kuala Lumpur (Wilayah Persekutuan) kekuatan semasa ialah 4,972 berbanding dengan 4,318 perjawatan yang diluluskan. Lebihan kekuatan seramai 654 dibuat melalui pinjaman dari unit-unit Polis yang lain.

Pengisian jawatan-jawatan adalah dibuat menerusi urusan pengambilan terus dan juga urusan kenaikan pangkat.

Proses pengambilan yang dijalankan bukan sahaja ditentukan berdasarkan syarat kelayakan kelulusan akademik yang minimum tetapi ditentukan juga oleh syarat-syarat dari segi fizikal, kecekapan dan kesesuaian sebagai seorang anggota Poli dalam semua segi kepolisian. Tapisan juga dijalankan bukan sahaja dari segi jenayah, dadah dan aktiviti calon tetapi juga dibuat terhadap laterbelakang dan kesihatan calon-calon berkenaan. Mulai tahun 1992, peperiksaan psychometrics diadakan iaitu bagi mendapatkan calon-calon yang benar-benar stabil dari segi pemikiran, emosi dan kecenderungan. Pengisian melalui proses kenaikan pangkat pula dibuat oleh Lembaga Kenaikan Pangkat yang ditubuhkan di peringkat Jabatan Polis bagi pegawai-pegawai rendah dan oleh Suruhanjaya Pasukan Polis oleh pegawai-pegawai kanan. Kenaikan pangkat dilakukan berdasarkan kepada kebolehan dan merit seseorang Pegawai.

### **BERSARA AWAL 1992—JUMLAH PEMOHON**

**25. Dr Tan Seng Giaw** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah kakitangan Kerajaan yang telah memohon bersara awal dari 1-1-90 hingga 31-3-91 dan bilangan anggota Kerajaan yang masih berkhidmat. Apakah sebabnya mereka bersara awal.

**Tuan Othman bin Abdul:** Buat makluman Yang Berhormat bagi tempoh 1-1-90 hingga 31-3-1992, seramai 5,239 kakitangan Kerajaan telah bersara awal. Berdasarkan permohonan-permohonan bersara awal yang diterima, kebanyakan mereka bersara kerana ingin menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan juga sebab-sebab peribadi. Jumlah anggota-anggota perkhidmatan awam yang sedang berkhidmat mengikut rekod pada November 1991 ialah 705,512 orang.

### **LAPANGAN TERBANG IPOH— KEROSAKAN SISTEM ALAT PENDARATAN**

**26. Dr Nawawi bin Mat Awini** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) kedudukan sekarang mengenai sistem alat terbang Ipoh yang menyebabkan dibatalkan sama sekali penerbangan waktu malam;
- (b) bilakah sistem alat pendaratan yang berfungsi akan beroperasi di Lapangan Terbang Ipoh dan bilakah penerbangan waktu malam akan dijalankan semula; dan
- (c) berapakah kerugian yang dialami oleh MAS disebabkan kelewatan memperbaiki/mengganti alat-alat tersebut.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail):**

- (a) Jurutera pakar dari Syarikat Aviation System Inc. sedang

berusaha memulihkan ILS. Ia telah diuji tentukuran penerbangan pada 27hb April, 1992 dan hasil ujian sedang dianalisa oleh Jabatan Penerbangan Awam (JPA).

- (b) Setelah analisa terhadap hasil ujian alat-alat ILS selesai, barulah dapat ditentukan sama ada alat-alat ILS berfungsi atau tidak. Jika ILS lulus ujian, penerbangan waktu malam boleh diadakan pada awal Jun 1992.
- (c) Jumlah kehilangan pendapatan yang telah dialami oleh JPA dan MAS sejak bulan September 1991 sehingga April 1992 (8 bulan) adalah seperti berikut:

JPA \$7,532.25 x 8 bulan	=	\$60,258.00
MAS \$30,000.00 x 8 bulan	=	\$240,000.00
Jumlah:	=	<u>\$300,258.00</u>

#### FERI PULAU PINANG DISWASTKAN— JAMINAN KEPENTINGAN PENGGUNA

27. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pengangkutan menyatakan perkembangan terbaru berkenaan dengan cadangan penswastan Feri Pulau Pinang dan apakah jaminan akan diberi oleh Kementerian beliau supaya kepentingan penduduk-penduduk Negeri Pulau Pinang khasnya dalam aspek perbelanjaan tidak akan terjejas apabila cadangan itu dilaksanakan.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Suruhanjaya Pelabuhan (SPPP) telah menerima beberapa cadangan menswastakan Perkhidmatan Feri Penumpang. Sehingga kini hanya 2 buah syarikat swasta telah mengemukakan kertas cadangan untuk mengendalikan Perkhidmatan Feri

Penumpang. Di antara syarat-syarat yang terkandung dalam cadangan-cadangan yang dikemukakan adalah:

- (a) SPP membenarkan penggunaan kedua-dua pengkalan feri tanpa mengenakan bayaran untuk tempoh lima tahun pertama. Selepas tempoh ini, kedua-dua pihak akan mengadakan rundingan mengenai kadar sewa bagi jangkamasa sepuluh tahun seterusnya;
- (b) SPPP membenarkan syarikat tersebut menaikkan kadar tambang kepada sekurang-kurangnya 50 sen untuk perjalanan sehala. Kenaikan ini perlu kerana kos pengendalian serta penyenggaraan feri-feri berhawa dingin adalah tinggi;
- (c) Syarikat tersebut dibenarkan mengguna kemudahan Limbungan SPP pada kadar sewa yang akan dipersetujui untuk tujuan pembinaan dan penyenggaraan feri-feri penumpang;
- (d) Syarikat tersebut bebas untuk menentukan jumlah laluan (frequency of service) setiap hari. SPPP bersedia menimbang cadangan pihak swasta yang berminat untuk mengendalikan perkhidmatan Feri penumpang Butterworth-Pulau Pinang.

Syarat-syarat sedang dirangka untuk menilai cadangan-cadangan tersebut dan akan mengambilkira keupayaan/keperluan operasi, aspek-aspek keselamatan serta viabiliti kewangan dan teknikal.

#### RUMAH KOS RENDAH—HARGA KOS RENDAH

28. Tuan Lim Hock Seng minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan pendirian

Kerajaan atas harga maksimum rumah murah \$25,000. Adakah kerajaan akan bersetuju kenaikan harga ini.

**Tuan Osu bin Haji Sukam:** Kerajaan Persekutuan masih mencadangkan had \$25,000.00 ini sebagai harga maksimum rumah kos rendah. Terpulanglah kepada Kerajaan-kerajaan Negeri mengenakan syarat ini kepada pemaju perumahan. Ada negeri misalnya Johor yang mengenakan had lebih rendah dan pihak pemaju sedia membangunkan rumah-rumah ini.

Walau bagaimanapun, Kerajaan sedar harga tanah di bandar-bandar besar mungkin menyukarkan had harga ini. Kerajaan sedang mengkaji masalah begini termasuk menyediakan pelan-pelan perumahan jenis kepadatan tinggi tanpa panduan pemaju.

#### KESESAKAN JALANRAYA— LANGKAH BERKESAN MENGATASI

29. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Pengangkutan menyatakan punca-punca memburukkan kesesakan jalanraya yang telah dikenalpastikan, khususnya menjelang musim perayaan dan:

- (a) sejauh manakah sekatan pihak Polis dan kerja membaiki jalan sebagai faktor tunggal kesesakan lalulintas;
- (b) benarkah jalanraya yang sempit dan berselekeh terdapat di merata tempat menyebabkan kesesakan lalulintas; dan
- (c) apakah langkah yang berkesan akan diambil oleh Kerajaan untuk melicinkan lalulintas pada setiap masa.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:**

- (a) Lazimnya menjelang musim perayaan pengaliran lalulintas di laluan-laluan utama akan

bertambah dengan banyak sehingga mengatasi tahap keupayaan laluan-laluan tersebut. Apabila tahap ini dicapai, apa-apa gangguan kepada pengaliran lalulintas seperti kemalangan jalanraya, kerja-kerja pembaikan jalan ataupun sekatan jalanraya dan sebagainya boleh mengakibatkan kesesakan lalulintas. Sebenarnya, sekatan jalan yang dilakukan oleh pihak Polis adalah bertujuan memastikan semua kenderaan motor mematuhi peraturan lalulintas supaya kemalangan dapat dielakkan. Bagi musim perayaan Hari Raya Aidil Fitri yang lalu, pihak Polis telah mengelakkan sekatan jalanraya yang boleh menyebabkan kesesakan lalulintas.

- (b) Memang benar jalanraya yang sempit dan berselekeh menyebabkan kesesakan lalulintas di musim-musim perayaan kerana di musim tersebut bilangan trafik telah bertambah dengan banyak daripada keadaan norma. Pertambahan ini boleh mencapai ke tahap dua atau tiga kali ganda. Kejadian ini amat sukar dielakkan kerana semua jalan di negara ini ataupun di seluruh dunia dirancang hanya untuk menampung keperluan lalulintas di musim-musim perayaan. Adalah tidak ekonomik untuk membina semua rangkaian jalan berasaskan tahap keperluan lalulintas di musim-musim perayaan-perayaan yang berlipat ganda melebihi tahap keperluan norma.
- (c) Pada lazimnya punca utama berlakunya kesesakan jalanraya ialah pertambahan jumlah dan kegunaan kenderaan motor, khususnya kegunaan kereta persendirian di kawasan bandar seperti di Kuala Lumpur untuk

berulang-alik. Oleh yang demikian untuk melicinkan pengaliran lalulintas Kerajaan menggalakkan orang ramai menggunakan kenderaan perkhidmatan awam seperti bas ataupun mengamalkan sistem "car-pool".

### GURU BESAR—KESAN SISTEM GAJI DUA SKIM

30. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) kenapa di dalam sistem gaji 2 skim yang telah diluluskan baru-baru ini, guru-guru besar yang berpengalaman yang telah banyak berjasa kepada negara telah digantikan dengan guru-guru dari sekolah menengah dan berkelulusan lebih tinggi tetapi tidak mempunyai pengalaman dari segi pentadbiran dan pendidikan sekolah rendah; dan
- (b) kenapa guru-guru besar di sekolah rendah yang terdiri daripada guru-guru kelulusan SPM yang berpengalaman tidak diberi taraf penyandang di sekolah-sekolah yang dahulunya dikenali sebagai sekolah-sekolah kategori A seperti yang berlaku di semua perubahan gaji sebelum ini.

**Dr Fong Chan Onn:**

- (a) Adalah menjadi dasar Kementerian Pendidikan menempatkan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) di sekolah menengah dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah (PPPBS) di sekolah rendah. Selaras dengan dasar itu PPBS yang menyandang jawatan-jawatan Guru Besar dan Penolong Kanan di sekolah-sekolah menengah (Gred C dan D) telah ditukarkan ke sekolah rendah.

(b) Di bawah pelaksanaan dua skim, sekolah-sekolah rendah telah digredkan semula dan diperuntukkan dengan jawatan Guru Besar seperti berikut:

(i) Guru Besar— PPPBS  
Tingkatan  
Tinggi

Sekolah (B1)  
Rendah  
Gred A

(ii) Guru Besar— PPPBS  
Tingkatan  
Kanan

Sekolah (B3)  
Rendah  
Gred C

Kementerian Pendidikan menguruskan pengisian jawatan mengikut gred jawatan yang diperuntukkan itu. PPPBS Tingkatan Biasa atau Tingkatan Kanan tidak dapat dikekalkan sebagai Guru Besar secara Khas Untuk Penyandang di sekolah Gred A kerana Penolong-penolong Kanan sekolah tersebut adalah terdiri dari PPPBS Tingkatan Kanan.

### SISTEM SARAAAN BARU (SSB)— KAKITANGAN PERKHIDMATAN AWAM YANG MENOLAK

31. Tuan Ahmad bin Nor minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah kakitangan Perkhidmatan Awam yang menolak skim gaji Sistem Saraan Baru (SSB) termasuk anggota pasukan polis dan tentera; dan
- (b) bilakah segala anomali-anomali berhubung pelaksanaan SSB boleh dikemukakan kepada Tribunal Perkhidmatan Awam.

**Tuan Othman bin Abdul:**

- (a) Buat makluman Yang Berhormat, peratus kakitangan awam yang menolak skim gaji

SSB adalah kurang daripada 1% iaitu seramai 579 orang.

- (b) Pindaan kepada Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977 sedang dipertimbangkan dalam sidang Parlimen sekarang ini bagi membolehkan pegawai-pegawai awam mengemukakan tuntutan berhubung dengan pelaksanaan Sistem Saraan Baru (SSB). Apabila pindaan tersebut diluluskan oleh Parlimen dan peraturan mengenainya diwartakan, pegawai-pegawai bolehlah mengemukakan kepada Kerajaan tuntutan yang mereka anggap anomali. Adalah dijangka mereka boleh mengemukakan tuntutan-tuntutan itu dalam bulan Julai akan datang. Kerajaan akan cuba menyelesaikan semua tuntutan secara rundingan. Sekiranya tidak dapat diselesaikan dalam rundingan, pegawai-pegawai bolehlah merujuk kes mereka kepada Tribunal Perkhidmatan Awam.

#### **"TURTLE BEACH"—REAKSI RAKYAT DAN KERAJAAN**

32. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah implikasi serta reaksi rakyat dan Kerajaan Malaysia terhadap filem "Turtle Beach". Apakah Kerajaan bercadang untuk berbuat sesuatu.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Kerajaan Malaysia serta rakyat pada amnya menganggap filem itu sebagai satu usaha untuk memburukkan imej Malaysia dan telah melahirkan rasa marah dan benci terhadap mereka yang bertanggungjawab dengan pengeluaran filem tersebut. Kerajaan berharap perkara ini tidak berulang lagi.

Perasaan kita telah pun diberitahu kepada pihak Kerajaan Australia dan Kerajaan tersebut telah mengambil tindakan untuk "menjauhkan diri" mereka daripada filem ini.

#### **RECYCLING CENTRES—PROGRAM PEMELIHARAAN ALAM SEKITAR**

33. Dato' Haji Mohd. Shariff bin Jajang minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah Kementerian sedar tentang masalah alam sekitar yang mula dipersoalkan dan apakah langkah-langkah mengatasi:

- (a) apakah program-program pemeliharaan alam sekitar yang dikenalpasti untuk dilaksanakan;
- (b) berapa banyakkah Pusat Recycling "Recycling Centres" dan Pusat Penerangan Recycling yang telah diwujudkan serta lokasi pusat dikurungan berikutan dengan pengenalan teknologi recycling sejak ia mula diperkenalkan di Malaysia; dan
- (c) apakah peratus kejayaan Recycling dan berapa peratuskah rakyat Malaysia yang dianggar mengamalkan kegiatan recycling.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding):**

- (a) Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sedar akan faedah gunasemula (recycling) sebagai salah satu kaedah pengurusan bagi bahan-bahan buangan yang tidak terpakai.
- (b) Buat masa ini tiada satu pun Pusat Recycling (Recycling Centres) dan Pusat Penerangan Recycling yang telah diwujudkan di dalam negara ini. Walau bagaimanapun, beberapa kempen gunasemula (recycling) telah dianjurkan oleh firma-firma swasta dan organisasi-organisasi seperti Malaysian Nature Society (MNS), Malaysian Business Council, akhbar The STAR dalam kempen pemungutan botol, tin aluminium dan surat khabar lama.

Kerajaan sangat menggalakkan kempen-kempen seumpama itu dan memberi kerjasama di dalam pelaksanaan penganjuran kempen-kempen tersebut.

- (c) Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar tiada cukup data untuk menganggarkan peratus kejayaan program gunasemula (recycling). Walau bagaimanapun, resepsi orang ramai didapati adalah sangat menggalakkan.

### PROJEK PEMBANGUNAN KAWASAN AHLI PARLIMEN BEBAS

34. Tuan Billy Abit Joo minta Perdana Menteri menyatakan sama ada keempat-empat Ahli Parlimen bebas (Independent) diberi apa-apa peruntukan bagi Pembangunan untuk kawasan mereka, memandangkan mereka adalah ahli PBDS dan sudah berikrar menyokong Kerajaan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Douglas Uggah Embas): Kerajaan tidak memperuntukkan sebarang peruntukan khusus bagi setiap kawasan Parlimen. Projek-projek pembangunan dilaksanakan oleh Kerajaan ke seluruh negara melalui Rancangan Malaysia Lima Tahun. Perancangan pembangunan dan pelaksanaan projek-projek ini adalah bertujuan memberi kemudahan kepada rakyat setempat; ia dilaksanakan berdasarkan keperluan dan keutamaan setempat.

### BERAS GRED RENDAH— TINDAKAN KE ATAS PENIPUAN PENIAGA

35. Tuan Jawah anak Gerang minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kerajaan sedar atau tidak bahawa

peniaga beras di negara ini telah menipu orang ramai dengan menaikkan harga beras, menjual dengan mencampurkan beras bermutu dengan tidak bermutu, menjual beras yang rendah grednya pada harga yang tinggi dan melakukan penipuan dalam timbangannya.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Kerajaan sedar kemungkinan ada peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan menjual beras dengan harga tinggi dan tidak mengikut gred. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa mengawasi perbuatan mereka ini dan pemeriksaan-pemeriksaan dari masa ke semasa sentiasa dilakukan bagi mengatasi perkara ini. Tindakan-tindakan tertentu memang diambil bagi mereka yang didapati melakukan kesalahan.

### TABUNG PENANAMAN SEMULA KELAPA SAWIT-KAJIAN PENUBUHAN

36. Tuan Wong Wing On minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada Kerajaan sedia dan bercadang menubuhkan satu Tabung Penanaman Semula Kelapa Sawit untuk memanfaatkan pekepun-pekebun kecil kelapa sawit.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor): Kementerian ini memang sedar betapa pentingnya penanaman semula kelapa sawit dalam usaha untuk meningkatkan hasil pengeluaran dan produktiviti kelapa sawit negara. Sektor estet serta agensi-agensi Kerajaan seperti FELDA dan FELCRA telah pun menjalankan usaha tanaman semula kelapa sawit melalui tabung tanaman semula kelapa sawit masing-masing. Manakala bagi pekebun-pekebun kecil kelapa sawit yang merupakan 8% daripada jumlah penanam kelapa sawit negara, mereka tidak berupaya mengusahakan penanaman semula kelapa sawit mereka disebabkan oleh kekurangan sumber kewangan.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan memang peka dengan masalah yang dihadapi oleh pekebun-pekebun kecil kelapa sawit dan usaha ke arah penubuhan Tabung Penanaman Semula Kelapa Sawit telah mula dijalankan pada tahun 1979 bagi di mana satu Jawatankuasa yang dipanggil Jawatankuasa Program Tanaman Semula telah ditubuhkan yang berurusetia di Unit Perancang Ekonomi (UPE). Usaha-usaha ini terbantut kerana peruntukan kewangan pada masa itu adalah terhad.

Namun demikian, tindakan terus diambil untuk membantu golongan ini yang mana di bawah Rancangan Malaysia Ke-6, beberapa agensi telah dikenalpasti untuk memainkan peranan penting ke arah membantu pekebun-pekebun kecil dalam penanaman semula kelapa sawit. Di bawah rancangan berkenaan, pekebun-pekebun kecil diberi dua pilihan sama ada menyertai skim pemulihan dan penyatuan tanah yang dikendalikan oleh FELCRA atau menyertai Pertubuhan Peladang Kawasan bagi melayakkan diri mendapat pinjaman dari Bank Pertanian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cara pelaksanaan serta pembiayaan skim tersebut masih dalam peringkat kajian oleh beberapa agensi yang terlibat dan akan dilaksanakan sebaik sahaja ianya selesai.

#### PEGAWAI POLIS— KEMEROSOTAN DISIPLIN

37. Che Ibrahim bin Mustafa minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sehingga kini nyatakan, bilangan anggota dan pegawai Polis yang dikenakan tindakan tatatertib;
- (b) nyatakan juga jenis-jenis kesalahan yang telah dilakukan;

- (c) adakah fenomena ini menggambarkan kemerosotan disiplin di kalangan anggota-anggota Polis; dan
- (d) jelas langkah-langkah berkesan yang telah diambil untuk membanteras masalah ini.

#### Tuan Ong Ka Ting:

- (a) Bilangan pegawai dan anggota Polis yang didapati melanggar disiplin dan telah diambil tindakan tatatertib dari tempoh 1985 hingga 1991 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Pegawai anggota Yang Dikenakan Tindakan Tatatertib:	Peratus: (Daripada keseluruhan Pasukan)
1985	3,506	4.95%
1986	3,055	4.19%
1987	3,499	4.81%
1988	4,293	5.65%
1989	2,863	3.78%
1990	1,598	2.05%
1991	2,388	3.04%

- (b) Jenis-jenis kesalahan yang telah dilakukan termasuklah:
  - (i) Ingkar perintah;
  - (ii) Kesalahan terhadap tugas;
  - (iii) Tidak bertanggungjawab;
  - (iv) Menjatuhkan reputasi pasukan;
  - (v) Tidak jujur;
  - (vi) Berkelakuan biadab;
  - (vii) Kekerasan;
  - (viii) Salahguna kuasa;
  - (ix) Kurang kecekapan;
  - (x) Sabitan mahkamah.
- (c) Dilihat daripada peratusan anggota/pegawai yang terlibat iaitu 2.93% hingga 5.65%, jelaslah bahawa ini tidaklah menggambarkan satu tahap kemerosotan disiplin di kalangan

anggota Polis, malah menunjukkan bahawa Kerajaan khususnya pucuk pimpinan Polis menitikberatkan mutu disipilin yang tinggi di kalangan pegawai-pegawai dan anggota-anggota Polis.

- (d) Untuk menjaga tahap disiplin yang tinggi, maka kursus-kursus dalam perkhidmatan diatur dari semasa ke semasa bagi memberi kesedaran kepada setiap peringkat anggota dan pegawai akan pentingnya disiplin dalam perkhidmatan seperti Pasukan Polis ini. Sementara itu, untuk memastikan bahawa tindakan-tindakan tegas dan segera diambil terhadap mana-mana pegawai dan anggota yang melanggar disiplin, Polis Diraja Malaysia telah menubuhkan Cawangan Tata tertibnya sendiri di Ibu Pejabat di Kuala Lumpur serta di peringkat Kontinjen dan di pejabat Ketua-ketua Polis Daerah.

#### MARA/UDA-LANGKAH MEMBANGUN ENTREPRENEUR BUMIPUTERA

38. Tuan Mohamed Khalid bin Nordin minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan apakah langkah-langkah dan tindakan yang sudah, sedang dan akan diambil oleh MARA, UDA dan agensi-agensi Kementerian yang lain dalam usaha membangunkan sebuah masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera khususnya di bandar yang sedang pesat membangun seperti di Johor Bahru.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman): Pengwujudan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera (MPPB) adalah merupakan satu program yang memerlukan penglibatan berbagai pihak. Sebagai

sebuah Kementerian yang mempunyai agensi-agensi yang diberi amanah untuk pembangunan negara terutama dalam konteks membangunkan MPPB, maka langkah-langkah telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh agensi-agensi berkenaan untuk mencapai matlamat tersebut seperti berikut:

- (i) membantu dan membolehkan bumiputera mendapat tempat dan kemudahan untuk berniaga di kawasan-kawasan yang sesuai dan strategik.
- (ii) menawarkan kerja-kerja kontrak kepada kontraktor bumiputera.
- (iii) melaksanakan konsep "Venture Capital" di mana melalui konsep ini agensi-agensi di bawah Kementerian akan melabur di dalam sebuah perniagaan baru yang berpotensi secara perkongsian dengan usahawan-usahawan bumiputera.
- (iv) melaksanakan program bimbingan dan bantuan kepada usahawan-usahawan bumiputera.
- (v) membekalkan bahan-bahan binaan kepada kontraktor bumiputera.
- (vi) mewujudkan kumpulan eksekutif bumiputera di dalam berbagai bidang perniagaan dan perusahaan yang diceburi oleh agensi-agensi Kementerian, secara langsung atau melalui syarikat-syarikatnya.

Di Johor Bahru khususnya, pembangunan MPPB dibuat secara bersepadu dan saling melengkapi di antara agensi-agensi Kementerian (MARA, UDA, BPMB dan juga PKENJ) serta juga bahagian-bahagian khusus yang terdapat di Kementerian ini seperti Bahagian Usahawan. Secara khususnya program-program yang telah diatur ke arah pembangunan MPPB di Johor Bahru termasuklah penyediaan ruang-

ruang niaga di tempat strategik seperti di Komtar, Plaza Kota Raya dan juga di Bandar Baru Tampoi. Di samping itu agensi-agensi Kementerian juga menjalankan promosi jualan untuk peniaga-peniaga bumiputera di kompleks-kompleks berkenaan.

Di samping penyediaan ruang, agensi-agensi Kementerian juga menyediakan kemudahan pinjaman yang dikeluarkan oleh BPMB dan MARA.

Menyedari bahawa pendidikan juga memainkan peranan yang penting ke arah pembangunan MPPB, agensi-agensi Kementerian juga menjalankan beberapa modul latihan dan bimbingan yang dikelolakan oleh PKENJ di Institut Pembangunan Pengurusan Johor (IPPJ) serta pembinaan beberapa institut latihan oleh MARA di Wilayah Selatan seperti Pusat Giat di Muar dan Pontian. MARA juga bercadang untuk membangunkan beberapa usahawan-usahawan di dalam bidang perindustrian. BPMB juga turut menyumbang usahanya di bidang bimbingan di mana BPMB tidak sahaja menyediakan ruang bagi pengusaha-pengusaha pembuatan malah turut memberi bimbingan dari aspek pengurusan dan kewangan seperti kos membeli mesin dan peralatan.

Matlamat untuk mewujudkan MPPB tidak mungkin dapat dicapai dalam jangkamasa yang singkat. Namun demikian, Kerajaan khususnya Kementerian Perusahaan Awam akan memastikan usaha-usaha ini diperbaiki dan dipertingkatkan sejajar dengan dasar-dasar semasa Kerajaan.

#### **ALUMINIUM SMELTING PLANT, BINTULU-KAJIAN EIA**

**39. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah syarikat telah dilantik oleh pihak berkenaan untuk menjalan EIA bagi projek Aluminium Smelting Plant di Bintulu, Negeri Sarawak, skop dan "terms of reference EIA itu, kelayakan syarikat

yang menjalankannya, dan langkah-langkah untuk merundingkan dengan penduduk-penduduk di bandar Bintulu dan sekelilingnya dalam kajian tersebut.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding):** untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar belum terima apa-apa maklumat berkaitan dengan EIA, oleh sebab projek ini masih di peringkat awal perancangan.

#### **4 EKOR DAN SPORTS TOTO- PERLANJUTAN BUDAYA JUDI**

**40. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Kewangan menyatakan sebab-sebab perjudian dilesenkan semula di Negeri Sarawak, walaupun 4 Ekor dengan Sports Toto telah diharamkan oleh pihak Kerajaan Negeri pada 1-1-92. Adakah pihak Kerajaan Persekutuan bercadang melaksanakan dasar itu untuk melanjutkan budaya berjudi di kalangan rakyat Malaysia.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman):** Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, hasil perundingan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak, Kerajaan perlu terus melesenkan aktiviti 4 ekor dan Sports TOTO bagi membanteras kegiatan judi haram.

Kerajaan perlu terus melesen aktiviti-aktiviti perjudian yang sedia ada selagi masih mendapat ramai orang-orang yang suka berjudi, supaya mereka tidak pula pergi bertaruh dengan operator-operator judi haram. Maklumat daripada pihak Polis menunjukkan sungguhpun aktiviti judi haram di negara ini adalah terkawal, namun ancaman daripada judi haram ini masih berterusan. Dalam tahun 1991 umpamanya pihak Polis telah membuat serbuan ke atas 5,089 aktiviti-aktiviti judi haram dan telah menghasilkan penangkapan sejumlah 11,059 orang di seluruh negara. Bagi tahun 1992 pula, setakat bulan Mac daripada 1,715 serbuan yang dibuat, sejumlah 4,952 orang telah ditangkap.

Sedia maklum aktiviti judi haram adalah berkait rapat dengan subversif yang mengancam keselamatan negara. Dengan demikian, tujuan Kerajaan melesenkan semula pertahunan 4D dan Sports TOTO di Sarawak ialah untuk membanteras aktiviti-aktiviti subversif tersebut dan tidak bertujuan untuk menggalakkan budaya berjudi di kalangan rakyat.

Di samping itu, adalah menjadi dasar Kerajaan untuk mengawal dan mengurangkan aktiviti perjudian. Dasar ini dilaksanakan dengan mengenai syarat-syarat yang ketat ke atas operator-operator judi yang sedia ada, dan tidak lagi mengeluarkan lesen-lesen baru bagi sebarang aktiviti perjudian.

#### PERUNTUKAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR—JUMLAH DAN AGIHAN

41. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) peruntukan untuk Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah

<i>Negeri/Tahun</i>	<i>1990</i> \$	<i>1991</i> \$	<i>1992</i> \$
1. Johor	178,693,629	156,744,318	147,305,624
2. Kedah	135,478,460	97,735,842	111,659,574
3. Kelantan	183,953,568	87,229,310	124,127,617
4. Melaka	28,607,409	23,985,119	21,740,772
5. Negeri Sembilan	87,553,492	48,880,118	48,965,341
6. Pahang	266,266,786	198,046,088	251,707,237
7. Perak	189,076,483	128,565,410	93,192,315
8. Perlis	10,880,879	13,555,626	16,118,190
9. Pulau Pinang	27,869,231	30,626,157	130,736,759
10. Selangor	60,033,553	34,855,014	28,714,451
11. Terengganu	109,919,662	91,196,496	98,919,584
12. Sabah	96,817,705	88,871,090	175,674,179
13. Sarawak	78,594,113	97,527,730	100,971,517
14. Wilayah Persekutuan	3,268,387	3,512,98	8,430,090
15. Pelbagai	119,836,217	387,423,280	154,458,000
<b>Jumlah:</b>	<b>1,576,749,574</b>	<b>1,488,682,586</b>	<b>1,512,721,250</b>

diagih-adihkan mengikut negeri. Sila beri angka agihan itu mengikut negeri-negeri pada tahun 1990, 1991 dan bagaimanakah angka agihan yang telah dirancang mengikut negeri untuk tahun 1992;

- (b) adakah negeri-negeri yang tidak menghabiskan peruntukan yang telah disediakan jikalau ada kenapa; dan
- (c) menerusi agensi-agensi manakah peruntukan ini disalurkan dan adakah agensi-agensi itu telah menggunakan peruntukan berkenaan selaras dengan kehendak-kehendak Kementerian, jika tidak ada apakah tindakan dan rancangan yang telah atau sedang dibuat untuk mengatasinya.

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari:

- (a) Agihan peruntukan Kementerian Pembangunan Luar Bandar mengikut negeri-negeri dan tahun-tahun 1990, 1991 dan 1992 adalah seperti berikut:

- (b) Beberapa masalah pelaksanaan menyebabkan kebanyakan peruntukan pembangunan tahunan yang diagihkan kepada sesuatu negeri itu tidak dapat dibelanjakan sepenuhnya. Di antara masalah pelaksanaan yang sering dihadapi adalah seperti masalah bencana alam, masalah pemborong, masalah perubahan rekabentuk dan sebagainya yang tidak dapat dielakkan.
- (c) Peruntukan Kementerian Pembangunan Luar Bandar disalurkan melalui agensi-agensi di bawah Kementerian, agensi-agensi teknikal dan Jabatan-jabatan Persekutuan di Negeri-negeri. Peruntukan berhubung aktiviti-aktiviti pembangunan tanah, pembangunan Wilayah dan pembangunan masyarakat adalah disalurkan melalui agensi-agensi di bawah Kementerian seperti FELDA, FELCRA, RISDA, Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah dan KEMAS. Sementara peruntukan bagi pembangunan infrastruktur dan penempatan disalurkan melalui agensi-agensi teknikal atau Jabatan Persekutuan di Negeri-negeri. Agensi-agensi yang terlibat ialah:
- (i) Bekalan Elektrik Luar Bandar—Tenaga Nasional Berhad, Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak, Lembaga Letrik Sabah.
  - (ii) Bekalan Air Luar Bandar—Jabatan Kerjaya dan Jabatan Bekalan Air/Pihak Berkuasa Air.
  - (iii) Jalan Luar Bandar (JALB)—JKR.
  - (iv) Penempatan Semula Kampung Tradisional—

Pejabat Kemajuan Negeri, Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Sabah/Sarawak.

- (v) Program Keindahan Kampung (PKK)—Pejabat Kemajuan Negeri, Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Sabah/Sarawak.

Kementerian sentiasa memastikan supaya kesemua peruntukan pembangunan tahunan adalah dibelanjakan oleh agensi-agensi selaras dengan dasar yang telah ditetapkan.

#### **AHLI-AHLI PARLIMEN— KEMUDAHAN ISTIMEWA TAMBANG KAPALTERBANG (MAS)**

**42. Puan Rohani binti Abd. Karim** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) akan memberi kemudahan istimewa kepada Ahli-ahli Parlimen dari segi penggunaan kemudahan dan tambang serta beberapa pengecualian seperti yang ditawarkan oleh Keretapi Tanah Melayu (KTM). Apakah keistimewaan yang akan ditawarkan kepada Ahli-ahli Parlimen.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) sememangnya telah pun memberi tambang diskaun kepada ahli-ahli Parlimen ke beberapa destinasi tempatan seperti penerbangan dalam negeri Semenanjung Malaysia di Sabah dan Sarawak, dan juga untuk penerbangan antara Semenanjung Malaysia/Sabah/Sarawak. Keistimewaan potongan yang disyor untuk ditawarkan kepada ahli-ahli Parlimen adalah sebanyak 25% dari tambang biasa sama ada untuk penerbangan kelas pertama atau kelas ekonomi.

**LEBUHRAYA DARI KUCHING KE  
LIMBANG—KELEWATAN  
MENYIAPKAN KERJA**

**43. Tuan Robert Lau Hoi Chew** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) apakah sebab-sebab yang menyebabkan (jika ada) kelewatan kerja di Federal Highway dari Kuching ke Limbang dan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memperbaikinya dan bilakah ianya akan siap diturap di permukaannya;
- (b) bilakah kerja kajian (feasibility study) terhadap cadangan jambatan Durin yang menyeberangi Sungai Rajang dan apakah kedudukan semasa jambatan yang dicadangkan ini kerana ianya merupakan titik menyambung Federal Highway di Sarawak.

**Tuan Kerk Choo Ting:**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelewatan kerja di Jalan Raya Utama dari Kuching ke Miri adalah disebabkan oleh kelembapan pihak kontraktor tempatan sama ada kerana masalah aliran wang tunai dan juga kekurangan pengalaman dalam bidang pembinaan jalan raya. Masalah ini telah diatasi oleh Kerajaan dengan cara mengadakan sistem prakelayakan kontraktor-kontraktor yang berpengalaman serta menggalak usahasama di antara kontraktor tempatan dengan kontraktor dari Semenanjung yang berpengalaman dan juga dengan kontraktor luar negeri. Permukaan jalan raya utama ini dijangka akan siap diturap awal 1994.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan dari Miri ke Limbang yang sepatutnya melalui negara Brunei

Darussalam tidak dapat dilaksanakan atas sebab-sebab tertentu sepertimana yang telah dijawab dalam Dewan yang mulia ini pada 25hb Oktober 1991. Kerajaan ada cadangan membuat kajian membina jalan dari Simpang Jalan Miri/Bintulu ke Beluru ke Long Teru/Long Lama/Ng. Medamit ke Limbang. Cadangan ini memerlukan kajian jajaran baru dan ini akan mengambil masa dan juga kos tambahan. Projek ini kemungkinan akan dilaksanakan selepas Rancangan Malaysia Keenam.

- (b) Kajian mengenai Jambatan Sg. Rajang di Durin dijangka akan dimulakan pada akhir tahun ini selepas sahaja juruperunding serta jurukur dilantik.

**MARKAS PILIHANRAYA KECIL  
BARISAN NASIONAL, JERLUN—  
DAKWAAN DIRACUNI**

**44. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berhubung dengan kejadian bekalan air di Markas Pilihanraya Kecil Barisan nasional di Jerlun diracuni:

- (a) adakah penyiasatan sudah selesai dan adakah Kementerian bercadang untuk mengumumkan hasil penyiasatan itu;
- (b) jika penyiasatan telah selesai, adakah benar tuduhan pihak tertentu bahawa ia adalah perbuatan khianat parti pembangkang; dan
- (c) siapakah yang menjadi mangsa keracunan itu dan bagaimana keadaan mereka.

**Tuan Ong Ka Ting:**

- (a) Siasatan di dalam kes ini belum selesai dan masih diteruskan.

- (b) Memandangkan siasatnya belum selesai, maka tidaklah wajar dibuat sebarang kesimpulan.
- (c) Seorang lelaki bernama Wahab bin Hj. Hussain berumur 29 tahun telah menggunakan air yang diracuni telah mengalami sakit pening dan muntah-muntah. Beliau telah dihantar ke hospital untuk rawatan perubatan.

**PEMBUANGAN SISA TOKSID DI  
PANTAI REMIS—TINDAKAN  
TERHADAP SYARIKAT  
SWASTA**

**45. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) setakat manakah tindakan diambil terhadap sebuah syarikat swasta di Pantai Remis yang dilaporkan bertanggungjawab membawa masuk sisa toksid dari Singapura untuk dibuang di pantai Tanjung Batu sejak beberapa tahun lalu;
- (b) oleh kerana pihak polis dilaporkan sudah pun menyiapkan laporan siasatan kes pembuangan sisa toksid itu, mengapakah Kerajaan masih belum membawa syarikat dan tuannya ke muka pengadilan.

**Tuan Law Hieng Ding:** Kerajaan masih belum mengambil tindakan terhadap syarikat terlibat kerana siasatan oleh pihak berkenaan belum lagi selesai.

**46. Tuan Joseph Mauh anak Ikeh** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kementerian bercadang:

- (a) memperluaskan lagi kuasa kepada Pendaftaran Hal Beranak dan Mati Negeri Sarawak, supaya

Sijil Beranak dapat diproses di tiap-tiap Pejabat Bahagian sahaja dan bukannya di Ibu Pejabat di Kuching, supaya masalah ketiadaan Sijil Beranak di negeri itu dapat diselesaikan;

- (b) menurunkan kadar bayaran setem dari sepuluh ringgit (\$10.00) bagi tiap-tiap satu permohonan kepada kadar yang lebih murah yang mampu dibayar oleh pemohon misalnya \$3.00 bagi tiap-tiap satu permohonan; dan
- (c) meringkaskan lagi borang pendaftaran lewat kelahiran dari yang ada sekarang kepada yang lebih senang diisi dan mudah diproses.

**Tuan Ong Ka Ting:**

- (a) Kementerian akan mengkaji cadangan tersebut. Buat masa ini Pegawai Pendaftaran Bahagian Sibu dan Miri telah dipeturunkan kuasa untuk mendaftar dan mengeluarkan cabutan sijil kelahiran dan kematian.
- (b) Hanya permohonan daftar lambat dan lewat kelahiran kematian dikenakan bayaran.
- (c) Borang-borang yang digunakan sekarang adalah mudah dan tidak perlu diringkaskan.

**KAD PENGENALAN (KPT)—  
KELEWATAN PENGELUARAN**

**47. Tuan Foo Piew Kok** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan kesilapan timbul dalam permohonan kad pengenalan jenis baru yang mengakibatkan kelewatan pengeluarannya. Sila berikan pecahan mengikut jenis kesilapan:

- (a) siapakah bertanggungjawab atas kesilapan tersebut; dan

- (b) apakah langkah-langkah telah, sedang dan akan diambil untuk mengelakkan kelewatan pengeluarannya.

**Tuan Ong Ka Ting:** Sehingga ini terdapat 40,000 permohonan KPT yang bermasalah.

- (a) Kes-kes tersebut berpunca dari kedua pihak iaitu Jabatan dan pemohon. Di pihak Jabatan ialah masalah kekurangan kakitangan, manakala di pihak pemohon sebahagiannya tidak mengemukakan dokumen sokongan atau maklumat tidak lengkap.
- (b) Langkah-langkah untuk mempercepatkan pengeluaran KPT ialah dengan mengambil kakitangan baru, memberi latihan kemahiran kepada kakitangan, mempertingkatkan sistem dan proses pengeluaran dan mengeluarkan publisiti kepada orang ramai mengenai keperluan-keperluan semasa memohon KPT.

#### MAJLIS PEGUAM DAN KETUA HAKIM NEGARA— PERTIKAIAN

**48. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmud** minta Menteri Undang-undang menyatakan:

- (a) apakah usaha yang dikasihi oleh Kerajaan untuk mengatasi pertikaian Majlis Peguam terhadap Tun Abdul Hamid Omar sebagai Ketua Hakim Negara; dan
- (b) setakat manakah terjejasnya kewibawaan Ketua Hakim Negara di dalam dan luar negeri berikutan resolusi Majlis Peguam tahun 1988 mempertikaikan Tun Abdul Hamid Omar sebagai Ketua Hakim Negara.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang (Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar):**

- (a) Bagi menjawab soalan (a) pada pandangan saya, soal sama ada Majlis Peguam mempertikaikan perlantikan Y.A.A. Tun Abdul Hamid Omar sebagai Ketua Hakim Negara tidak timbul kerana badan tersebut telahpun mengakui perlantikan beliau sebagai Ketua Hakim Negara oleh D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.
- (b) Kewibawaan Ketua Hakim Negara adalah tidak terjejas sama ada di dalam atau di luar negeri berikutan resolusi Majlis Peguam tahun 1988 itu.

#### SUDIRMAN HAJI ARSHAD— SEBAB-SEBAB KEMATIAN

**49. Tuan Mohamad bin Sabu** minta Menteri Kesihatan menyatakan bahawa memandangkan desas-desus begitu meluas tersebar selepas kematian penyanyi terkenal Sudirman Haji Arshad mengenai penyakit yang mengakibatkan kematiannya:

- (a) dapatkah Menteri secara terbuka dalam Dewan yang mulia ini menyatakan penyakit sebenar yang dihadapi oleh penyanyi terkenal itu sehingga membawa kematian beliau dalam keadaan penuh misteri;
- (b) apakah yang menghalang Kementerian daripada mendapatkan maklumat sebenar mengenai penyakit beliau sehingga berbulan-bulan lamanya beliau terlantar di sana sini untuk mendapatkan rawatan secara tertutup dan sulit; dan
- (c) apakah langkah Kementerian untuk mengelak keadaan yang seperti itu berlaku lagi ke atas pesakit-pesakit terkenal yang lain.

**Tuan Mohd. Farid bin Ariffin:**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setahu Kementerian Kesihatan, Sudirman Haji Arshad meninggal dunia kerana penyakit demam radang paru-paru (pneumonia). Adalah dimaklumkan juga bahawa penyakit radang paru-paru bukanlah di dalam senarai penyakit-penyakit yang perlu dinotifikasikan.
- (b) Berkenaan dengan apa yang menghalang Kementerian Kesihatan untuk mendapatkan maklumat mengenai penyakit beliau, tidak ada apa-apa yang menghalang Kementerian, hanya tidak ada sebab Kementerian patut membuat sedemikian. Di negara ini, seseorang individu bebas untuk memilih tempat dan cara-cara menerima rawatan. Dalam kes ini, Kementerian Kesihatan yakin bahawa beliau telah memilih rawatan yang baik dari pakar-pakar perubatan yang serba berkebolehan. Juga mengikut etika perubatan, semua rawatan perubatan dibuat secara sulit. Tiada maklumat berkaitan dengan keadaan pesakit perlu disebarikan melainkan dengan persetujuan si pesakit sendiri.
- (c) Kementerian Kesihatan tidak ada cadangan untuk menukar cara pengurusan rawatan pesakit yang diamalkan sekarang kerana pada amnya, Kementerian Kesihatan berpendapat bahawa prinsip-prinsip pengurusan pesakit di negara ini serta etika dan pemberitahuan undang-undang sedia ada yang dikenakan kepada semua masyarakat di negara ini, tanpa melihat kedudukan sosial mereka, adalah memadai dan sesuai setakat ini.

**PEMADAM—PENYIASATAN  
POLIS ATAS SKANDAL  
KUTIPAN DERMA**

**50. Tuan Haji Mohamad bin Sabu** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sejauh manakah perkembangan penyiasatan polis dan BPR terhadap skandal kutipan derma yang melibatkan beberapa orang pegawai PEMADAM;
- (b) dapatkah dinyatakan mengenai bentuk-bentuk penyelewengan yang telah berlaku serta jumlah nilainya sehingga menyebabkan dua pemegang jawatan berkenaan PEMADAM meletakkan jawatan; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengelakkan sebarang penyelewengan kewangan dalam PEMADAM dan mengembalikan keyakinan orang ramai terhadapnya.

**Tuan Ong Ka Ting:**

- (a) Penyiasatan pihak Badan Pencegah Rasuah (BPR) dalam skandal kutipan derma PEMADAM ini telah menghasilkan keterangan prima-facie kes-kes rasuah terhadap dua orang pegawai PEMADAM. Sehubungan dengan itu, Pengerusi Jawatankuasa Projek Kewangan dan Setiausaha Agung PEMADAM yang disyaki terlibat dalam kegiatan rasuah telahpun ditangkap dan akan dihadapkan ke Mahkamah dalam sedikit hari lagi.
- (b) Siasatan BPR setakat ini menunjukkan beberapa peratus dari keuntungan yang diperolehi atau akan diperolehi oleh kontraktor yang berurusan dengan PEMADAM dikehendaki dibayar kepada pegawai-pegawai PEMADAM sebagai komisyen.

- (c) PEMADAM akan memperkemaskan lagi peraturan dan jentera pengendalian kutipan dan pengeluaran bayaran dari tabung PEMADAM, di samping mengambil langkah-langkah tertentu untuk melaksanakan syor-syor yang akan dikemukakan oleh BPR setelah selesai siasatan mereka kelak.

**REGIM MYANMAR DAN  
ALGERIA—PENDIRIAN  
MALAYSIA**

**51. Tuan Haji Nik Abdulah bin Nik Arshad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah sikap Malaysia terhadap keengganan regim di Myanmar dengan menyerahkan kuasa kepada pihak yang memenangi pilihanraya umum di negara itu empat tahun lalu;
- (b) apakah sikap Malaysia terhadap langkah tentera dan komplot yang merampas kuasa di Algeria yang menafikan kemenangan yang diperolehi oleh FIS dalam pilihanraya bebas di negara itu; dan
- (c) memandangkan adanya perbuatan dan sikap tidak menghormati keputusan oleh kedua-dua regim itu, apakah langkah yang diambil oleh Wisma Putra bagi mempengaruhi pemerintahan haram di kedua negara menerima keputusan rakyat dan menyerahkan pemerintahan kepada pihak yang dipilih rakyat.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:**

- (a) Malaysia peka terhadap kehendak rakyat Myanmar yang inginkan sebuah Kerajaan yang dipilih oleh mereka sendiri dan

berharap pihak berkuasa di Myanmar sekarang akan menghormati hasrat rakyat selaras dengan prinsip-prinsip demokrasi. Dalam hal ini, adalah menjadi harapan kita supaya pihak-pihak berkenaan di Myanmar akan dapat menyelesaikan masalah politik mereka secara aman dan tolak ansur melalui perundingan.

Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain telah mengamalkan hubungan secara konstruktif (constructive engagement) dengan Myanmar dengan harapan ianya akan dapat mempengaruhi mereka ke arah satu penyelesaian yang berpandukan kepada prinsip-prinsip demokrasi dan aspirasi rakyat Myanmar sendiri.

- (b) Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, soalan ini telahpun dijawab pada 28-4-1992 lalu. Sekali lagi saya ingin tegaskan secara ringkas bahawa adalah menjadi dasar Kerajaan untuk tidak masuk campur di dalam hal ehwal dalaman (domestic affairs) sesebuah negara. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa mengikuti perkembangan yang berlaku di dalam negara tersebut.
- (c) Sepertimana yang saya telah sebutkan tadi adalah menjadi dasar Kerajaan untuk tidak masuk campur di dalam hal ehwal dalaman sesebuah negara dan adalah menjadi harapan kita pihak-pihak berkenaan di Myanmar dan Algeria akan menyelesaikan masalah politik mereka secara aman dan tolak ansur melalui perundingan.

**ROHINGYA, PELARIAN-  
TINDAKAN MALAYSIA  
BERSAMA ASEAN/OIC**

**52. Tuan Haji Nik Abdullah bin Nik Arshad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengembalikan kaum Rohingya yang beragama Islam supaya dapat kembali ke Myanmar dari Bangladesh di lain-lain negara dan apakah jaminan bahawa kaum Rohingya yang masih berada di Myanmar tidak akan ditindas serta jaminan pelarian yang pulang nanti dijamin keselamatan dan keadilan mereka;
- (b) jelaskan tindakan bersendirian Malaysia dengan Myanmar, tindakan bersama ASEAN dan tindakan bersama dengan OIC; dan
- (c) apakah sikap dan langkah yang Wisma Putra lakukan apabila Duta Myanmar di Kuala Lumpur menganggap bahawa pelarian di Bangladesh itu bukan warganegaranya, sebaliknya adalah kaum pendatang.

*(Soalan-soalan yang berkaitan dengan isu pelarian Myanmar):*

**1. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah perkembangan di dalam sikap Junta Military Myanmar selepas Malaysia dan seterusnya OIC membuat pendirian membantah kezaliman yang dilakukan terhadap orang-orang Islam Myanmar. Andainya kezaliman ini diteruskan, apakah bentuk-bentuk tindakan yang akan diambil pada peringkat-peringkat antarabangsa.

**2. Dr Sanusi Daeng Mariok** minta Menteri Luar menyatakan apakah tindakan-tindakan diplomatik Kerajaan untuk meringankan penderitaan yang dialami oleh kaum Rohingya di Myanmar.

**3. Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Luar Negeri menyatakan dengan jelasnya mengenai:

- (a) pendirian negara berhubung dengan isu pelarian rakyat Myanmar yang beragama Islam ke Bangladesh; dan
- (b) apakah tindakan diplomasi antarabangsa yang telah diambil oleh negara ini bagi menunjukkan pendirian tegas negara terhadap tindakan kejam, ganas dan tidak berperikemanusiaan pihak Kerajaan Myanmar sekarang.

**4. Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed** meminta Menteri Pembangunan Luar Negeri menyatakan apakah langkah-langkah tegas yang telah diambil oleh Kerajaan untuk membantu pelarian Islam Rohingya di Myanmar.

**5. Tuan Saidin @ Yusof bin Adam** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah kedudukan sebenar mengenai pelarian orang Islam Rohingya di Myanmar. Apakah benar mereka ini adalah pendatang haram seperti yang didakwa oleh Kerajaan Myanmar melalui duta mereka baru-baru ini.
- (b) adakah sokongan Kerajaan ke atas masalah pelarian Rohingya ini masih diteruskan.
- (c) apakah usaha-usaha dan bantuan Kerajaan di peringkat antarabangsa untuk membantu pelarian Rohingya ini.

**6. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim** minta Menteri Luar Negeri menyatakan peranan yang dimainkan oleh Malaysia dalam mencari perdamaian di Myanmar di antara pihak-pihak yang bersengketa di sana. Adakah bantuan yang diberi oleh Malaysia kepada pelarian Rohingya tidak menjejaskan persahabatan Malaysia dengan Myanmar.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Seperti Yang Berhormat sedia maklum, soalan mengenai pelarian Myanmar atau lebih dikenali sebagai kaum Rohingya telah dua kali dikemukakan pada sidang kali ini iaitu pada 28hb dan 30hb April 1992. Seperti Yang Berhormat sedia maklum juga, kedua-dua soalan itu telah pun dijawab.

Lanjutan dari itu, saya juga telah menerima tujuh lagi soalan-soalan yang berkaitan dengan isu Myanmar ini dan memandangkan kesemua soalan-soalan tersebut adalah berkaitan, izinkan saya, untuk menjawab soalan-soalan tersebut secara serentak.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Malaysia bersama-sama dengan masyarakat antarabangsa yang lain, telah mengambil pendirian yang tegas di dalam isu pelarian Myanmar ini. Di sini ingin saya nyatakan bahawa ketegasan ini telah berjaya mewujuk pihak-pihak yang terlibat di dalam isu ini, terutama sekali kerajaan Myanmar untuk segera mencari jalan penyelesaian terhadap isu tersebut.

Kerajaan Myanmar telah pun mengutuskan Menteri Luarnya ke Bangladesh untuk berbincang dengan rakan sejawatnya. Di dalam hal ini, Kerajaan Malaysia merasa bersyukur kerana Kerajaan Myanmar telah pun melembutkan pendiriannya dan bersetuju untuk mengambil semula pelarian-pelarian tersebut. Kerajaan Myanmar juga telah mengiktirafkan pelarian-pelarian tersebut sebagai sebahagian daripada rakyatnya dan telah berjanji untuk tidak mengambil apa-apa tindakan terhadap pelarian-pelarian tersebut.

#### **PEKERJA ASING TANPA IZIN-SYARAT PENDAFTARAN**

**53. Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

(a) perjalanan proses pendaftaran pendatang-pekerja asing yang

sedang berjalan sekarang dari segi:

- (i) jumlah yang telah didaftar mengikut negeri asal;
- (ii) tujuan mereka datang (jenis sektor pekerja apa);
- (iii) syarat-syarat yang dikenakan; dan
- (iv) apakah agensi-agensi pekerjaan yang mengendalikan urusan-urusan ini.

**Tuan Ong Ka Ting:**

- (i) Jumlah pekerja asing tanpa izin (PATI) yang telah didaftar sehingga 15-4-92 adalah seramai 88,634 orang. Mereka terdiri daripada rakyat negara-negara Indonesia, Bangladesh, Myanmar, India, Thai, Pakistan, Sri Lanka, Filipina, Nigeria, Nepal, Syria, Congo, Djiboti, Ethiopia, Cameron, Zaire, Bostwana dan Tanzania.
- (ii) Kehadiran PATI ke negara ini adalah untuk bekerja. Tumpuan utama mereka ialah di sektor pembinaan, perladangan, perkhidmatan pembantu rumah dan pembuatan.
- (iii) Syarat-syarat yang dikenakan untuk mendaftar PATI adalah seperti berikut:
  - (a) sedang bekerja di sektor perladangan, pembinaan dan perkhidmatan pembantu rumah.
  - (b) mendapatkan pasport atau dokumen perjalanan daripada pihak berkuasa negara masing-masing.
  - (c) permohonan dibuat oleh majikan yang sah.

(iv) Dalam program pendaftaran PATI ini Kerajaan tidak melantik agensi-agensi pekerjaan untuk menguruskannya tetapi mewajibkan kepada majikan PATI tersebut untuk mendaftarkan PATI mereka di Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

(b) adakah gagasan EAEC itu tidak akan diteruskan memandangkan perkara itu sudah jarang disebut-sebut sekarang; dan

(c) apakah alternatif baru jika EAEC ditangguhkan.

14-5-92.

Dato' Haji Mohd. Abu Bakar bin Rautin Ibrahim Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah perkembangan terakhir mengenai cadangan penubuhan Kumpulan Ekonomi Asia Timur. Adakah tentangan-tentangan daripada negara Barat akan menumpaskan hasrat negara timur untuk memajukan hak mereka.

#### KUMPULAN EKONOMI ASIA TIMUR (EAEC)-PENOLAKAN AMERIKA SYARIKAT

54. Tuan Joseph Voon minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan kedudukan cadangan pembentukan East Asia Economic Caucus (EAEC).

7-5-92.

Tuan Robert Lau Hoi Chew minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

(a) apakah kemajuan terhadap formasi East Asia Economic Grouping (EAEC) yang dicadangkan; dan

(b) adakah EAEC yang dicadangkan akan menguatkan peluang-peluang rakyat Malaysia untuk melabur dalam Vietnam, Kambodia, Laos, dan Negara China (yang berekonomikal) yang baru dibuka.

12-5-92.

Tuan Haji Mohd. Jamil bin Wan Mahmood minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

(a) adakah Jepun dan Korea Selatan telah memberi persetujuan untuk membentuk EAEC sesudah Amerika tidak menggalakkan penyertaan Jepun;

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Chua Jui Meng): Saya mohon izin untuk memberi jawapan kepada soalan-soalan yang dikemukakan oleh Y.B. dari Tanjong Aru, dan bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Y.B. dari Sibu pada 17-5-92, Y.B. dari Tumpat pada 12-5-92 dan Y.B. dari Kuala Kedah pada 14-5-92, memandangkan perkara yang dibangkitkan semuanya berkaitan dengan East Asia Economic Caucus (EAEC).

Saya ingin memaklumkan bahawa semasa Sidang Kemuncak ASEAN Keempat di Singapura baru-baru ini, Ketua-ketua Negara ASEAN telah bersetuju pada dasarnya dan mengakui pentingnya cadangan bagi ASEAN dan negara-negara di rantau Asia Timur untuk berunding secara tidak formal dalam forum EAEC untuk membincangkan perkara-perkara yang menyentuh kepentingan bersama berkaitan dengan kerjasama ekonomi, perdagangan dan pelaburan. Adalah diakui bahawa kerjasama seperti ini akan menyumbangkan kepada peningkatan dalam pertumbuhan ekonomi rantau ini di samping memberikan suara dan pengaruh yang lebih kuat dalam usaha untuk mengukuhkan sistem perdagangan bebas.

Berikutan dengan keputusan Sidang Kemuncak ASEAN Keempat itu, konsep EAEC akan dihuraikan dengan lebih terperinci oleh Pegawai-pegawai Kanan ASEAN yang juga akan menyediakan pelan tindakan bagi pelaksanaannya.

Adalah diperhatikan bahawa penolakan Amerika Syarikat terhadap EAEC adalah kerana khuatir cadangan tersebut akan menyebabkan pengaruhnya di rantau ini akan berkurangan dan pada masa yang sama memberi peluang kepada Jepun untuk menguasai sumber dan pasaran di rantau Asia Timur yang pesat membangun ini. Bagi Jepun dan Korea pula, pendirian mereka terhadap cadangan ini adalah didorong oleh kepentingan masing-masing dan tekanan daripada Amerika Syarikat yang merupakan rakan perdagangan penting bagi negara-negara tersebut.

Dengan itu adalah dijangka bahawa penghuraian konsep EAEC dengan lebih terperinci oleh Pegawai-pegawai Kanan ASEAN akan dapat menggariskan aspek-sepek untuk meningkatkan kerjasama serantau dalam bidang ekonomi, perdagangan dan pelaburan, usaha bersama untuk membuka pasaran serta mengurangkan rintangan perdagangan yang akan memanfaatkan kesemua negara berikutan wujudnya pasaran serantau yang lebih terbuka. Penghuraian konsep EAEC juga akan menekankan dengan lebih jelas lagi bahawa ianya bukan bertujuan menubuhkan satu blok perdagangan dan di sebaliknya adalah selaras dengan prinsip-prinsip GATT dan tidak akan mengurangkan keberkesanan APEC atau dengan izin, Asia Pacific Economic Cooperation. Dalam pembentukan EAEC ini, peranan Jepun dan Korea adalah penting memandangkan mereka merupakan kuasa ekonomi yang penting di rantau ini. Pada masa ini, Jepun sedang menunggu pihak ASEAN untuk menyiapkan butir-butir terperinci mengenai konsep dan pelan pelaksanaan cadangan tersebut.

Sebenarnya proses integrasi ekonomi di kalangan negara-negara di rantau Asia Timur adalah satu proses yang sedang berlaku dan akan terus berlaku di masa depan. Ini jelas ditunjukkan oleh jumlah perdagangan yang semakin meningkat di kalangan negara-negara tersebut dan aliran pelaburan yang besar. Proses tersebut pada masa ini didorong oleh kuasa pasaran dan inisiatif sektor swasta. Oleh itu, cadangan penubuhan EAEC adalah selaras dengan aliran yang berlaku sekarang dan bertujuan untuk menyelaraskan perkembangan yang berlaku.

Bagi Malaysia, pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi bagi negara-negara di rantau ini hasil daripada peningkatan dalam kerjasama serantau di bidang ekonomi, perdagangan dan pelaburan akan mewujudkan peluang-peluang perniagaan dan eksport yang lebih luas kepada pengusaha-pengusaha tempatan. Peluang-peluang perniagaan dengan negara-negara Indo-China juga akan turut bertambah berikutan dengan pelaksanaan dasar-dasar ekonomi pasaran dan regim perdagangan yang terbuka di negara-negara tersebut dan hasil peningkatan dalam kerjasama serantau.

#### PELABURAN DI LAOS, VIETNAM-INSENTIF KEUTAMAAN

55. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sama ada bentuk insentif pelaburan yang akan diberikan keutamaan kepada pelabur-pelabur negeri ini yang akan melabur di Laos dan Vietnam.

Tuan Chua Jui Meng: Soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat ini adalah berkaitan dengan soalan yang telah dijawab oleh saya pada 30hb April 1992 ketika dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kawasan Kuala Kedah. Oleh yang demikian, saya tiada apa-apa maklumat yang hendak disampaikan.

**PERKESKO DAN KWSP-  
PERKHIDMATAN BERKESAN  
KEPADA AHLI**

**56. Puan Lim Lay Hoon** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada benar sebilangan besar daripada ahli-ahli SOSCO dan KWSP terdiri daripada golongan buruh dan pekerja ladang yang tidak mempunyai pelajaran tinggi dan tidak pandai bertutur dalam bahasa Malaysia. Mereka ini akan mengalami masalah bahawa apabila hendak kemukakan masalah mereka di pejabat berkenaan. Adakah Kementeriaannya bercadang menempatkan pegawainya yang terdiri daripada berbilang kaum supaya masalah tersebut dapat di atasi.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) merupakan dua agensi terbesar di negara ini yang ditubuhkan dengan matlamat memberi jaminan keselamatan sosial kepada perkerja-pekerja di negara ini.

Secara amnya keahlian perkeso dan KWSP terdiri dari rakyat Malaysia berbilang kaum. Walau bagaimanapun, setakat ini agensi-agensi berkenaan tidak menghadapi masalah atau menerima rungutan daripada ahli-ahlinya tentang masalah-masalah akibat kekurangan pemahaman Bahasa Malaysia. Ini adalah memandangkan bahawa kebanyakan rakyat Malaysia memahami dan boleh bertutur di dalam Bahasa Malaysia.

PERKESO dan KWSP merupakan agensi Kerajaan yang bercorak perkhidmatan dan bahasa tidak menjadi masalah oleh kerana kedua-dua agensi tersebut mempunyai pegawai-pegawainya yang boleh bertutur di dalam bahasa lain selain daripada Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Juga, kedua-dua agensi berkenaan sentiasa berusaha untuk meningkatkan perkhidmatannya kepada keahliannya melalui program-program untuk meningkatkan

lagi pengetahuan ahli-ahlinya tentang fungsi dan peranan agensi program media massa serta menerbitkan risalah-risalah panduan untuk kegunaan dan rujukan mereka.

**PASUKAN SUKARELAWAN  
POLIS-JUMLAH ANGGOTA**

**57. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa ramaikah jumlah anggota Pasukan Polis Sukarela (PVR) di seluruh negara sekarang ini;
- (b) apakah tugas dan fungsi Pasukan ini dan adakah Kerajaan bercadang untuk menambah bilangan mereka dan sebaliknya; dan
- (c) adakah elaun yang diberikan kepada anggota Pasukan ini mencukupi dan bilakah kajian mengenai elaun ini akan dijalankan.

**Tuan Ong Ka Ting:** Pada masa ini terdapat 2,850 perjawatan Sukarelawan Polis yang terdiri daripada 58 Penolong Penguasa Polis ke atas, 139 Inspektor dan 2,653 anggota pangkat rendah.

Pasukan Sukarelawan Polis telah ditubuhkan di bawah "The Police (Volunteer Reserve) Regulation 1956' dan ahli-ahlinya yang terdiri daripada berbagai lapisan masyarakat bertindak sebagai sukarelawan simpanan untuk menyokong Pasukan Polis dalam mengawal keamanan dan ketenteraman negara. Pada masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk membesarkan Pasukan ini memandangkan keperluannya tidak begitu mendesak.

Elaun yang diberikan kepada Pasukan ini adalah sama dengan Pertubuhan Sukarela yang lain seperti Pasukan Simpanan Tentera dan Pertahanan Awam. Antara elaun yang dibayar ialah Elaun Latihan, Elaun Perjalanan, Elaun Saguhati dan elaun Pakaian Seragam.

**PELABUR MALAYSIA DI  
VIETNAM—BANTUAN  
KERAJAAN**

**58. Dr Sanusi Daeng Mariok** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan berapa banyakkah pelabur-pelabur Malaysia yang telah cuba bertapak di Vietnam dan apakah yang dilakukan oleh Kementerian ini untuk membantu mereka.

14-5-92.

**1. Tuan Wong Wing On** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan jumlah projek-projek yang dilaburkan oleh pelabur-pelabur Malaysia di Vietnam dan jumlah nilai yang terlibat.

**Tuan Chua Jui Meng:** Izinkan saya menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Y.B. dari Rantau Panjang bersama dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang pada 14-5-1992.

Pertumbuhan perdagangan dua hala Malaysia dengan Vietnam pada ketika ini adalah menggalakkan. Jumlah perdagangan antara kedua buah negara telah meningkat dari \$138 juta pada tahun 1989 ke \$235 juta pada tahun 1991, mencatatkan kadar pertumbuhan sebanyak 70%. Perdagangan dua hala ini dijangka akan meningkat dengan kadar yang lebih pesat selepas lawatan YAB Perdana Menteri ke Vietnam baru-baru ini. Ahli-ahli sektor swasta yang turut menyertai delegasi YAB Perdana Menteri telah berjaya dalam perundingan pengeksportan barangan Malaysia ke Vietnam bernilai sebanyak \$88 juta. Barangan eksport yang terlibat adalah barangan perubatan, peralatan refrigeration, barangan kertas, urea dan komponen komputer. Jumlah import dari Vietnam yang dirunding adalah sebanyak \$59 juta. Barang-barang import utama adalah beras, hasil lautan, perabot, tekstil dan 'lacquer wares', dengan izin.

Jumlah pelaburan Malaysia di Vietnam pada ketika ini adalah sebanyak \$180 juta. PETRONAS Carigali merupakan pelabur yang terbesar di kalangan pelabur-pelabur Malaysia, dengan jumlah pelaburan sebanyak \$162 juta. Syarikat lain yang terlibat dalam projek usahasama dengan Vietnam termasuk:

- Public Bank Berhad;
- Scansia (M) Sdn. Bhd.;
- Trade Ocean Sdn. Bhd.;
- Agrotek Co. & Investment Corporation.

Semasa lawatan Rasmi YAB Perdana Menteri ke Vietnam pada 19hb—24hb April, 1992, lebih 20 syarikat Malaysia telah menandatangani Memorandum Persefahaman dan Perjanjian-perjanjian dengan pihak Vietnam. Di antaranya ialah:

- Hotel Equatorial/Arab Malaysia Development Bank untuk membina hotel di bandar Ho Chi Minh yang bernilai \$63 juta;
- Tropical Canning Corporation Sdn. Bhd. untuk melabur dalam industri perikanan bernilai sebanyak \$38—\$75 juta;
- Akitek Jururancang (M) Sdn. Bhd. bersetuju menjalankan projek rekaan, pembangunan dan pembaharuan bandar Ho Chi Minh; dan
- Samen Holdings Sdn. Bhd. akan berusahasama dengan Bason Shipyard, Vietnam untuk menjalankan kerja-kerja membaikpulih kapal-kapal dan perkhidmatan maritim.

Jumlah perdagangan dua hala antara Malaysia dan Kemboja pada ketika ini adalah kecil. Perdagangan dua hala Malaysia-Kemboja dalam tahun 1989

adalah sebanyak \$21 juta, manakala dalam tahun adalah \$33 juta. Perdagangan dua hala adalah lebih menguntungkan Kemboja. Lebih dagangan yang dicatatkan oleh Kemboja pada tahun 1991 adalah \$28 juta.

Jumlah perdagangan dua hala antara Malaysia dengan Laos pada tahun 1989 adalah sebanyak \$0.4 juta dan pada tahun 1991 sebanyak \$0.7 juta.

Kerajaan telah berusaha untuk menjalinkan hubungan ekonomi dan perdagangan antara Malaysia dan Vietnam. Beberapa langkah telahpun diambil untuk mencapai tujuan ini. Di antaranya ialah menghapuskan sekatan lawatan ke atas rakyat untuk melawat Vietnam dan sebaliknya, menubuhkan Pejabat Perdagangan Malaysia di bandar Ho Chi Minh untuk membantu ahli-ahli perniagaan Malaysia yang ingin berurusniaga di Vietnam, menandatangani Perjanjian Jaminan Pelaburan, Perjanjian Kerjasama Pos dan Telekomunikasi, Perjanjian Kerjasama Ekonomi, Sainifik dan Teknikal, menggalakkan penubuhan projek-projek usahasama antara sektor swasta Malaysia dengan pihak berkuasa Vietnam, khususnya dalam sektor perlombongan, pembinaan, perkhidmatan institusi kewangan, pengeluaran minyak mentah, perkhidmatan telekomunikasi dan perhotelan.

Kerajaan akan terus menggalakkan ahli-ahli perniagaan menerokai pasaran (untuk eksport dan pelaburan) di Indochina, terutama Vietnam. Peluang-peluang perdagangan dan pelaburan di Vietnam adalah cerah kerana terdapat beberapa bidang ekonomi yang sesuai untuk pengusaha-pengusaha Malaysia menyertainya. Sehubungan dengan ini, MITI akan terus menggalak dan membantu pihak sektor swasta dalam penyertaan mereka untuk meningkatkan perdagangan dan pelaburan di negara tersebut.

## **PLAZA TOL CHERAS, KESESAKAN LALULINTAS**

**59. Dr Kua Kia Soong** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapa ramai orang tidak membayar tol di Plaza Tol Cheras;
- (b) berapa jumlah pengutipan bulanan secara purata di Plaza Tol Cheras bagi tahun 1991 dan 1992; dan
- (c) sama ada Kerajaan memper-timbangkan untuk member-hentikan pengutipan tol memandangkan kesesakan lalulintas di sepanjang Jalan Cheras adalah lebih teruk lagi apabila dibandingkan dengan masa-masa yang sebelumnya.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Drs Suleiman bin Mohamed):**

- (a) Bilangan orang yang tidak membayar tol di Plaza Tol Cheras mulai tarikh tol dipungut pada 15.1.1991 sehingga akhir bulan Disember, 1991 adalah merupakan lebih kurang 0.9% daripada jumlah pengguna jalan yang melalui Plaza Tol tersebut. Bagi tiga bulan pertama tahun 1992, peratus pengguna jalan yang tidak membayar tol ialah 0.08 daripada jumlah yang menggunakan jalan berkenaan.
- (b) Jumlah pungutan bulanan secara purata bagi tahun 1991, bermula dari tarikh pungutan tol dikuatkuasakan iaitu 15.9.1991 sehingga akhir Disember, 1991 adalah \$1.602 juta. Pungutan bulanan purata bagi tiga bulan pertama tahun 1992 ialah sebanyak \$1.608 juta.
- (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengenalan tol di kawasan bandar bukanlah satu

perkara yang unik, malahan di negara-negara lain pun tol dipungut sebagai satu cara pembiayaan pembinaan jalan. Memandangkan kepada kadar pertumbuhan yang pesat dalam bilangan penduduk dan lalulintas di Bandar Kuala Lumpur, Kerajaan berpendapat bahawa dasar tol merupakan satu pilihan yang "viable" bagi mengatasi masalah kesesakan lalulintas di bandar. Oleh kerana peruntukan Kerajaan adalah terhad dan rakyat mahukan sistem pengangkutan yang baik, maka Kerajaan terpaksa men-swastakan beberapa projek jalan termasuklah Jalan Cheras.

Keadaan di Jalan Cheras mungkin lebih teruk sekiranya tol tidak dikenakan di jalan berkenaan. Kerajaan berharap dengan selesainya kerja-kerja untuk menaikkan taraf Jalan Cheras Lama menjelang tahun 1994, masalah kesesakan lalulintas dapat diatasi.

#### **TAPAK PEMBUANGAN TOKSID— BUKIT NANAS, NEGERI SEMBILAN**

**60. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan proses pemilihan dalam memberikan syarikat Denmark, I. Kruger Engineering dan United Engineers Malaysia, hak untuk memaju dan samenjalankan pusat kemudahan pengendalian dan pembuangan toksid yang pertama dalam negara ini; dan mengapakah tapak pusat tersebut ditempatkan di Bukit Nenas, Negeri Sembilan dengan memberikan senarai tapak-tapak lain yang dipertimbangkan dan dipilih pada peringkat pertama dan mengapakah ianya ditolak kemudiannya.

**Tuan Law Hieng Ding:** Pada tahun 1989, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah menjemput syarikat-

syarikat yang berminat untuk melaksanakan dan mengoperasi sistem pengolahan dan pelupusan buangan terjadual di negara ini supaya menghantar cadangan-cadangan mereka ke Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk dipertimbangkan. Di akhir tempoh masa yang diberikan iaitu pada 30hb Jun, 1989, sebanyak 15 syarikat (konsortium) daripada pelbagai negara termasuk Malaysia telah mengemukakan cadangan masing-masing. Dua konsortium iaitu yang diketuai oleh I. Kruger Engineering AS, Denmark dan Chem-Security Ltd., Kanada telah dipertimbangkan untuk diterima oleh Kerajaan. Kriteria pemilihan adalah berdasarkan seperti berikut:

- (a) sebarang cadangan diterima dalam masa yang ditetapkan iaitu di antara 6hb Mei—30hb Jun, 1989;
- (b) Tiada jaminan Kerajaan kuantiti, baik dari segi buangan minima atau kewangan dikehendaki oleh pencadang;
- (c) Tiada kehendak monopoli;
- (d) Inisiatif untuk mencari tapak sendiri; dan
- (e) Lain-lain kemudahan yang berkaitan yang akan dibangunkan seperti pemerolehan kembali (recovery) buangan.

Pada hak untuk memajukan kemudahan tersebut telah diberikan kepada konsortium yang diketuai oleh I. Kruger Engineering AS, Denmark kerana konsortium berkenaan memenuhi segala kehendak Kementerian termasuk bersedia menjalankan kajian EIA terhadap tapak yang dicadangkan oleh Kerajaan di Negeri Sembilan. Syarikat Chem-Security telah menarik diri kerana tidak meneruskan kajian EIA seperti yang disyaratkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di dalam proses penilaian yang dijalankan komposisi konsortium bukan merupakan suatu kriteria di dalam

pemilihan. Tambahan pula, di masa mengemukakan cadangan kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Syarikat I. Kruger Engineering AS belum memutuskan siapa yang akan menjadi rakan-kongsinya di negara ini. Lain-lain rakan-kongsi yang disenaraikan di masa syarikat tersebut menghantar cadangan adalah Chemcontrol AS dan Enviroplan AS, Denmark.

Tapak cadangan di Bukit Nanas, Negeri Sembilan dipilih berikut:

- (a) tanahnya hendaklah stabil dari segi geomorfologi dan tiada punca air daratan;
- (b) mempunyai lokasi yang strategik di Semenanjung;
- (c) melalui penilaian awal ia tidak menunjukkan potensi yang boleh menyebabkan kesan ekologi yang tidak baik;
- (d) Kawasan ini tidak mendapat hujan yang terlalu banyak;
- (e) Baik dari segi geologi dan hidrogeologi;
- (f) mempunyai topografi yang baik iaitu terletak di kawasan yang tinggi dan tidak berpotensi menyebabkan pencemaran terhadap air daratan;
- (g) mempunyai tanah dari jenis tanah liat yang mana boleh digunakan sebagai bahan penutup;
- (h) mempunyai zon penampan (buffer zone) yang baik kerana terdapat ladang kelapa sawit dan getah disekelilingnya.

Tapak cadangan di Bukit Nanas, Port Dickson, Negeri Sembilan dipilih setelah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar meneliti sebanyak 91 buah tapak di seluruh negara sejak tahun 1981 lagi. Pecahan jumlah tapak yang

telah dilawati dan dinilai kesesuaiannya adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Jumlah Tapak</i>
Selangor	45
Pulau Pinang	15
Negeri Sembilan	14
Johor	8
Kedah	6
Melaka	3
Jumlah	91

Penolakan tapak-tapak lain yang telah dikenalpasti sebelum ini dibuat kerana tapak-tapak tersebut tidak memenuhi kriteria-kriteria pemilihan utama yang telah dinyatakan di atas.

#### **KAMPUNG-KAMPUNG BARU— MASALAH**

61. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) jumlah penduduk miskin di 452 buah kampung baru di Malaysia dan berikan pecahan mengikut negeri;
- (b) apakah langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk mengatasi masalah ini;
- (c) adakah beliau sedar bahawa masalah mereka dan penduduk kampung baru lain bertambah runcing oleh kerana perkhidmatan yang kurang baik, tidak efisien dan profesionalisme pegawai kampung baru yang dilantik hasil dari kefahaman politik mereka dan bukan dari kemampuan mereka, kalau ya, apakah langkah yang diambil;
- (d) apakah kriteria yang digunakan untuk melantik mereka dan adakah pihak Kerajaan akan mengarahkan bahawa pegawai kampung baru tidak dibenarkan

berkecimpung dalam bidang politik demi memastikan bukan sahaja perkhidmatan yang baik tetapi juga mengurangkan rebutan kuasa politik yang sering berlaku; dan

- (e) sila nyatakan apakah ganjaran atau faedah yang diterima oleh pegawai kampung baru itu.

**Tuan Osu bin Haji Sukam:**

- (a) Berkaitan dengan kadar kemiskinan di dalam kampung-kampung yang dahulunya dikenali sebagai kampung baru, angka terbaru sedang diperolehi dari banci negara yang baru selesai. Walau bagaimanapun, berasaskan kepada satu kajian rambang yang telah dijalankan dalam tahun 1990 ke atas 321 kampung-kampung tersebut, jumlah isirumah yang menerima kurang daripada \$350.00 pendapatan sebulan adalah sebanyak 28,229 iaitu merupakan 18% daripada 150,364 jumlah isirumah dalam kampung-kampung tersebut. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Bilangan Isirumah</i>
1. Johor	4,892
2. Kedah	396
3. Kelantan	1,620
4. Melaka	1,136
5. Negeri Sembilan	1,904
6. Pahang	4,158
7. Perak	9,127
8. Pulau Pinang	977
9. Selangor	3,997
10. Terengganu	22
Jumlah	<u>28,229</u>

Kemiskinan tidak ditaksirkan hanya semata-mata berdasarkan kepada pendapatan isirumah

tetapi ia perlu mengambil kira tahap kualiti hidup, keselamatan dan kewujudan kemudahan-kemudahan awam. Sukacita dimaklumkan bahawa sebilangan besar isi keluarga yang berpendapatan rendah di kampung-kampung tersebut sebenarnya mempunyai atau menikmati kemudahan-kemudahan ini.

- (b) Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk membasmi kemiskinan di seluruh negara. Mutu hidup golongan miskin terutamanya yang termiskin akan terus ditingkatkan melalui penyediaan keperluan asas dan kemudahan sosial yang lain. Di samping itu, Kerajaan akan terus menyediakan peluang-peluang dalam sektor pembuatan dan perindustrian, seperti mempergiatkan lagi industri-industri ringan serta industri kecil dan sederhana di kedua-dua kawasan bandar dan luar bandar. Faktor utama yang akan menyumbang kepada kemajuan dalam membasmi kemiskinan ialah pertumbuhan ekonomi kerana ini dapat membuka peluang-peluang bagi golongan miskin meningkatkan pendapatan dan taraf hidup mereka. Oleh itu, adalah tidak benar sama sekali bahawa masalah penduduk di kampung-kampung yang dahulunya dikenali sebagai kampung-kampung baru telah bertambah runcing.
- (c) Berkaitan Pegawai Kamajuan Perkampungan, suka dijelaskan dan
- (d) bahawa seseorang Pegawai Kamajuan Perkampungan tidak dilantik berdasarkan kepada penglibatannya atau kefahamannya di dalam bidang politiknya semata-mata. Untuk makluman Yang Berhormat dari Kota

Melaka, seseorang Pegawai Kemajuan Perkampungan akan dilantik berdasarkan kepada beberapa kriteria seperti kelayakan akademik, kebolehan bertutur dan menulis di dalam Bahasa Malaysia, Mandarin dan Inggeris, penglibatan di dalam kegiatan-kegiatan kemasayarakatan dan kebajikan, kepimpinan dan kefahamannya berhubung dengan perkembangan siasah di negara ini. Perkara-perkara di atas adalah amat penting bagi seseorang Pegawai Kemajuan Perkampungan dalam menjalankan tugas untuk membantu membangunkan kampung-kampung di bawah penyaliaannya.

- (e) Seorang Pegawai Kemajuan Perkampungan adalah dibayar elaun sebanyak \$1,080.00 sebulan dan pampasan sekadar 17% pendapatan terakhir sepertimana pegawai kontrak biasa apabila tamat kontrak perkhidmatannya.

#### PERKHIDMATAN NASIONAL— CADANGAN

62. Tuan R Karpal Singh minta Menteri Pertahanan menyatakan sebab-sebab mengapa Kerajaan telah mengenyepikan cadangan memperkenalkan pemilihan nasional servis bila negara-negara seperti Singapura dan Thailand mempunyai nasional servis yang sempurna dan lengkap. Mengapa Kerajaan sehingga kini mempamerkan keengganan mempunyai nasional servis yang sempurna dan lengkap.

**Menteri Pertahanan (Dato' Seri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak):** Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum daripada ini bahawa Kementerian ini tidak bercadang untuk menimbang atau mengadakan perkhidmatan nasional sama ada secara

wajib atau pilihan di negara ini buat masa ini, lebih-lebih lagi dalam keadaan di mana tiada keperluan mendesak untuk pertahanan negara. Pelaksanaannya dalam masa yang tidak sesuai akan hanya menimbulkan banyak implikasi yang kurang baik yang perlu dielakkan.

#### PENSYARAH UNIVERSITI MELETAKKAN JAWATAN— JUMLAH

63. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapakah bilangan pensyarah-pensyarah univesiti tempatan telah meletakkan jawatan sejak 1990, mengikut pecahan universiti;
- (b) apakah sebab-sebabnya mereka meletakkan jawatan; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang telah dan sedang diambil untuk mengatasi masalah tersebut serta setakat manakah kejayaannya.

7-5-92.

78. Tuan Shahidan bin Kassim minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (c) bilangan perletakan jawatan kakitangan akademik di universiti tempatan untuk tahun 1985 hingga 1991 dan kesannya ke atas kualiti siswazah-siswazah; dan
- (d) sebab-sebab mengapa kakitangan akademik di universiti tempatan dan di Institusi Teknologi MARA tidak berpuashati dengan Skim Saraan Baru (SSB).

**Dr Fong Chan Onn:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, oleh kerana terdapat dua orang Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan soalan mengenai perletakan jawatan pensyarah

universiti tempatan, Yang Berhormat dari Sabak Bernam pada 6-5-92 dan Yang Berhormat dari Arau pada 12-5-91, saya memohon supaya soalan ini dijawab serentak.

- (a) Jumlah pensyarah yang meletakkan jawatan sejak 5 tahun kebelakangan ini hanya lebih kurang 2% daripada keseluruhan jumlah kakitangan akademik.
- (b) Perletakan jawatan oleh pensyarah-pensyarah tersebut mungkin disebabkan oleh beberapa faktor, di antaranya ialah:
  - (i) tertarik unuk berkhidmat dengan pihak swasta kerana memperoleh banyak kemudahan dari pihak swasta seperti rumah, kereta dan sebagainya;
  - (ii) mendapat gaji yang lebih lumayan di sektor swasta;

#### YAYASAN FILEM NEGARA — CADANGAN

64. Dato' Haji Basri bin Bajuri minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada Kementerian bercadang menubuhkan sebuah Yayasan Filem Negara menerbitkan Filem Kebangsaan di mana sektor swasta dilibatkan bagi menerbitkan filem-filem bermutu yang akan menaikkan imej negara dan juga "to counter" filem-filem asing yang memburuk-burukkan negara kita. Jika tidak, kenapa. Dan jika ya, bila ia akan ditubuhkan.

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Buat masa ini Kementerian belum bercadang untuk menubuhkan Yayasan Filem Negara atau Yayasan Filem Kebangsaan. Peranan untuk menerbitkan filem-filem bermutu adalah seharusnya dimainkan oleh pihak swasta. Pada masa ini, Filem Negara telah ditugaskan untuk menerbitkan filem-filem yang boleh

meningkatkan imej negara yang mencerminkan negara kita yang serba maju dan membangun. FINAS pula ditugaskan untuk membantu peningkatan mutu industri perfileman. RTM dan stesen televisyen swasta pula menyediakan masa siaran bagi filem-filem dan drama-drama tempatan.

Sukacita dimaklumkan bahawasanya sebuah panel perunding perfileman negara telah pun dibentuk dan dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Ghazali Shafie. Ianya dianggotai oleh tokoh-tokoh penting tanahair yang mampu membantu menggubal satu dasar perfileman negara yang berkesan. Kiranya panel perunding ini mencadangkan satu pertubuhan bagi kepentingan pertumbuhan industri perfileman yang mampu mempertingkatkan imej negara, pihak Kementerian bersedia menimbangnya.

#### MENGHINA DYMM SULTAN KELANTAN—KENYATAAN OLEH MENTERI-MENTERI

65. Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapakah Kerajaan Pusat membuat kenyataan bahawa Akta Hasutan tidak akan dikenakan kepada mereka termasuk Menteri-menteri yang jelas boleh dicaj (charge) di bawah Akta itu apabila mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang menghina DYMM Sultan Kelantan. Apakah mereka itu terlalu istimewa.

Tuan Ong Ka Ting: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, segenap lapisan masyarakat di Malaysia, kecuali DYMM Sultan-sultan dan Rajaraja Melayu adalah tertakluk kepada undang-undang yang sedia ada termasuklah Akta Hasutan yang bidang liputan merangkumi semua orang tanpa diberi sebarang keistimewaan walau apa pun kedudukan dan jawatan mereka.

Sehubungan dengan ini, di bawah Akta ini sama ada seseorang itu akan dicaj ataupun sebaliknya adalah

bergantung kepada hasil siasatan dan perakuan pihak Pendakwa Raya. Kerajaan tidak akan bertindak dengan sewenang-wenangnya dan dengan cara yang demikian setiap rakyat di negara ini akan menikmati keadilan.

### INFLASI—LANGKAH KAWALAN ATAS KENAIKAN

**66. Tuan Ong Tin Kim** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) selepas beberapa langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengawal keadaan inflasi negara kita, apakah keadaan inflasi ekonomi negara kita sekarang. Apakah kesannya langkah-langkah oleh Kerajaan dalam kawalan inflasi ekonomi kita; dan
- (b) apakah langkah-langkah atau cadangan-cadangan sedang atau akan diambil oleh Kerajaan untuk mengawal keadaan selanjutnya.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Telok Intan telahpun saya jawab serentak dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Santubong pada 30hb April, 1992. Oleh itu, saya tidak bercadang untuk mengulanginya.

### “ALI-BABA”—TINDAKAN TERHADAP KONTRAKTOR BUMIPUTERA

**67. Tuan Saidin @ Yusof bin Adam** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) sama ada Kementeriannya menyedari atau mengetahui bahawa ramai kontraktor-kontraktor kelas F (semuanya bumiputera) yang terus mengamalkan sikap “Ali Baba” dengan memberikan lesen-lesen mereka kepada bukan bumiputera sehinggakan kerja-kerja yang diperuntukkan untuk Kelas F telah dimonopoli dan dikawal

oleh kontraktor-kontraktor bukan bumiputera tidak berlesen; dan

- (b) jika Kementerian telah sedia maklum akan perkara ini, apakah usaha-usaha yang sedang dan akan dijalankan untuk mengatasi masalah yang semakin serius.

**Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:**

- (a) Pihak Kementerian memang ada mendengar amalan setengah-setengah kontraktor kelas F yang mengamalkan perniagaan “Ali-Baba” tetapi belum pernah menerima aduan-aduan yang terbukti berkait dengan amalan tersebut.
- (b) Sekiranya dan apabila diterima aduan-aduan berkait dengan perbuatan melanggar syarat-syarat pendaftaran, pihak Kementerian melalui Pusat Khidmat Kontraktor akan mengambil tindakan sama ada untuk menahan, menggantung atau membatalkan pendaftaran kontraktor yang berkenaan setelah terbukti kesalahannya.

### LAPORAN TAHUNAN AGENSI KERAJAAN—LANGKAH MENGATASI KELEWATAN

**68. Tuan Wee Choo Keong** minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan yang telah diambil dan akan diambil tentang agensi-agensi Kerajaan yang lewat membentangkan laporan tahunan masing-masing dan berikan nama-nama agensi-agensi Kerajaan yang tidak ‘up-to-date’ mengenai laporan tahunan mereka.

**Tuan Othman bin Abdul:** Kerajaan telahpun mengadakan peraturan bagi agensi-agensi Kerajaan membentangkan laporan tahunan dan penyata kewangan masing-masing. Agensi-agensi yang berkenaan adalah dikehendaki mengemukakan kepada Kerajaan

laporan tahunan berserta penyata kewangan yang belum diaudit dalam tempoh 6 bulan selepas tamatnya tahun kewangan agensi berkenaan.

Setelah penyata kewangan diaudit oleh Ketua Audit Negara, agensi berkenaan dikehendaki pula mengemukakan kepada Kerajaan penyata kewangan yang telah diaudit itu kepada Kerajaan sebelum berakhir tahun kewangan yang berikutnya.

Agensi-agensi yang lewat mengemukakan laporan tahunan dan penyata kewangannya akan diberi teguran dan peringatan dari masa ke semasa supaya segera mengemukakan laporannya kepada Kerajaan.

Agensi Kerajaan yang masih belum mengemukakan laporan tahunan dan penyata kewangannya kepada Kerajaan bagi tahun 1989 dan 1990 adalah seperti yang diberi secara bertulis.

### IKLAN DI TV—MARUAH NEGARA DAN AKHLAK GENERASI MUDA

69. Tuan Abdul Malik Munip minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) apakah polisi Kementerian mengenai penyiaran iklan di TV; dan
- (b) adakah penonjolan imej negara-negara asing dalam iklan itu semata-mata ditentukan oleh perhitungan komersil. Adakah Kementerian Penerangan memperhitungkan sama soal mengenai maruah negara dan ikhlas generasi muda.

Tuan Railey bin Haji Jaffrey:

- (a) Dasar Kementerian Penerangan mengenai penyiaran iklan di televisyen dan radio adalah seperti berikut:
  - (i) Semua iklan hendaklah sah, sopan, tulen,

munasabah, benar dan selari dengan dasar-dasar negara;

- (ii) Iklan-iklan hendaklah menggalak dan memajukan industri-industri tempatan;
- (iii) Iklan-iklan hendaklah menonjolkan kebudayaan identiti Malaysia, membayangkan kerukunan masyarakat berbilang bangsa dan selaras dengan falsafah Rukunegara;
- (iv) Iklan-iklan hendaklah mempunyai mesej kedua dengan menggambarkan masyarakat Malaysia yang mempunyai taraf hidup yang baik, bersopan santun, berdisiplin, bersih dan sihat, di samping mesej perdagangan; dan
- (v) Iklan-iklan dilarang daripada penunjukkan dan menggalakkan gaya hidup mewah yang berlebihan.

- (b) Kementerian Penerangan mempunyai peraturan mengenai penonjolan imej negara-negara asing dalam iklan radio dan televisyen. Kenyataan-kenyataan yang berkaitan dengan keistimewaan atau penonjolan imej negara asing tidak dibenarkan. Nama-nama rujukan yang perlu dibuat terhadap barangan import hanya dibenarkan menyebut negara pengimport sahaja. Perkataan-perkataan yang membawa maksud keistimewaan barangan import dari segi kualiti dan faedah tidak dibenarkan.

Kementerian ini sentiasa mengambil berat terhadap pembentukan akhlak muda-mudi semasa meluluskan iklan-iklan radio dan televisyen. Mana-mana

iklan yang didapati bertentangan dengan maruah dan akhlak masyarakat Malaysia yang boleh mempengaruhi muda-mudi tidak akan diluluskan untuk siaran.

### KOLEJ SWASTA PROGRAM BERKEMBAR—BIASISWA PELAJAR

70. Puan Hajjah Rakibah binti Haji Abdul Manap minta Menteri Pendidikan menyatakan memandangkan industri pendidikan swasta dewasa ini memainkan peranan yang penting di dalam pendidikan tinggi di negara ini, adakah Kerajaan di samping menghantar pelajar-pelajar dengan biasiswa ke institusi-institusi seberang laut akan juga menghantar sebilangan pelajar ke kolej-kolej swasta tempatan yang mempunyai program pengajian berkembar dengan universiti-universiti di seberang laut untuk menjimat kos membiayai pendidikan.

Dr Fong Chan Onn: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara umumnya pada masa ini, Kementerian Pendidikan tidak menghantar pelajar-pelajar dengan biasiswa ke kolej-kolej swasta tempatan yang menjalankan program berkembar dengan universiti-universiti luar negeri. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa orang pelajar secara individu yang menerima bantuan dari agensi-agensi Kerajaan belajar di kolej-kolej tersebut.

### LANDASAN KERETAPI BERKEMBAR—KEMAJUAN PELAKSANAAN

71. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) apakah perkembangan yang terbaru berkaitan dengan projek landasan keretapi berkembar

terutama sekali dari segi masalah-masalah yang timbul dan jadual;

- (b) bilakah projek tersebut akan siap di sekitar Wilayah Persekutuan dan seluruh negara;
- (c) adakah projek tersebut mengikut jadual yang telah ditentukan atau tertangguh dan tertunda, dan juga adakah jumlah perbelanjaannya mengikut anggaran awal atau sudah lebih dan jikalau lebih berapa banyakkah pertambahan yang dijangkakan.
- (d) adakah perancangan yang sama dicadangkan untuk Sabah dan Sarawak.

13-5-92.

1. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Pengangkutan memberitahu setakat manakah kemajuan yang dicapai mengenai pelaksanaan landasan keretapi baru di seluruh Malaysia.

Saya meminta izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan yang ditetapkan bagi 13hb Mei ini.

Projek landasan berkembar Keretapi Tanah Melayu (KTM) meliputi hanya kawasan Lembah Klang termasuk Seremban dan tidak seluruh negara. Projek tersebut dibahagikan kepada beberapa pakej. Pakej-pakej tersebut dan perkembangan kerja-kerja adalah seperti berikut:

- (i) Pakej A adalah pembaharuan landasan sedia ada dan membina landasan kembar di antara Kuala Lumpur dan Pelabuhan Klang Kerja-kerja pembinaan sebanyak enam peratus telah disiapkan. Keseluruhan kerja-kerja dijangka siap pada bulan Ogos, 1993.

- (ii) Pakej B dan C adalah kerja-kerja pembinaan jambatan, underpasses dan terowong di antara Rawang dan Kajang serta Kajang dan Seremban. Setakat ini sebanyak 48% kerja-kerja telahpun disiapkan. Keseluruhan kerja-kerja dijangka siap pada bulan Februari, 1993.
- (iii) Pakej D adalah kerja-kerja untuk sistem persembayanan dan komunikasi di antara Rawang dan Seremban serta Kuala Lumpur dan Pelabuhan Klang. Kerja-kerja pakej ini telah ditawarkan dalam bulan Jun 1992. Keseluruhan kerja-kerja pakej ini dijangka siap pada bulan Mac 1993.
- (iv) Pakej E adalah pembinaan landasan berkembar di antara Rawang dan Seremban. Sebanyak 45% pula kerja-kerja telah disiapkan dan keseluruhan pakej ini dijangka siap pada bulan Februari, 1993.
- (v) Pakej F adalah projek elektrifikasi di landasan berkembar KTM. Tender telah dikeluarkan pada 20hb Mac, 1992 dan dijangka ditutup pada 24hb Jun, 1992. Pakej ini dijangka disiapkan pada bulan Mei, 1995.

Dalam projek landasan berkembar keretapi yang sebesar ini, yang dikendalikan pertama kali di negara kita, memang beberapa masalah atau unsur-unsur yang tidak dapat dielakkan akan timbul. Masalah-masalah utama yang dihadapi dalam projek ini yang menyebabkan kelewatan kerja-kerja pembinaan adalah:

- (i) penempatan semula setinggan yang menduduki tanah KTM; dan
- (ii) keadaan cuaca/hujan yang menghindarkan kerja-kerja di tapak.

Jumlah kos projek landasan berkembar ini telah meningkat dari \$708 juta kepada \$1,496 juta. Peningkatan kos projek ini adalah disebabkan tambahan skop pelaksanaan projek tersebut serta program elektrifikasi landasan berkembar di antara Pelabuhan Klang—Kuala Lumpur dan Rawang-Seremban. Ini termasuk pengubahsuaian sistem persembayanan dan komunikasi, serta koc baru selaras dengan penggunaan sistem elektri di landasan berkembar ini. Dalam pada itu program elektrifikasi ini juga telah mengubahkan jadual yang dijangkakan dan projek landasan berkembar ini dijangka akan siap hanya pada pertengahan tahun 1995, dan tidak pada tahun 1993 seperti yang dijangkakan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan tiada mempunyai rancangan untuk membina landasan keretapi di Sabah dan Sarawak.

#### **PENYELEWENGAN NAMA BUMIPUTERA—SAHAM TERBITAN AWAM**

72. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Abdul Rahman minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) kes penyelewengan yang telah dikenalpasti dilakukan oleh bukan Bumiputera yang menggunakan nama Bumiputera di dalam terbitan awam dalam pembelian saham;
- (b) nyatakan juga keberkesanan hasil dari tindakan Kementerian dalam mengurangkan masalah ini dengan sistem yang baru diperkenalkan; dan
- (c) berapakah jumlah Bank yang menawarkan perkhidmatan bagi memudahkan Bumiputera membeli saham-saham dan bentuk-bentuk perkhidmatan yang disediakan.

**Dato Loke Yuen Yow:** Kes-kes penyelewengan penggunaan nama bumiputera di dalam terbitan saham yang dilakukan oleh bukan bumiputera termasuklah:

- (i) Penggunaan nama bumiputera tanpa izin dengan cara pemalsuan tandatangan atau pemalsuan salinan fotokopi kad pengenalan;
- (ii) Dengan cara paksa, contohnya seperti majikan menggunakan nama pekerja-pekerjanya;
- (iii) Terdapat juga keadaan di mana pihak bumiputera berkenaan memberi izin untuk namanya digunakan oleh bukan bumiputera dengan mendapat sedikit ganjaran atau bayaran saguhati. Ini jelas bertentangan dengan dasar untuk meningkatkan pegangan saham ekuiti oleh bumiputera dan juga menjejaskan peluang-peluang pemohon bumiputera tulen dalam cabutan saham-saham yang dijalankan; dan
- (iv) Pihak Bank Negara juga kini sedang giat menjalankan penyiasatan ke atas bank-bank yang disyaki telah melanggar peraturan-peraturan yang telah ditetapkan berkenaan dengan draf khas bumiputera, seperti penjualan draf khas bumiputera tersebut kepada bukan bumiputera dan menunaikan "refund cheque" yang dibuat atas nama pemohon bumiputera ke dalam akaun bukan bumiputera.

Sistem baru yang diperkenalkan dan mula berkuatkuasa pada bulan Disember 1991 telah berjaya mengurangkan penyalahgunaan nama bumiputera. Ini amat ketara apabila dilihat pada perubahan trend dalam permohonan yang diterima untuk terbitan saham. Sebelum sistem ini dilaksanakan, terdapat keadaan di mana jumlah permohonan dan juga tahap lebihan langganan untuk kategori bumiputera lebih tinggi daripada kategori bukan

bumiputera. Tetapi selepas pelaksanaan sistem baru, jumlah permohonan dan lebihan langganan untuk kategori bumiputera telah berkurangan atau turun ke tahap yang lebih munasabah. Ini menunjukkan bahawa dengan terlaksananya sistem baru tersebut, permohonan dari 'bumiputera yang bukan tulen' telahpun dikurangkan.

Pada masa ini, terdapat 27 buah bank perdagangan yang menyediakan skim pembiayaan syer untuk pelanggan mereka. Bentuk-bentuk perkhidmatan yang disediakan adalah berbeza di antara satu bank dengan yang lain.

### KES KEBAKARAN—PUNCA-PUNCA UTAMA DAN JUMLAH KERUGIAN

**73. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Abdul Rahman** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) jumlah kes kebakaran di seluruh Malaysia pada tahun 1991 dan 1992;
- (b) jumlah kerugian yang ditaksirkan dan jumlah kehilangan nyawa;
- (c) apakah punca-punca utama yang telah dikenalpasti sebagai punca utama kebakaran; dan
- (d) apakah langkah-langkah yang telah dijalankan bagi mengurangkan kebakaran.

**Tuan Osu bin Haji Sukam:**

- (a) Jumlah kes kebakaran yang berlaku di seluruh Malaysia pada tahun 1991 dan 1992 ialah:

1991 sejumlah 13,324 kes.

1992 sejumlah 3,680 kes (sehingga akhir Februari).

- (b) Jumlah kerugian pada tahun 1991 ialah lebih kurang \$347 juta dan pada tahun 1992 lebih kurang \$64 juta, setakat bulan Februari. Jumlah kematian ialah 77 orang pada tahun 1991 dan 5 orang sehingga Februari tahun ini.

- (c) Punca utama kebakaran yang dikenalpasti ialah faktor kecuaiian melibatkan puntung rokok, ubat nyamuk, lilin, colok, mercun dan bunga api dan budak-budak bermain mancis. Di dapati juga sebahagian disyaki sengaja dibakar (arson).
- (d) Dalam usaha untuk mengurangkan kejadian kebakaran, Jabatan Perkhidmatan Bomba mengambil langkah-langkah seperti berikut:
- (i) Meningkatkan tahap perlindungan kebakaran ke atas bangunan lama/sedia ada melalui pemeriksaan-pemeriksaan bagi maksud peningkatan taraf (up-grading) sistem perlindungan kebakaran.
  - (ii) Meningkatkan pemeriksaan bagi maksud sokongan perlesenan "trade and industry" yang dilakukan bagi memenuhi keperluan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan dan "Licencing Authority" yang berkaitan.
  - (iii) Berusaha mengukuhkan Bahagian Penguatkuasaan dengan menyusun semula struktur organisasi bagi memungkinkan aktiviti penguatkuasaan dilaksanakan dengan lebih berkesan.
  - (iv) Berusaha mengurangkan bahaya kebakaran melalui program pemeriksaan mengejut/berdasarkan aduan dan mengeluarkan arahan-arahan bagi maksud Penghapusan Bahaya-bahaya Kebakaran.
  - (v) Sedang berusaha mengukuhkan kawalan ke atas premis-premis yang mempunyai 'life-hazard' yang tinggi dengan menyenaraikan sebagai

'Designated Premises' yang memerlukan Perakuan Bomba (Fire Certificate) untuk beroperasi.

- (vi) Meningkatkan usaha-usaha ke arah menyedarkan masyarakat mengenai bahaya-bahaya kebakaran melalui Program Pembelajaran Awam dan aktiviti Kempen Mencegah Kebakaran.

#### GURU SEKOLAH MENENGAH/ RENDAH DI SABAH—GAJI RENDAH

74. Tuan Philip Yong Chiew Lip minta Menteri Pendidikan menyatakan bahawa guru-guru di negeri Sabah masih kekurangan gaji guru Sekolah Menengah dan Rendah juga tidak mencukupi sebab kos kehidupan di Sabah sangat tinggi; apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Pusat untuk menghadapi masalah tersebut dan apakah rancangan yang akan dibuat.

**Dr Fong Chan Onn:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penetapan gaji bagi semua pegawai dan kakitangan Kerajaan yang berkhidmat di seluruh Malaysia adalah berdasarkan kepada Skim Perkhidmatan yang telah dipersetujui oleh Kabinet. Oleh itu, Skim Perkhidmatan Pendidikan adalah tertakluk pada skim yang sama.

#### KEBAKARAN—LANGKAH PENCEGAHAN LEBIH BERKESAN

75. Tuan Shahidan bin Kassim minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) tahap mana "Public Conciousness" mengenai Kebakaran jika dilihat bilangan nyawa yang kehilangan dalam kebakaran dalam tahun 1985 hingga 1991;

- (b) langkah yang diambil untuk mendidik orang ramai mengenai langkah-langkah yang perlu diambil semasa kebakaran;
- (c) adakah Kerajaan bercadang mengeluarkan program televisyen seperti "Plan to get out alive" yang ditayangkan oleh TV3 pada 19hb Oktober 1991 untuk diedarkan ke semua sekolah rendah dan menengah di seluruh negara; dan
- (d) bilangan majikan yang menubuhkan Pasukan Bomba Sukarela di tempat kerja dan bilangan ahli bomba sukarela yang dilatih di bawah program ini.

**Tuan Osu bin Haji Sukam:**

- (a) Kementerian ini sedar bilangan kehilangan nyawa dalam kebakaran dan bilangan kebakaran telah meningkat. Walau bagaimanapun, beberapa usaha telahpun diambil supaya orang ramai lebih menyedari bahaya-bahaya kebakaran dan bersedia untuk mengambil langkah-langkah untuk menyelamatkan diri jika berlaku kebakaran. Semenjak tahun 1984, Jabatan Perkhidmatan Bomba telah menjalankan Kempen Mencegah Kebakaran hampir setiap tahun di seluruh negara dan telahpun mendapat kerjasama dari pihak media massa seperti televisyen, radio dan akhbar-akhbar tempatan untuk mendidik orang ramai secara berterusan terhadap bahaya-bahaya kebakaran. Kempen juga terus dijalankan terhadap kumpulan-kumpulan sasaran tertentu seperti kanak-kanak sekolah, suri-suri rumah tangga, pekerja-pekerja kilang dan bangunan tinggi.
- (b) Banyak risalah mengenai keselamatan kebakaran, poster dengan slogan yang bertujuan

menyedarkan orang ramai telah diedarkan kepada orang ramai. Pertandingan melukis poster mencegah kebakaran dan keselamatan nyawa, pidato di kalangan murid-murid sekolah, pekerja kilang dan bangunan tinggi, seminar serta ceramah-ceramah terus dijalankan oleh Jabatan Perkhidmatan Bomba. Dari perangkaan yang ada, dari 1988 hingga 1991 seramai 1.088 juta orang yang terdiri dari murid-murid sekolah, pekerja-pekerja pejabat, pengawal keselamatan, pekerja hotel, kilang, gedung-gedung perniagaan dan ahli-ahli persatuan telah menghadiri ceramah yang diberikan oleh Jabatan Perkhidmatan Bomba.

- (c) Kementerian ini dan Jabatan Perkhidmatan Bomba sentiasa ingin menayangkan gambar-gambar yang boleh menyampaikan mesej menyedarkan orang ramai terhadap pentingnya mengadakan langkah-langkah keselamatan kebakaran di rumah-rumah, sekolah-sekolah dan di tempat-tempat kerja. Tayangan televisyen "Plan to get out alive" adalah diadakan oleh Jabatan Bomba dengan bantuan tajaan beberapa syarikat swasta. Adalah di harapkan sokongan seperti ini akan terus diperolehi. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kos untuk menayangkan tayangan seperti ini di televisyen Bomba akan terus menayangkan gambar-gambar dengan tema-tema seumpama ini di sekolah-sekolah, kilang-kilang, hotel-hotel serta di bangunan-bangunan tinggi untuk pengetahuan para pelajar, pekerja dan majikan. Jabatan Perkhidmatan Bomba juga sedang berusaha dengan Kementerian Pendidikan untuk menyerapkan beberapa aspek

keselamatan kebakaran ke dalam Kurikulum Baru Sekolah Rendah secara 'direct' dan 'indirect'.

- (d) Jabatan Perkhidmatan Bomba terus berusaha serta menggalakkan penubuhan Bomba Sukarela di kawasan-kawasan pekan dan kampung-kampung terpencil serta unit-unit pemadam kebakaran di kilang-kilang besar. Dari perangkaan yang ada pada ketika ini, adalah didapati sebanyak 128 buah pasukan Bomba Sukarela dengan keahlian seramai 4,398 orang serta 312 buah pasukan bomba di kilang-kilang dengan 9,144 orang ahli telah ditubuhkan.

#### **KOPERASI TEMALA BERHAD, DI BARAM—SIASATAN**

76. Tuan Harrisson Ngau Laing minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan:

- (a) jumlah eset Koperasi Temala di Baram setakat ini;
- (b) berapakah jumlah pendapatan yang diperolehi oleh Koperasi Temalak dari saham 5% yang dimilikinya dalam Syarikat Sen Sen Sawmill Sdn. Bhd. hingga hari ini. Adakah benar Koperasi Apoh yang memiliki 5% saham dalam Syarikat Sen Sen Sawmill tidak menerima apa-apa hasil dari saham mereka; Mengapa? dan
- (c) adakah Kementerian Tanah dan Koperasi serta Jabatan Koperasi bercadang membuat siasatan terhadap perkara ini memandangkan Sen Sen Sawmill mendapat keuntungan berjuta-juta ringgit hasil kegiatan pembalakkannya di kawasan Baram.

**Tuan Mohd. Yasin bin Kamari:**  
Untuk makluman Yang Berhormat:

- (a) Koperasi Temala Berhad di Baram tidak memiliki apa-apa estet;

- (b) Setakat ini Koperasi Temala ini telah menerima komisen sejumlah \$402,174.62 dari Syarikat Sen Sen Sdn. Bhd. Koperasi Apoh pula telah menerima \$94,585.00 sebagai komisen dari syarikat yang sama. Komisen ini diberi oleh Syarikat Sen Sen Sawmill Sdn. Bhd. kepada koperasi berkenaan mengikut kadar keuntungan pembalakan di kawasan masing-masing.

- (b) Dalam menjalankan tugas penyeliaannya, Jabatan Pembangunan Koperasi (Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi) sentiasa membimbing dan menasihati agar kepentingan ahli terjaga. Adalah menjadi tugas Ahli-ahli Lembaga (Jawatankuasa Koperasi) untuk menuntut hak koperasi mereka sekiranya hak ini tidak dipenuhi oleh pihak syarikat di mana mereka membuat pelaburan. Setakat ini Jabatan Pembangunan Koperasi Sarawak telahpun menasihatkan Jawatankuasa Koperasi Temala untuk mendapat apa-apa tunggakan bayaran kiranya ada kemisen yang belum diselesaikan oleh Syarikat Sen Sen Sawmill kepadanya.

#### **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

#### **RANG UNDANG-UNDANG ARKITEK (PINDAAN)**

#### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Arkitek 1967; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kerja Raya; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

## USUL

### UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG SULTAN AZLAN SHAH

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kelapan.” (*5hb Mei, 1992*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Dijemput Kementerian Dalam Negeri menjawab.

3.34 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting):** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri, sukacita saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan teguran masing-masing ke atas dasar dan masalah di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri. Saya akan cuba seberapa daya untuk menjawab segala saranan atau teguran yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kota Setar membangkitkan perkara mengenai kegiatan sebilangan rakyat Malaysia yang memburuk-burukkan negara di luar negara. Beliau menyeru Kerajaan menggubal undang-undang bagi membolehkan Kerajaan merampas pasport antarabangsa atau melucutkan hak kewarganegaraan mereka yang terlibat.

Untuk makluman Yang Berhormat, peraturan-peraturan bagi membolehkan Kerajaan menahan pasport antarabangsa mereka yang dianggap menderhaka atau tidak taat setia kepada negara telahpun dibuat. Di samping itu, tindakan melucutkan kerakyatan juga boleh diambil jika taraf kerakyatan seseorang individu itu telah diperolehi dengan cara daftaran atau masukan di bawah Perkara 25(1)(a) Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tuduhan Yang Berhormat dari Tanjong terhadap Kerajaan yang kononnya telah mengambil tindakan menggunakan perintah tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 terhadap aktivis-aktivis pencinta alam dan pihak-pihak yang memperjuangkan hak tanah pusaka mereka, sukalah saya menjelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa setakat ini tidak ada seorang pun dari golongan ini yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960. Cuma yang berlaku adalah tangkapan telah dibuat di bawah Seksyen 3(1) Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 terhadap Anderson Mutang Urut pada 5hb Februari 1992.

Tangkapan ke atas Anderson itu dibuat untuk membolehkan pihak Polis melakukan penyiasatan lanjut mengenai penglibatan beliau di dalam kes menahan pembalakan yang sah dan kegiatan-kegiatan lain yang boleh menjejaskan keselamatan dan ketenteraman awam di negara ini. Walau bagaimanapun, pada 3hb Mac 1992, Anderson Mutang Urut telah dibebaskan selepas siasatan Polis

dibuat. Oleh itu, perkara tangkapan itu tidak seharusnya dijadikan satu isu kerana Polis telah bertindak mengikut undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tanjong.

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Tanjong bangun.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tidak payah buang masa. Ahli Yang Berhormat dari Tanjong sudah banyak cakap. Tidak payah buang masa.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat . . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Menyampuk*)

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tanjong dan Yang Berhormat dari Nilam Puri mengusulkan . . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Menyampuk*)

**Tuan Ong Ka Ting:** Duduk, duduk. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Tanjong, dia tidak beri jalan.

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Menyampuk*)

**Tuan Ong Ka Ting:** Tidak payah buang masa.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Yang Berhormat, dia tidak beri jalan.

**Tuan Ong Ka Ting:** Yang Berhormat dari Tanjong sudah ambil banyak masa, membazirkan masa Dewan ini. Jadi, jangan banyak cakap lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tanjong dan Yang Berhormat dari Nilam Puri mengesyorkan supaya gaji anggota Polis DiRaja Malaysia di bawah Sistem Saraan Baru (SSB) dikaji semula. Berhubung dengan perkara ini, Kerajaan sedang mengkaji secara mendalam pandangan pihak Polis, bukan pandangan Yang Berhormat dari Tanjong.

Mengenai anggota-anggota Polis yang telah ditugaskan di Bukit Payung dan dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Marang, Yang Berhormat dari Pasir Mas, Yang Berhormat dari Kok Lanas dan Yang Berhormat dari Jerai. Perkara tersebut telahpun dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri dengan panjang lebar di dalam Dewan ini semasa menjawab pertanyaan Yang Berhormat dari Kota Bharu pada 4hb Mei 1992 yang lalu.

Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat dari Marang, bilangan anggota Polis yang terlibat di dalam tugas tersebut adalah seramai 2,503 orang iaitu terdiri daripada 115 pegawai dan 2,388 orang anggota dari. . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** On a point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, ada point of order. Sila duduk sebentar. Ya, apa yang tidak kena Tanjong?

**Tuan Lim Kit Siang:** 36(6). Bolehkah kita pakai tape recorder di dalam Dewan ini? Dia main tape recorder cukuplah tidak payah datang. Pergi pejabat main tape recorder, datang, switch-on, kalau tidak mahu layan penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Tanjong, tidak ada point of order tape recorder. Sila jawab, ya.

**Tuan Ong Ka Ting:** Yang Berhormat dari Tanjong sentiasa kata dia menjaga demokrasi. Bila dia berucap, dia bangkitkan macam-macam, dia putar-beliikan macam-macam fakta, tidak ada orang halang dia. Tetapi bila saya berhak berucap bagi pihak Kementerian, dia cuba hendak ganggu. Jadi, tidak payah buang masalah. Jangan ingat Ahli Yang Berhormat . . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu sangkaan jahat, improper motives.

**Tuan Ong Ka Ting:** Yang mempunyai sangkaan jahat ialah Ahli Yang Berhormat dari Tanjong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Tanjong, sila duduk.

**Beberapa Ahli: (Menyampuk)**

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, teruskan.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan beberapa kejadian jenayah dan keganasan yang telah dilakukan semasa pilihanraya yang lalu, seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Nilam Puri, perkara ini akan disiasat dengan teliti dan pihak berkuasa tidak akan melindungi mana-mana pihak yang bertanggungjawab itu melanggar peraturan dan undang-undang.

**Tuan Hj. Abdul Hadi bin Hj. Awang: (Bangun)**

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sebentar ya! Marang bangun.

**Tuan Hj. Abdul Hadi bin Hj. Awang:** Yang Berhormat, saya ingin minta penjelasan . . . . .

**Tuan Ong Ka Ting:** Nanti, nanti, minta jalan ataupun Point of Order?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Hendak bagi jalankah atau tidak?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tidak bagi. Tidak bagi. Jangan buang masa.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Dia tidak bagi.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Jelutong berhubung dengan kes penangkapan dan penahanan Ang Chen Keng. Untuk perhatian Yang Berhormat, pihak berkuasa sentiasa memastikan semua tangkapan dan tahanan adalah dibuat mengikut proses dan peruntukan undang-undang yang telah ditetapkan.

**Tuan R. Karpal Singh: (Bangun)**

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Jelutong bangun. Ya Jelutong, ada apa point of order?

**Tuan Ong Ka Ting:** Point of order berapa?

**Tuan R. Karpal Singh:** Duduk. Point of order. Duduk, dengar.

**Beberapa Ahli: (Menyampuk)**

**Tuan Lim Kit Siang:** Duduk dulu, tak boleh dua orang berdiri.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Setiausaha Parlimen duduk sebentar.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Setiausaha Parlimen, duduk sebentar!

**Tuan Lim Kit Siang:** Mana boleh dua orang berdiri.

**Tuan R. Karpal Singh:** Duduk dan sabar. (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Jelutong, silakan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada meneliti Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat bagi Dewan Rakyat. Tidak ada kedudukan bagi satu parrot dalam dewan ini. Manusia juga boleh. (*Ketawa*) Ini parrot. Jikalau seekor burung tidak ada.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat . . . . .

**Tuan R. Karpal Singh:** Tidak ada tempat dalam Dewan ini untuk seekor parrot.

**Beberapa Ahli (Menyampuk):** Ya.

**Tuan R. Karpal Singh:** No place for a parrot, ini bukan manusia. (*Tepuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tidak ada. Tidak ada peruntukan dalam ini untuk parrot ada dalam Dewan ini. Tidak ada. Saya ada baca ini tadi. (*Tepuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Jelutong, saya juga ada baca tetapi tidak ada peruntukan untuk parrot. (*Ketawa*) Yang Berhormat sila terus. Dia dibenarkan membaca.

**Tuan R. Karpal Singh:** (*Bangun*)

**Tuan Ong Ka Ting:** Tidak payah buang masa. Tuan Yang di-Pertua . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat . . . .

**Tuan Ong Ka Ting:** Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Padang Serai yang memberi sokongan beliau terhadap tindakan Kerajaan yang telah memudahkan proses permohonan KPT. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat dari Bandau dan Yang Berhormat dari Padas berasa bimbang dengan adanya kelonggaran syarat tersebut akan memudahkan pendatang tanpa izin yang dikatakan memiliki kad pengenalan palsu mendapat kad pengenalan baru yang sah. Yang Berhormat dari Bandau mengesyorkan supaya syarat tersebut tidak dipakai di Sabah. Bagi perkara ini saya ingin menerangkan bahawa dokumen-dokumen sokongan seperti sijil kelahiran, sijil anak angkat, sijil warganegara, permit masuk adalah perlu jika ada semasa membuat permohonan kad pengenalan yang baru. Maklumat-maklumat yang disebutkan itu adalah penting untuk mengujudkan sistem pengumpulan data penduduk iaitu salah satu daripada matlamat KPT yang diperkenalkan, akan tetapi terdapat sebahagian daripada rakyat kita yang walaupun mempunyai kad pengenalan yang sah tetapi tidak mempunyai dokumen sokongan tertentu seperti sijil kelahiran dari awal lagi. Golongan ini kebanyakannya adalah dilahirkan sebelum 1958 di Semenanjung dan sebelum tahun 1970 di Sabah dan Sarawak. Untuk golongan ini sahajalah kita menerima permohonan mereka berdasarkan maklumat kad pengenalan plastik yang sedia ada. Akan tetapi Jabatan Pendaftaran Negara akan menentukan kesahihan kad pengenalan golongan-golongan ini secara berhati-hati.

**Tuan R. Karpal Singh:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, ya Jelutong nak minta jalan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Penjelasan.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tidak beri jalan. Tidak beri jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Tidak bagi jalan.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tidak payah. Jangan buang masa. Jangan buang masa.

**Tuan R. Karpal Singh:** Belum buat permohonan lagi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Dia takut.

**Tuan R. Karpal Singh:** Belum buat permohonan. Saya kena buat permohonan sekarang. Awak duduk dulu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya. Teruskan. Permohonan apa itu?

**Tuan R. Karpal Singh:** Bolehkah buat permohonan dulu?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Buat permohonan? Ya.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ha, permohonan. Dia duduk dulu.

**Beberapa Ahli:** (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, duduklah.

**Tuan R. Karpal Singh:** Duduk!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, minta duduklah.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ha, duduk sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Jelutong.

**Tuan R. Karpal Singh:** Penjelasan. Itu permohonan!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Nak beri jalan atau tidak?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tidak beri. Saya tidak beri.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tidak beri!

**Tuan Ong Ka Ting:** Semua ini adalah . . . . .

**Tuan R. Karpal Singh:** Satu, satu minit saya mahu kacu dia. Sampai dia habis.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tak apa, silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, ya.

**Tuan Ong Ka Ting:** Saya merasa bangga kerana saya sebagai seorang baru telah mendapat perhatian dari kedua-dua orang veteran (*Tepuk*) ini menunjukkan apa yang selama ini saya nyatakan fakta-fakta kebenaran telah mendedahkan taktik mereka, maka dia takut kalau saya jawab secara terus terang. (*Tepuk*)

**Beberapa Ahli:** Memang.

**Tuan Ong Ka Ting:** Saya tidak akan takut kepada semua ugutan itu. Silakan kalau hendak ganggu. Saya tidak akan beri jalan.

**Tuan Wong Wing On:** (*Menyampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Yang Berhormat Kampar.

**Tuan Ong Ka Ting:** Jangan cakap.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat . . . .

**Beberapa Ahli: Duduk. Duduk.**

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, sudahlah . . . .

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya. Ya.

**Tuan Ong Ka Ting:** Mengenai saranan Yang Berhormat dari Bandau supaya Kementerian menghantar pegawai-pegawai ke kawasan pedalaman untuk melakukan pendaftaran kelahiran dan kad pengenalan, Kerajaan memang menyedari masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di pedalaman yang berjauhan dengan pejabat-pejabat Pendaftaran Negara ini. Oleh itu pihak Jabatan Pendaftaran Negara telah . . . .

**Tuan R. Karpal Singh:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Yang Berhormat Jelutong bangun lagi.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tidak beri jalan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya mahu buat penjelasan dulu.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tidak beri.

**Tuan R. Karpal Singh:** Duduk.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tidak beri jalan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker . . . . .

**Tuan Ong Ka Ting:** Tidak beri jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sebentar ya. Kedua-dua sebentar. Jelutong hendak minta penjelasankah apa? Point of orderkah atau apa?

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya mahu buat permohonan dulu. Dia kena duduk dulu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, saya boleh agak permohonan Jelutong itu.

**Tuan R. Karpal Singh:** Dia kena duduk dulu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, sila duduk.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ha, sila duduk. Duduk!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Tidak apalah. Duduklah sebentar. Yang Berhormat sebentar ya.

**Tuan Ong Ka Ting:** Cuma Tuan Yang di-Pertua boleh panggil saya duduk. Bukan Ahli Yang Berhormat dari sana.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat tidak apa. Kita dengar apa dia hendak.

**Tuan R. Karpal Singh:** Duduk. Duduk!

**Tuan Ong Ka Ting:** Saya duduk sebab Tuan Yang di-Pertua, bukan sebab Ahli Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker mengarahkan tadi. Adakah tidak dengar?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, minta duduk sebentar. Sekali lagi.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat . . . . .

**Tuan R. Karpal Singh:** Penjelasan. Lagi satu minit saya beri lagi sekali. Tidak boleh? Satu minit saya mahu berdiri, oleh kerana bagi kepentingan orang ramai . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat. Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tidak boleh. Tidak beri.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Jelutong, sebentar.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ini menyalahguna kuasa dalam Dewan ini. Tidak boleh diberikan Tuan Speaker!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, nampaknya Jelutong pun kena timbang, pasal tiap-tiap minit bangun itu mengganggu mesyuarat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Bukan mengganggu mesyuarat, untuk hak saya sebagai Ahli Dewan Rakyat, itu hak saya. (*Tepuk*) Untuk hak saya Tuan Speaker. Jikalau dia tidak mahu beri jalan, tidak boleh.

**Beberapa Ahli:** Duduk dulu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, peraturan mesyuarat dengan jelas, kalau satu-satu ahli berucap dia tidak beralah, dia tak beri jalan—tak beri jalan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tetapi saya ada hak untuk buat permohonan. Bila-bilapun saya ingin saya boleh buat. Tuan Yang di-Pertua boleh tolak, tetapi saya ada hak.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sila duduk. Sila.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ha, saya duduk sekarang. Lagi satu minit saya berdiri lagi sekali.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya. Ya, satu lagi.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua . . . . .

**Dato' Wong See Wah:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sebentar Yang Berhormat, duduk sebentar.

**Dato' Wong See Wah:** Point of Order 37(7). Menunjukkan Ahli Yang Berhormat dari Tanjung (*Ketawa*), bukan Tanjung, Jelutong.

**Tuan Lim Kit Siang:** Takutkah?

**Dato' Wong See Wah:** Mana takut, duduklah, jangan takutlah. Dia tidak mempunyai hak. Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Tuan Yang di-Pertua merujuk kepada Perenggan 37 untuk menggunakan kuasa Tuan Yang di-Pertua. Kalau tidak saya cadang Dewan ini tidak dapat diteruskan lagi. Kalau Ahli Yang Berhormat menggunakan hak-hak yang digunakan tiap-tiap satu minit mengganggu Ahli Yang Berhormat lain bercakap, saya rasa ini akan pecah rekod dalam dewan ini. Ini saya berharap seluruh negara tahu niat . . . . .

**Tuan R. Karpal Singh:** Bukan ganggu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Jelutong, sebentar.

**Tuan Woon See Wah:** . . . niat yang buruk. Niat yang buruk ini tidak boleh kita benarkan diteruskan.

**Tuan Wong Wing On:** (*Menyampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat kita telah mengambil perhatian. Sila teruskan jawapan. Kamar, duduk!

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai saranan Yang Berhormat dari Bandau supaya Kementerian menghantar pegawai-pegawai ke kawasan-kawasan pedalaman untuk melakukan pendaftaran kelahiran dan kad pengenalan, Kerajaan memang menyedari masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di pedalaman yang berjauhan dari Jabatan Pendaftaran Negara. Oleh itu pihak Jabatan Pendaftaran Negara telah mengadakan unit khas bergerak yang membuat lawatan secara berjadual untuk memudahkan masyarakat di tempat-tempat tersebut untuk urusan yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh kehadiran pendatang-pendatang haram seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Padang Serai dan Yang Berhormat dari Tanjong Aru, Kementerian Dalam Negeri menyedari . . . . .

**Tuan R. Karpal Singh:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Jelutong, belum sampai seminit sudah bangun? Ada masalah apa ini? Point of order?

**Tuan R. Karpal Singh:** Point of order. Bolehkan seseorang Menteri atau Setiausaha Parlimen baca ucapan dalam Dewan ini. Bolehkah dia baca? Point of order itu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Di mana ada peruntukan yang tidak boleh membolehkan?

**Tuan Lim Kit Siang:** Ada, ada peruntukan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Dalam peraturan mesyuarat, ada peruntukan. Tidak boleh baca sebagai parrot, tidak boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat . . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Baca boleh, parrot tak boleh.

**Tuan R. Karpal Singh:** Baca tidak boleh, Tuan Speaker.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, kita telah banyak pengalaman dalam Parlimen ini. Kebanyakan Ahli Yang Berhormat membaca. Kalau ada specific rule Yang Berhormat tahu yang tak boleh membaca, sila sebutkan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Seterusnya sebagai parrot tidak boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, peruntukan berapa?

**Tuan R. Karpal Singh:** Boleh pandang kepada nota-nota, itu boleh. Tetapi bukan sebagai parrot. Tidak ada kedudukan parrot di dalam Dewan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Jelutong, objection overruled. Teruskan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Boleh teruskan.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, saya beritahu Dewan Yang mulia ini, apa yang saya bacakan itu semua disediakan oleh saya sendiri. (*Disampuk*) Jadi, kalau di tak suka baca, saya bila-bila boleh menjawab dia. Tetapi untuk menjimatkan masa orang

lain, untuk melicinkan jawapan saya, saya ikut teks dan tak payah ganggu. Kalau cakap "pirate", Yang Berhormat dari Tanjong sendiri sudah baca lebih dari satu jam. Kalau itu bukan "pirate", itu apa?

**Beberapa Ahli:** (*Menyampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, tenang ya. Yang Berhormat hendak beri jalan untuk penjelasan atau tidak?

**Tuan Ong Ka Ting:** Saya tidak akan beri jalan untuk kedua-dua Yang Berhormat tadi.

**Tuan R. Karpal Singh:** Dia cakap bila-bila masa pun boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Dia tidak beri.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Padas menggesa Kerajaan bertindak lebih tegas untuk mencegah penyalahgunaan dadah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sebentar, Yang Berhormat. Point of order lagi. Ya, Tanjong.

**Tuan Lim Kit Siang:** Duduk, duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Cepat sedikit Tanjong.

**Tuan Lim Kit Siang:** 35(6), tadi oleh kerana Tuan Yang di-Pertua ada bertanya di mana ada peruntukan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat 35(6) . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sila baca.

**Tuan Lim Kit Siang:** 35(6) "Seorang Ahli tidak boleh membaca ucapannya tetapi boleh dibacakan cabutan-cabutan daripada buku-buku atau surat-surat dan seterusnya. Kita tahu, konvensyen ialah kita benarkan baca tetapi bukan baca semacam parrot. Dia pun tidak tahu parrot dia kata "pirate". Sebab itu bolehkah saya minta Yang Berhormat Timbalan Speaker menyelamatkan keadaan di sini. Cukup malulah, selamatkan keadaan jawab bagi pihak Kementerian dengan bijaksana. Itu sudah cukup malu, itu tidak payahlah.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Jerai, ada apa?

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Mereka dahulu pun baca dalam Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita hendak baca mengapa tidak boleh?

**Beberapa Ahli:** Pirate, pirate.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Kalau dia pirate, you monkey. (*Ketawa*)

**Tuan Lau Dak Kee:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Ipoh, minta duduk, semua duduk. Apa dia Ipoh? Ipoh tidak ada point of order, dia sengaja bangun sahaja.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berbangkit rasa marah walaupun sindiran itu seolah-olah macam hendak memperkecilkan saya. Piratekah atau parrotkah, itu semua saya tahu tetapi kadang-kadang untuk mereka yang sengaja hendak bersikap macam pirate, saya pun sengaja macam pirate, itu tidak mengapa. Parrot atau pirate itu untuk orang yang sengaja hendak

membangkitkan sesuatu tidak mengikut kejujurannya, jadi perkataan apa yang saya tujukan itu, saya tidak kisah. Tetapi saya faham apa makna semua itu.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pertanyaan Yang Berhormat dari Batang Sadong, sukalah saya menjelaskan iaitu Bruno Manser telah memasuki negara ini dalam tahun 1984 dan tinggal bersama-sama dengan kaum Penan di kawasan Ulu Baram dan Limbang, Sarawak. Selepas tiga bulan pas lawatan sosial yang dikeluarkan kepadanya telah tamat tempoh dan tidak dilanjutkan. Beliau telah meninggalkan negara ini dalam bulan Mac, 1990 secara tidak teratur. Pihak berkuasa telah pun menjalankan siasatan bagi mengenal pasti anasir-anasir yang bertanggungjawab membantu beliau meninggalkan negara ini dan laporan lengkap perkara ini masih lagi dalam proses penyediaan. Sambil itu langkah yang lebih berkesan sedang diambil agar perkara seperti ini tidak berlaku lagi.

**Tuan R. Karpal Singh:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sebentar. Ya, Jelutong.

**Tuan R. Karpal Singh:** On a point of order, Tuan Speaker, lagi sekali 35(6) "Seseorang Ahli tidak boleh membaca ucapannya". Bolehkah saya mendapat satu ruling di atas 35(6), Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sebentar ya, sabar.

**Tuan R. Karpal Singh:** . . . tidak boleh baca. Terus terang dinyatakan di sini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang di-Pertua kena bacalah dahulu.

**Tuan R. Karpal Singh:** Boleh baca, tetapi boleh membaca cabutan-cabutan daripada buku-buku atau surat-surat kerana hendak menyokong hujahnya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Peraturan Mesyuarat 35(6) . . .

**Tuan R. Karpal Singh:** Ya, 35(6), saya mahu dapat satu ruling.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Minta duduk dahulu.

**Tuan R. Karpal Singh:** Boleh duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Peraturan Mesyuarat 35(6) ini, "seorang Ahli tidak boleh bercakap berkenaan dengan apa-apa perkara yang ada di dalamnya faedah kewangan." (*Ketawa*)

**Tuan R. Karpal Singh:** 35(6), Tuan yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** 35 Kurungan (6)?

**Tuan R. Karpal Singh:** 35(6).

**Tuan Lim Kit Siang:** 35 subseksyen (6).

**Tuan R. Karpal Singh:** 35(6).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** 35(6) di sini mengatakan berkenaan kewangan, special hold of interest. Tidak ada kena mengena. (*Disampuk*) Sila teruskan.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, . . . . (*Disampuk*)

**Tuan R. Karpal Singh:** Boleh Tuan Speaker tengok buku ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ini sama sahaja.

**Tuan R. Karpal Singh:** Inipun serupa.

**Beberapa Ahli:** (*Menyampuk*)

**Tuan R. Karpal Singh:** Bolehkah saya tengok itu?

**Tuan Lim Kit Siang:** Ada dua edisikah?

**Tuan R. Karpal Singh:** (*Memberikan buku Peraturan Mesyuarat kepada Tuan Yang di-Pertua*) Tuan Speaker tengok itu, di atas 35, muka surat yang sama, atas. Bolehkah saya tengok buku Tuan Speaker?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** (*Membaca buku Peraturan Mesyuarat Yang Berhormat Jelutong*) Sebentar ya, 35(6). Kemungkinan copy ini copy yang lama.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak tahulah, sama ada buku itu lama atau tidak.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sebentar ya.

**Tuan R. Karpal Singh:** Kena check ya!

**Tuan Lim Kit Siang:** Tetapi adalah.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Nampaknya dua buku ini bercanggah. (*Ketawa*) Buku saya mengatakan berkenaan conflict of interest, buku Yang Berhormat Jelutong bertarikh tahun 1983. Saya menjadi Yang di-Pertua baru setahun, nampaknya tidak kena mengena.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon membawa order 18(1) Dewan ini ditangguhkan 20 minit supaya Ahli-ahli baca order itu dan kemudian masuk balik. (*Ketawa*)

**Tuan Lim Kit Siang:** Kita masuk balik tetapi tidak boleh elak kalau Timbalan Menteri tidak boleh jawab. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri sudi jawab, masalah habis.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, nampaknya buku yang ada pada Jelutong ini ialah cetakan ke 8 April, 1981, buku saya sebagai Timbalan Yang di-Pertua selama setahun adalah buku baru.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Kota Setar, dia hendak bantu saya.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta Tuan Yang di-Pertua semak buku Yang Berhormat dari Jelutong itu adakah untuk Dewan ini atau Dewan di negara lain?

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, ya, itu betul.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sila teruskan dahulu, Setiausaha Parlimen.

**Tuan R. Karpal Singh:** Point of order, duduk dulu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, sila teruskan Jelutong.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah ini edisi rasmi? Minta saya tengok.

**Tuan R. Karpal Singh:** Bolehkah saya dapat tahu, manakah yang sah, tahun 1983 atau buku Tuan Speaker?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Saya ingat buku Tuan Speaker yang sah kerana dia baru.

**Tuan R. Karpal Singh:** Mana yang sah?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kemungkinan ada perubahan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah ini yang rasmi. Kita tengok bahasa Inggeris—35(6) “a member shall not speak on any matter . . .” Itulah yang ada di dalam seksyen ini. Tetapi kalau mengikut index di bawah “debate on reading of speeches.” 35(6), dia ada tetapi di dalam ini dia hilang . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kita perlu check dahulu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Sebab itu kita perlu tangguhkan supaya kita tengok sama ada edisi baru ini silap atau edisi lama itu silap. Sebelum kita teruskan, persidangan, kita mahu peraturan-peraturan kita dengan jelaslah. Sekarang edisi baru, edisi lama apa yang kita boleh ikut.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sila kembalikan buku saya. (*Ketawa*) Tajuk tidak payah naiklah. (*Disampuk*)

Yang Berhormat, oleh kerana ada percanggahan buku lama dan buku baru saya ingat tidak payah ditangguhkan, kita teruskan dan nanti kita akan check yang mana satu betul, ya.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, tidak payah kita check sama ada teks itu boleh atau tidak boleh. Mulai sekarang saya tidak payah gunakan teks.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab selama ini berdasarkan soalan-soalan ataupun apa-apa yang dibangkitkan terutamanya daripada Ahli-ahli Yang Berhormat DAP yang mereka di masa itu semua membaca teks. Bila dia baca teks, saya jawab secara baca teks juga.

Kalau sekiranya teks yang dibaca itu tidak sah, tidak laku, maka saya tidak payah jawab mengenai apa yang mereka baca itu. Tetapi saya sudah jawab berdasarkan apa yang mereka sudah baca.

**Tuan R. Karpal Singh:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sementara, Yang Berhormat.

**Tuan Ong Ka Ting:** Jadi, untuk perkara-perkara yang lain, kalau saya jawab . . . . .

**Tuan R. Karpal Singh:** Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat dari Jelutong, ada point of order lagi?

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaket tadi menyatakan boleh meneruskan sekarang tetapi hendak check selepas ini. Saya ingat itu tidak betul kerana kena check dulu sebelum boleh meneruskan. Kena cek mana teks yang sah.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kalau mengikut . . . .

**Tuan R. Karpal Singh:** Jikalau lama itu bukan bermakna tidak sah. The older the better. (*Ketawa*)

**Lt. Kol. (B) Ibrahim bin Sareh:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, tetapi itu kemungkinan ada perubahan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Oleh itu, Tuan Speaker, bolehkah mengesahkan? Tidak ada apa-apa dalam buku Tuan Speaker yang menyatakan tahun 1983 telah direpealkan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Tetapi tidak ada di sini, saya tidak boleh elakkan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tetapi di sini pun ada!

**Tuan R. Karpal Singh:** Ada!

**Tuan Lim Kit Siang:** Di sini ada!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Itulah sebabnya apabila ada percanggahan begini, kita akan check, nanti kita buat ruling.

**Tuan R. Karpal Singh:** Check dahulu, Tuan Speaker, bukan check selepas ia menyalahgunakan kuasa di sini. Dia boleh baca kalau itu sah.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, keputusan saya berdasarkan kepada perkara yang telah dibangkitkan bahawa kebanyakan 99.9% Ahli dalam Dewan ini baca teks.

**Tuan R. Karpal Singh:** Itu tidak kira. Jikalau langgar peraturan-peraturan itu . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, termasuk Yang Berhormat sendiri. Beri peluang kepada Tuan Yang di-Pertua untuk double-check. Sementara itu kita teruskan mengikut practice yang sudah ada.

**Tuan R. Karpal Singh:** Jikalau dapatkan apa yang sah.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, kita akan dapatkan.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua . . . . .

**Tuan R. Karpal Singh:** *(Menyampuk)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kita akan dapatkan. Itu akan memakan masa, kita akan dapatkan.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua . . . . .

**Tuan R. Karpal Singh:** Perkara ini belum habis. Please sit down! Sila duduk!

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** *(Bangun)*

**Tuan Ong Ka Ting:** Ahli Yang Berhormat tidak boleh suruh saya duduk kecuali Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kita akan double-check.

**Tuan R. Karpal Singh:** Kita belum habis. Ini kacau . . . . . *(Disampuk)*

**Tuan Ong Ka Ting:** Siapa kacau siapa? Duduk, Yang Berhormat dari Jelutong!

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat dari Tasek Chenderoh sudah bangun. Dia hendak bantu ini. Beri dia peluang.

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Tasek Chenderoh):** Saya hendak minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya.

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan kepada Setiausaha Parlimen yang sedang menjawab. *(Disampuk)* Tidakkah benar lebih ramai Ahli-ahli DAP yang membaca teks sewaktu perbahasan?

Kalau dia persistent, adakah Setiausaha Parlimen bersetuju bahawa kita berjanji, Barisan Nasional berjanji bahawa bagi setiap orang Ahli DAP yang bangun bercakap membaca teks, kita akan ganggu setiap minit selepas ini? (*Tepek*)

**Tuan Ong Ka Ting:** Terima kasih. Memang semangat Barisan Nasional tidak begitu, tidak macam mereka. Mereka hendak kacau. Kita hendak selesaikan tugas. Jadi, walaupun sepatutnya kita boleh buat demikian tetapi kita tidak cadang begitu. Saya rasa apa yang penting iaitu apabila mereka bangkitkan semua perkara terhadap Kerajaan melalui bacaan teks, adalah wajar sediakan teks yang cukup teliti terhadap apa yang mereka bangkitkan. Jadi untuk maklumat Tuan Yang di-Pertua, semua perkara yang mereka bangkitkan itu telahpun saya selesaikan dengan bacaan teks tadi. Apa-apa perkara yang lain yang belum dapat kita jawab ataupun tidak sempat kita jawab pada hari ini, saya bagi pihak Kementerian Dalam Negeri memberi jaminan bahawa semua perkara itu akan diambil perhatian. Sekian, terima kasih. (*Tepek*)

**Beberapa Ahli: Boo!**

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

4.04 ptg.

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mohd. Yasin bin Kamari):** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan turut membincangkan perkara-perkara di bawah bidangkuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar dalam perbahasan Titah Ucapan DiRaja. Saya

suka mengambil peluang ini untuk menjelaskan beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, khususnya mengenai program-program pembangunan luar bandar yang dirancang untuk pelaksanaan dalam tahun 1992, khasnya dan di bawah Rancangan Malaysia yang Keenam, amnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan bahawa Kementerian Pembangunan Luar Bandar memang sentiasa memberi perhatian dan pertimbangan yang wajar di dalam usaha-usaha dan kerja-kerja mengenai taraf sosio-ekonomi penduduk-penduduk di luar bandar. Penyediaan kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan elektrik luar bandar, bekalan air luar bandar dan juga jalan-jalan luar bandar seperti yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat juga adalah antara perkara-perkara yang sememangnya diberikan perhatian oleh Kementerian ini.

Bagi menjawab pandangan Yang Berhormat dari Sibul, sukacita dinyatakan bahawa seperti yang dijawab di Dewan yang mulia ini pada 4hb Mei yang lalu, pihak Kementerian tetap memberikan perhatian di dalam menyediakan kemudahan-kemudahan Bekalan Air Luar Bandar (BALB) dan Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) di Sibul, khususnya dan Sarawak, amnya. Pada sepanjang tahun 1992, Sibul telahpun diperuntukkan sebanyak \$3.2 juta ribu bagi BALB (Bekalan Air Luar Bandar) yang melibatkan projek-projek "Sibul west rural water supply system" dan Hulu Oyah New Settlement Scheme sebanyak \$1.638 juta diperuntukkan bagi BELB (Bekalan Elektrik Luar Bandar) yang melibatkan projek-projek Jalan Heng Hang, Jalan Kong Nian, Bawang Assan, Kampung Jeriah dan Sungei Terkurun.

Peruntukan-peruntukan ini adalah merupakan antara peruntukan yang terbesar disalurkan kepada negeri

Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar sedia untuk menimbang penambah peruntukan-peruntukan tersebut sekiranya agensi pelaksanaan mempunyai keupayaan dan sanggup untuk melaksanakan projek-projek yang dirancang mengikut jangka masa yang telah ditetapkan.

Menyentuh pandangan Yang Berhormat dari Bandau yang meminta supaya Kerajaan meneliti keperluan jalan luar bandar, bekalan elektrik luar bandar dan bekalan air luar bandar, inginalah dijelaskan bahawa Kementerian ini telah menyediakan peruntukan yang difikirkan wajar untuk penduduk Sabah menikmati kemudahan-kemudahan yang tersebut.

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah penjelasan ke atas beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh mengenai Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Saya ingin menjelaskan bahawa Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan terus berusaha bagi mencapai objektifnya untuk terus memperbaiki taraf dan kedudukan sosio-ekonomi penduduk luar bandar supaya kehidupan penduduk-penduduk di luar bandar akan menjadi lebih menarik dan menguntungkan.

Bagi perkara-perkara yang lain yang tidak disentuh di sini, insya Allah, Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan mengambil perhatian dan tindakan-tindakan sewajarnya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kementerian Pengangkutan.

4.08 ptg.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail):** Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya mengambil kesempatan ini untuk

mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan-pandangan, teguran-teguran dan syor-syor mereka mengenai perkara-perkara di bawah bidangkuasa Kementerian Pengangkutan sepanjang perbahasan Usul Terima kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa Pembukaan Penggal Kedua Parlimen Kelapan di Dewan yang mulia ini. Sukacita saya memberi jaminan bahawa segala pandangan, teguran dan syor-syor dari Ahli-ahli Yang Berhormat itu akan dikaji dengan teliti dan diberikan pertimbangan yang sewajarnya oleh Kementerian Pengangkutan dan izinkan saya pada ketika ini untuk memberi penjelasan kepada beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Sibu pada 30hb April telah membangkitkan mengenai pembinaan projek Lapangan Terbang Sibu yang mengalami kelewatan dari jadual yang telah ditetapkan. Tuan Yang di-Pertua, perkara yang sama juga telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sibu dalam pertanyaan lisan beliau pada 5hb Mei tetapi pertanyaan tersebut telah tidak sempat dijawab dalam Dewan yang mulia ini kerana kesuntukan masa. Oleh itu, sukacita saya memaklumkan di sini bahawa usaha-usaha sedang dijalankan bagi mempercepatkan pelaksanaan projek tersebut. Beberapa langkah tertentu telah diambil seperti mengarahkan pihak kontraktor yang terlibat untuk mengambil lebih ramai pekerja dan menambahkan lagi waktu bekerja iaitu working hours, dengan izin, dan dengan mengadakan syif-syif kerja. Mengikut jadual pencapaian projek ini sepatutnya ialah 48.7% siap pada bulan April 1992, tetapi pihak perunding telah menganggarkan pencapaian kerja sehingga akhir April 1992 hanyalah 28% siap.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru pada 5hb Mei telah mencadangkan supaya lebih banyak lagi penerbangan antarabangsa dibuat dari Lapangan Terbang Antarabangsa Johor Bahru dan mempercepatkan pembinaan pelabuhan kedua negeri Johor.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Yang Berhormat dari Johor Bahru sukacita saya menyatakan bahawa Kementerian ini sememangnya telah mengambil langkah-langkah tertentu ke arah melaksanakan cadangan tersebut. Di antaranya termasuklah menawarkan kepada syarikat-syarikat penerbangan asing bagi mereka mengadakan perkhidmatan ke Malaysia melalui pintu masuk (gateway) lapangan terbang utama negara seperti Pulau Pinang, Kuching, Kota Kinabalu dan termasuklah Johor Bahru dan Pulau Langkawi.

Di samping itu, Kementerian juga sentiasa mempelawa syarikat-syarikat asing mengadakan perkhidmatan berjadual atau chartered ke tempat-tempat yang disebutkan melalui rundingan-rundingan udara dengan negara-negara asing. Terpulanglah kepada syarikat-syarikat penerbangan berkenaan untuk mengadakan perkhidmatan mereka ke Malaysia mengikut pilihan masing-masing berasaskan di antara lain kepada faktor-faktor permintaan trafik dan sama ada perkhidmatan tersebut ekonomik atau tidak.

Selain dari itu, bagi tujuan meningkatkan penggunaan Lapangan terbang Johor Bahru, MAS telahpun memulakan penerbangan terurus satu kali seminggu di antara Johor Bahru dan Hong Kong dan balik bermula dari 4hb April, 1992. MAS juga mempunyai perancangan untuk mengadakan penerbangan terus ke destinasi-destinasi antarabangsa lain, di antaranya termasuklah ke Taipei, Jepun, Surabaya dan juga beberapa negara ASEAN melalui Lapangan Terbang Johor Bahru.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pelabuhan kedua di Johor seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru, sukacita saya memaklumkan iaitu projek pembesaran Lembaga Pelabuhan Johor di bawah rancangan fasa 3 dan 4 akan dilaksanakan dalam tahun 1995. Mengikut kajian yang telah dibuat, keperluan kargo sehingga tahun 2000 di bawah fasa 3 dan 4 Lembaga Pelabuhan Johor dapat dipenuhi. Oleh yang demikian, pelabuhan kedua di Johor hanya diperlukan mulai tahun 2000. Rancangan ke arah ini telah diambil dan ianya akan mula dilaksanakan sebaik sahaja fasa 3 dan 4 disempurnakan. Berdasarkan kepada faktor tersebut adalah tidak wujud keperluan untuk mempercepatkan pembinaan pelabuhan kedua di Johor.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka pada 5hb Mei juga telah meminta penjelasan mengenai sistem sprinkler yang didakwa tidak berfungsi semasa kebakaran di Terminal I, Lapangan-terbang Antarabangsa Subang baru-baru ini. Beliau juga telah mempertikaikan perlantikan Ketua Polis Negara sebagai ahli Lembaga Penyiasat kebakaran tersebut kerana berpendapat bahawa ianya tidak teratur dari segi protokol kekananan Ketua Polis Negara berbanding dengan Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan sebagai Pengerusi Lembaga Penyiasat tersebut. Beliau mendakwa kedudukan ini telah mengganggu keberkesanan Lembaga tersebut kerana Ketua Polis Negara telah mewakili tugasnya kepada pegawai lain. Ahli yang sama juga telah meminta Menteri Pengangkutan meletak jawatan di atas sebab kebakaran di Terminal I Lapangan-terbang Antarabangsa Subang baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kebakaran di Terminal I Lapangan-terbang Antarabangsa Subang, Kuala Lumpur seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka

ini, ingin saya memaklumkan bahawa Lembaga Penyiasat masih dalam proses menjalankan penyiasatan kebakaran berasas kepada syarat-syarat rujukan yang telah ditetapkan. Ini termasuk isu-isu pokok mengenai punca kebakaran dan keberkesanan sistem-sistem mencegah kebakaran, dengan izin, fire fighting system termasuklah sprinkler system. Oleh yang demikian, saya tidak dapat memberi jawapan di atas dakwaan bahawa sistem sprinkler itu tidak berfungsi. Soalan-soalan yang sedemikian hanya boleh dijawab setelah siap laporan dari Lembaga Penyiasat yang sedang menjalankan penyiasatan.

Mengenai perlantikan ahli-ahli Lembaga, ingin saya memaklumkan bahawa perlantikan mereka itu adalah berdasarkan kepada jabatan-jabatan, bukannya kepada nama individu atau personaliti. Contohnya, walaupun Ketua Polis Negara dilantik sebagai ahli Lembaga, beliau boleh mewakili keanggotaan Jabatan Polis dengan mana-mana pegawai yang beliau rasa sesuai. Kementerian Pengangkutan berpuas hati dengan kemahiran dan sumbangan ahli-ahli Lembaga Penyiasat yang telah dilantik itu dan soal ini tidak menjejaskan keberkesanan penyiasatan tersebut.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, Kota Melaka bangun.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa pihak Kementerian berpuas hati dengan kemampuan dan kebolehan pegawai-pegawai dan juga ahli-ahli Lembaga Penyiasat untuk menentukan sebab-sebab kebakaran di Lapanganterbang Antarabangsa Subang yang menyebabkan kematian tiga orang. Di sini saya hendak bertanya mengapakah Yang Berhormat Menteri Pengangkutan sendiri di mana kewibawaannya tercabar oleh kerana

ketidakmampuannya ke atas kebakaran ini. Pihak Barisan Nasional mengatakan bahawa mereka mengamalkan sistem collective responsibility ke atas kebakaran ini menyebabkan tiga orang mati. Beliau harus meletak jawatan dan beliau tidak datang ke Dewan yang mulia ini untuk menjawab perkara yang menyebabkan tiga orang mati. Oleh sebab itu, saya berasa lebih baik Yang Berhormat Timbalan Menteri mengambilalih jawatannya kerana dia tidak mampu menjawab. Oleh sebab itu dia harus meletak jawatan. Sekian, terima kasih.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tuduhan-tuduhan itu adalah keterlaluan. Kerajaan Barisan Nasional adalah Kerajaan yang bertanggungjawab. Takkan kerana satu peristiwa, seorang Menteri mesti meletak jawatan sebab kalau beliau meletak jawatan bererti beliau tidak bertanggungjawab. Itu pada pendapat saya. Oleh kerana beliau bertanggungjawablah maka beliau masih memegang jawatan dan apa juga keputusan dan risikonya, beliau akan tanggung dan kami semua akan menanggungnya sebagai Kerajaan Barisan Nasional. (*Tepuk*)

Satu perkara lagi, satu kebakaran seperti itu dikatakan ketidakmampuan. Saya hendak tanya, begitu banyak rusuhan di Amerika itu perlukah Presiden Bush meletak jawatan? (*Tepuk*)

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Larut bangun.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Kalau kita hendak menganalisis perkara-perkara seperti ini . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Timbalan Menteri . . . . .

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Menyampuk*)

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** . . . . dan itu Yang Berhormat kena beritahu kepada Presiden Bush lah.

Yang keduanya, kita memang sangat berdukacita terjadinya peristiwa itu dan ada nyawa-nyawa terkorban tetapi kita juga mesti sedar bahawa takdir dan kita mesti juga berserah kepada Allah s.w.t. Takdirnya cara tiga orang pekerja itu mati sedemikian. Usaha-usaha memang ada dijalankan sebab itu kita mengadakan penyiasatan.

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Menyampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Nanti dahulu, Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, nanti sekejap.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** . . . sebab itu kita mengadakan penyiasatan. Melalui penyiasatan ini kita akan dapat melihat punca-puncunya dan kelemahan-kelemahannya dan siapa yang bertanggungjawab. Selain daripada kita menyerah kepada takdir, kita tidak menyerah terus-menerus kepada takdir. Sebab itu saya kata tadi kita hendak tengok sama ada fire fighting system kita itu efisien atau tidak. Sama ada sprinkler itu benar atau tidak dia berfungsi pada masa ketika itu. Jadi, saya tahu Yang Berhormat dari DAP memang cuba mencari kesempatan dalam isu-isu seperti ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*)

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Timbalan Menteri, hendak beri jalan

kepada siapa? Ada dua orang yang bangun ini. Satu demi satu, Yang Berhormat Tanjong.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya sudah habis tadi itu. Saya tidak perlu lagi berbahas.

**Tuan Lim Kit Siang:** Oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri kata . . . . apa itu?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, dia sudah habis berucap.

**Tuan Lim Kit Siang:** Belum habis lagi, oleh kerana saya berdiri dia belum habis. Dia buat janji.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Nanti dahulu, sabar. Ketua Pembangkang mesti sabar, biar saya tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada dia sudah habis atau tidak.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Semasa Yang Berhormat Kota Melaka bangun tadi, saya memang sudah habis apa yang hendak saya bahaskan. Tetapi saya beri peluanglah.

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Menyampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Tanjong, janganlah berucap tanpa keizinan. (*Disampuk*) Itu terpulang kepada interpretasi Yang Berhormat. Kementerian Kewangan.

4.20 ptg.

**Menteri Kewangan (Dato' Seri Anwar bin Ibrahim):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyatakan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan, teguran dan kritikan dalam membahaskan Titah Ucapan Diraja.

Ada beberapa perkara yang disentuh yang saya kira perlu diberikan perhatian dengan lebih teliti. Selainnya mungkin dijelaskan pada ketika yang lain.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, Kok Lanas, Kota Bharu dan Baru Berendam membangkitkan cadangan pihak UMNO pada mulanya dan Menteri-menteri kini mengenai etika perilaku Raja yang kini dikenali dan digelar Perisytiharan Raja atas persetujuan bersama pihak wakil-wakil UMNO dan juga Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu.

**Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)**

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Kepong bangun.

**Dr Tan Seng Giaw:** Menteri Kewangan hendaklah menjawab perkara-perkara kewangan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Kepong bangun atas apa? Minta penjelasakah?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kepong dukacita, dia tidak dengar. Walaupun saya pada masa itu berada di Washington, tetapi saya baca Hansard ini. Ini dibangkitkan untuk saya jawab, saya jawablah.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Teruskan.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Saya ingin memaklumkan bahawa dalam perjumpaan yang awal, hari pertama dan hari kedua, semua Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu hadir. Ini menunjukkan bahawa ada kesediaan di kalangan Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja untuk bersama-sama memikirkan untuk menyelesaikan beberapa masalah yang berbangkit. Dan kini Perisytiharan Raja adalah di peringkat akhir

perbincangan. Kami menganggap ada perkembangan yang sangat positif kerana perbincangan diadakan dalam suasana yang cukup harmonis dan ada titik pertemuan dalam perkara-perkara pokok. Yang menjadi masalah ialah kejayaan ini telah menimbulkan rasa dukacita yang begitu parah di kalangan pihak Pembangkang yang mahu suasana hubungan Raja dengan UMNO terus terjejas. Mereka sahaja yang nampak menyeru secara terbuka supaya Raja-raja tidak tunduk atau terus mengadakan perbincangan dengan wakil-wakil UMNO dan wakil-wakil Kerajaan pada ketika ini.

Jadi, saya ingin mengingatkan kepada mereka bahawa tujuan kita ialah untuk mencari satu penyelesaian yang baik kerana sementara institusi Raja dipertahankan, dihormati, ada beberapa peraturan, kepentingan dan kedaulatan rakyat yang juga perlu dihormati. Inilah semangat yang telah terjalin selama ini dan saya yakin, insya Allah dengan semangat yang sedemikian kita dapat menyelesaikan beberapa masalah yang berbangkit.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas dan Kota Bharu dengan penuh semangat membangkitkan untuk menyelar Kementerian Kewangan dan pegawai-pegawai dalam kes kereta Lamborgini Diablo.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menjelaskan bahawa bukan hak saya atau Kementerian mempertikai hak sesiapa untuk membeli apa jenis kereta atau memakai apa jenis pakaian. Tetapi dalam kes ini, semua Raja-raja Melayu tanpa kecuali termasuk Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan telah berutus surat kepada pihak Kastam dan Bahagian Cukai meminta kelulusan supaya pengecualian cukai diberikan. Sebab itulah kes ini dipertimbangkan. Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu telah memutuskan pada tahun 1972 tentang had kereta mewah peribadi sebanyak 7 buah dan had kereta rasmi 3

buah—10 semuanya. Memang didapati perkara ini telah tidak dipatuhi sepenuhnya. Kita tidak mahu mempertikaikan keputusan sebelum ini kerana kedua-duanya—pihak Kerajaan dan Raja-raja tidak terlalu terikat dengan persetujuan dan peraturan yang ada. Tetapi Kerajaan hari ini setelah meneliti kedudukan . . . . .

**Tuan R. Karpal Singh:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, sekejap ya.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Kalau boleh saya selesaikan ayat ini.

**Tuan R. Karpal Singh:** On a point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Jelutong, point of order yang ke berapa?

**Tuan R. Karpal Singh:** 36(8).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Edisi yang ke berapa Yang Berhormat?

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya ingat ini serupa.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Sila bacakan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Peraturan 36(8) berbunyi:

“Kelakuan atau sifat Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu tidak boleh disebutkan kecuali dengan dikeluarkan usul tersendiri bagi maksud-maksud itu.”

Adakah substantive motion di hadapan Dewan ini?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, saya akan buat satu keputusan.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Sebelum keputusan, boleh saya beri penjelasan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Bukan penjelasan. Ini point of order, duduk! Kita hendak dapat satu ruling daripada Tuan Speaker.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Saya kena buat keputusan.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Perangai beri elok sedikitlah.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Sabar! Jelutong, sila duduk.

**Tuan R. Karpal Singh:** Dia kacau.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Siapa kacau, saya belum sentuh sifat apa-apapun. Kalau saya hendak sentuh sifat dia yang tidak berapa elok.

**Tuan R. Karpal Singh:** Dia kacau. Di Prai pun dahulu, mengenai siapa membunuh Indira Ghandi . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Cukuplah Yang Berhormat. Isu lain itu tidak masuk.

**Tuan R. Karpal Singh:** Jangan main-main. Saya tidak lupa itu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Jelutong cukuplah, tidak ada orang yang main di sini.

**Tuan R. Karpal Singh:** Dia main di sini. Sudah satu tahun, saya mohon dapat tahu hari ini . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Cukuplah. Bersabit dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat . . . . .

**Tuan R. Karpal Singh:** Selepas itu kami selesaikan . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Nantilah Yang Berhormat, saya kena buat keputusan dahulu.

Bersabit dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jelutong, saya rasa setakat ini Yang Berhormat Menteri belum menyentuh apa-apa yang bersabit dengan tingkahlaku ataupun seperti yang tertera dalam 36(8) itu. *(Tepuk)* Jadi, saya rasa ini tidak kena pada tempatnya Yang Berhormat.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, baru hari ini dia hendak jadi hero, hendak pertahankan Raja. Aneh sungguh, dulu yang kuat mencemar Duli Yang Maha Mulia Raja adalah Ahli Yang Berhormat dari Jelutong. Tetapi bila Kerajaan hendak bangkitkan peraturan, apa yang kita hendak buat ialah menurut peraturan semata-mata. Pertamanya Perlembagaan UMNO jelas mempertahankan institusi Raja.

**Tuan R. Karpal Singh:** Minta penjelasan, Tuan Speaker.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Saya hendak selesaikan ayat saya dahulu. Saya hendak jawab dahulu.

**Tuan R. Karpal Singh:**  
*(Menyampuk)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Jelutong, beri dia jawab dahulu.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Biar saya jawab dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Bagi dia jawab dahulu. Dia tidak beri jalan sekarang. Nantilah sabar.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Biar saya jawab dahulu. Allah!, dua kali sudah. *(Ketawa)*

Perlembagaan UMNO jelas, tidak ada di dalam Perlembagaan DAP mempertahankan institusi Raja. *(Tepuk)*

Selama ini memang kita membuat dasar dan setiap langkah yang kita ambil tidak bercanggah dengan semangat Perlembagaan. Yang berlaku dalam kes kereta itupun perkara yang dipersetujui oleh Majlis Raja-raja pada tahun 1972. Kalau DAP dan sahabat-sahabat mereka dalam PAS dan Semangat 46 sekarang ini hendak mengatakan biarlah Raja hendak import 100 atau 1,000 Rolls Royce pun, bukan business Kerajaan hendak halang, saya kata tidak ada guna kita ada Kerajaan kalau 1,000 Rolls Royce boleh diimport tanpa membayar cukai kemudian dijual dengan sedemikian rupa, dengan sesuka hati. Mana ada peraturan begini yang boleh kita biarkan? Sebab itu saya katakan di sini, bahawa apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas dan Kota Bharu itu sebenarnya mengalih daripada isu yang sebenar. Kita tidak pertikai hak sesiapa hendak import.

Sekarang, apa yang berlaku ialah sementara perundingan dijalankan, dan oleh kerana utusan Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan itu datang ke rumah, saya menemui mereka dan menjelaskan. Kalau cukai dibayar hari ini juga kita berikan kelulusan. Tetapi kalau cukai tidak dibayar, tunggulah kita runding sementara, macam mana hendak selesaikan kes ini. Sementara dirunding kereta itu dibawa keluar dari gudang tanpa izin, ini isunya. Sekarang ini, kereta dikeluarkan tanpa izin. DAP pula hendak mempertahankan. Bagi saya ini soal prinsip. Saya boleh faham orang S.46 dan PAS dalam kes ini kerana . . .

**Tuan R. Karpal Singh:** Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, point of order.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Point of order pula.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Point of order ke berapa Yang Berhormat?

**Tuan R. Karpal Singh:** 36(8), tetapi atas apa yang dikatakan tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya.

**Tuan R. Karpal Singh:** Dia kata Sultan Kelantan mengeluarkan kereta ini tanpa izin. Bukankah itu menyentuh kelakuan?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Saya akan buat keputusan . . . . .

**Tuan R. Karpal Singh:** Bolehkah saya dapat ruling, Tuan Speaker?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, saya akan buat keputusan.

**Tuan R. Karpal Singh:** 36(8).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Sila duduk, ya!

**Tuan R. Karpal Singh:** Ya, Boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Saya rasa sebab jawapan ini berpunca daripada soalan-soalan yang telah dibangkitkan awal-awal lagi oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat . . . .

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Nanti dahulu, saya belum habis ayat saya, sabar sedikit. Jadi, saya juga minta Yang Berhormat Menteri cuba jawab apa yang dibangkitkan sahaja, jangan pergi jauh sangat.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jawab apa yang dibangkitkan sahaja. Tuan Yang di-Pertua, kalau baca ucapan . . . .

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Point of order sekali lagi.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Takkan tiap-tiap minit point of order, ini temberang. (*Ketawa*) Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ruling, maknanya bolehkah setiap ayat saya baru saja, kemudian ada point of order every other sentence. Ini lawyer apa?

**Tuan R. Karpal Singh:** Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, nanti dahulu!

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya ada hak.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kalau 36(8) saya rasa apa Yang Berhormat . . . .

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, ruling yang ada dibuat oleh Tuan Speaker tadi . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya.

**Tuan R. Karpal Singh:** Oleh kerana perkara ini ada dibangkitkan oleh ahli-ahli lain dalam Dewan ini yang ada melanggar 36(8), Yang Berhormat dari sinipun boleh meneruskan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Saya belum habis ayat saya. Itu sebabnya saya nasihatkan Yang Berhormat sabar sedikit.

**Tuan R. Karpal Singh:** Bukan, tadi sudah buat ruling.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Tidak, saya nasihatkan Yang Berhormat Menteri jawab sahaja apa yang dibangkitkan dan juga berjaga-jaga kepada 36(8), sebab sifat dan kelakuan itu biasanya agak besar perangkumannya juga. Faham, Yang Berhormat?

**Tuan R. Karpal Singh:** Ikut apa yang dinasihatkan tadi. (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Baiklah, terima kasih Yang Berhormat. (*Ketawa*)

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Terima kasih. Jadi, ini isu dia, Tuan Yang di-Pertua. Ada yang membangkitkan soal Ketua Pengarah Kastam meminta ampun dan maaf. Sebenarnya . . . .

**Tuan Lim Guan Eng:** Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, ada seorang lagi minta point of order.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Saya belum pun sempat menjawab satu ayat . . . .

**Tuan Lim Guan Eng:** Point of order mesti duduk!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Point of order.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Saya ingat ini memang taktik dia, Tuan Yang di-Pertua. Bila dia kalah argument, inilah cerita dia . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Tak apalah. Point of order . . . .

**Tuan Lim Guan Eng:** Duduklah!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kota Melaka!

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, patut guna kebebasan Parlimen ini secara rasional berhujah, bukan cara macam ini, bila tak beri, jerit. Saya ingat bila kalah round ini, dia nanti jerit, memang saya tahu perangai mereka sudah lama. (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, tak apalah. Ya, Yang Berhormat Kota Melaka?

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini sangkaan jahat. Saya hanya timbulkan satu kali. Saya ingat, lebih adil sedikitlah . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Point of order yang ke berapa? Jangan berhujah!

**Tuan Lim Guan Eng:** 36(8).Tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa kereta ini dibawa tanpa izin, menyatakan kereta ini dibawa tanpa izin oleh Sultan Kelantan dan ini adalah berkaitan dengan sifat dan kelakuan Raja-raja Melayu. Saya hendak meminta bahawa kerana ia berkaitan dengan sifat dan kelakuan Sultan Kelantan, saya meminta Yang Berhormat Menteri . . . .

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** (*Menyampuk*)

**Tuan Lim Guan Eng:** Nanti, saya belum habis, sabar sedikit, duduk. Saya hendak meminta Yang Berhormat Menteri Kewangan menarik balik ayat yang disebutkan oleh beliau bahawa kereta ini dibawa tanpa izin dari gudang sebelum perkara ini dirundingkan dan diselesaikan kerana . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, nanti dahulu. Jangan ambil kesempatan untuk berucap, singkatkanlah.

**Tuan Lim Guan Eng:** Bukan, saya tak ada ambil kesempatan, kerana 36(8), Tuan Yang di-Pertua . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, memang saya faham itu dan lagipun . . . .

**Tuan Lim Guan Eng:** ia bersentuh dengan . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Nanti dahulu, Yang Berhormat, sabar. Sebenarnya apa yang saya putuskan tadi telahpun diterima oleh Yang Berhormat Jelutong. Saya rasa, saya juga beri nasihat kepada kedua-dua pihak. Jadi, saya rasa apa yang dimuktamadkan itu tak eloklah Yang Berhormat Kota Melaka hendak ungkit-ungkitkan sekali lagi, faham?

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya menghormati ruling. Saya cuma mahu Yang Berhormat Menteri menarik balik . . . .

**Beberapa Ahli:** Duduklah!

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Terima kasihlah. Kita faham . . . .

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Menyampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Cukuplah. Yang Berhormat, saya sudah buat keputusan. Yang Berhormat Menteri, teruskan.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Yang Berhormat Kota Melaka, kita faham, bukannya tak faham. Inilah pertama kali dalam sejarah DAP pertahan institusi Raja, ini bagus, faham Perlembagaan sedikit. (*Tepuk*) Sebelum ini, tidak. Cuma yang saya hendak sebut, Tuan Yang di-Pertua, dia pertahan silap isu. (*Ketawa*) Dia patut pertahan institusi dan peraturan serta etika yang berkaitan dengan institusi Raja, barulah orang akan hormati prinsip pertanggung-jawaban kita. Kalau tidak, sandiwara biasa yang sudah usang dan lapuk. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, saya telah jelaskan mengapa kita tidak ada pilihan, tetapi kita telah buat keputusan. Memang saya menghormati perutusan yang dikirim oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan, sebab itu saya telah menemui mereka, pihak pegawai-pegawai di Kementerian juga menemui mereka, pegawai-pegawai tinggi di Jabatan Kastam juga menemui mereka. Adalah juga kenyataan dari Kerajaan Kelantan, khususnya Menteri Besar yang mengatakan kita angkuh kerana tidak mahu menemui mana-mana pegawai. Saya telah buat kenyataan terbuka menyatakan kesal kerana Menteri Besar Kelantan berulang kali membuat kenyataan tanpa melihat minit dan keterangan sama sekali dan nyata beliau tidak dinasihati dan tidak mendapat maklumat yang tepat. Begitu juga bila pegawai kastam menulis kepada Setiausaha Sultan Kelantan mengatakan kekecohan ini telah menimbulkan silap faham dan beliau mohon maaf, tetapi ini hanya sebagai satu surat menjelaskan mengapa. Ketua Pengarah Kastam tidak dapat menemui pegawai-pegawai berkenaan. Tentang tugas mereka, mereka teruskan. Pada 30hb Mac surat itu dikirim, pada 1hb April surat lain dikirim pula mengingatkan bahawa mengikut undang-undang, cukai yang perlu dikutip ialah \$1.65 juta.

Saya harap perkara ini tak usahlah dipolitikkan kerana kita terikat dengan beberapa peraturan. Saya sebut soal prinsipnya sahaja. Kalau kita ambil keputusan hari ini, saya mintalah DAP membawa usul mengatakan bahawa semua Sultan boleh mengimport sebanyak mana kereta mereka hendak dan kalau perlu lulus, saya dengan sukacita akan hanya tunduk kepada perintah dan persetujuan Dewan Rakyat, tetapi saya hendak tunggulah usul dari Ketua Pembangkang, kalau tidakpun, anaknya dari Kota Melaka. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, perkara berikut yang dibangkitkan ialah mengenai saham STM. Saya ingin menjelaskan

bahawa Kerajaan telah memutuskan untuk memperuntukkan sebanyak 10 juta saham Syarikat Telekom Malaysia kepada kaum India. Pada 29hb September, surat tawaran Kementerian Kewangan kepada MAIKA mengenai tawaran 10 juta saham telah dikeluarkan. Selepas itu, pihak pengurusan MAIKA telah memaklumkan kepada Kementerian Kewangan bahawa mereka tidak bersedia untuk mendapatkan peruntukan yang cukup besar bagi membeli kesemua saham tersebut. Pada 6hb Oktober 1990, Kementerian Kewangan telah membatalkan surat tersebut dan mengeluarkan surat kepada MAIKA dan 3 syarikat kepentingan orang-orang India. MAIKA mendapat 1 juta dan 3 syarikat berkenaan mendapat 3 juta, jadi 9 juta kesemuanya, setiap satu 3 juta . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan. Nampaknya sudah habis tentang perkara ini. Adakah Yang Berhormat Menteri Kewangan sedar bahawa MAIKA sebenarnya adalah mempunyai kebolehan kewangan untuk menerima tawaran 10 juta saham Telekom, oleh kerana pada 4hb Oktober mereka memohon financing daripada Arab Malaysia Merchant Banking dan 6hb Oktober kelulusan dibuat melalui satu surat kepada MAIKA.

Kedua, bukannya ini bererti bahawa ada berlaku perkara-perkara yang tidak jujur, ikhlas atau boleh kata, penyelewengan di mana 10 juta saham yang diperuntukkan untuk MAIKA, untuk komuniti orang India sudah dihijack oleh siapa, saya tak tahu, melalui ketiga-tiga syarikat, bukan untuk kepentingan orang-orang India tetapi untuk individu-individu. Kenapa Kementerian Kewangan membenarkan perkara semacam ini berlaku, yang selalu berlaku apabila ada pengeluaran saham, semacam baru-baru ini TEN pun ada berlaku, 15 juta saham dikhaskan untuk seorang pemimpin India, kenapa?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya jawab, jangan bimbang. Dia selalunya Ketua Pembangkang ini dia semangat, dia ingat

dia betul, bila kita jawab, dia nanti duduk. Jawapannya, Kementerian Kewangan mengeluarkan surat pada 29.9.1990. Pengurusan MAIKA memaklumkan dia tidak bersedia. Kementerian Kewangan tidak boleh memberi penjelasan bagi pihak MAIKA, yang ini Ketua Pembangkang mesti tanya pihak MAIKA. Cuma setelah jawapan tidak ada kesediaan, maka diberi keputusan untuk memberikan 1 juta kepada SB Management Services Sendirian Berhad, 3 juta kepada Advanced Personal Computers Sendirian Berhad dan 3 juta kepada Clearway Sendirian Berhad bertarikh 6 Oktober 1990.

Jadi, soal peraturan, saya sendiri menyemak fail-fail yang berkenaan dari segi peraturan Kementerian Kewangan, kita mengikuti sepenuhnya peraturan-peraturan tersebut. Soal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ini menyentuh kedudukan dan keputusan Lembaga Pengarah MAIKA yang sebenarnya di luar daripada bidang tugas dan bidangkuasa Kementerian Kewangan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya minta penjelasan. Daripada nama-nama yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, 3 syarikat sangat nyata syarikat persendirian. Bagaimana Menteri Kewangan boleh membenarkan kelulusan 9 juta saham Telekom kepada 3 syarikat persendirian—mewakili siapa, atas kriteria apa, atas cara apa dan tentu mereka ketiga-tiga syarikat itu tidak boleh mewakili 1.7 juta orang India atau komuniti India, 3 syarikat persendirian! Mungkin seorang yang menguasai 3 syarikat itu. Kenapa Kementerian Kewangan tidak siasat dan merasa puas hati sebelum membenarkan memperuntukkan 9 juta saham Telekom dan sekarang bernilai, dapat untung lebih daripada \$60 juta? Bukankah ini menunjukkan bahawa dengan sengaja atau tidak sengaja Kementerian Kewangan bersubhat dengan mereka yang tertentu supaya 9 juta saham itu dihijack oleh orang individu melalui 3 syarikat persendirian?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah beri penjelasan berdasarkan fakta, iaitu saham diserahkan kepada syarikat dan koperasi yang boleh mengagihkan kepada syarikat-syarikat dan koperasi dan pertubuhan-pertubuhan termasuk Dewan-dewan Perniagaan kepentingan orang-orang India. Ini syarat dan kriteria yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan. Soal sama ada perkara ini dipatuhi sepenuhnya atau tidak, ini soal yang Yang Berhormat boleh bangkitkan dengan syarikat-syarikat atau koperasi yang berkenaan. Perkara yang berikut ialah kerana Yang Berhormat dari Ketua Pembangkang dengan style dan caranya tersendiri telah membangkitkan satu tuduhan bahawa saya mengeluarkan 15 juta saham kepada syarikat India tertentu.

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Menteri . . . . .

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Ini satu lagi pendustaan, penipuan yang telah dibuat. Saya hendak sahkan di sini dalam isu saham TNB, tidak ada kelulusan 15 juta kepada mana-mana syarikat India tertentu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Atau individu?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Atau individu. Individu atau syarikat tertentu!

**Tuan Lim Kit Siang:** Boleh saya minta penjelasan?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Sudah tahu silap, shut up! Biar saya jawab terus.

**Tuan Lim Kit Siang:** Shut up, you sit down!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Tanjong . . . . .

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Saya hendak sambung Tuan Yang di-Pertua, (*Disampuk*) saya cuma hendak . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat boleh minta penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang:** You also shut up! (*Disampuk*)

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Saya hendak . . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Tak, jangan, jangan kata tak sangkut paut, kalau kata adil, mesti betul adil. (*Disampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh minta penjelasan, tetapi tertakluk kepada Yang Berhormat Menteri hendak beri jalan atau tidak dan saya . . . . .

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Saya hendak sambung.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Nanti dahulu, Yang Berhormat Tanjong tadi tujuan perkataan "shut up" kepada Kerusi, saya rasa itu adalah satu penghinaan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kepada sesiapa yang perlu ditujukan, dia kena! (*Disampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat hendak beri jalan atau tidak?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Saya hendak sambung penjelasan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kalau macam itu, Tanjong sila duduk. Sila duduk!

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Ya, saya hendak jawablah!

**Tuan Lim Kit Siang:** Beri penjelasan!

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Ya, tanya jawablah, duduklah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tanya. Okay, saya hendak tanya!

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Ha, duduk, duduk. Saya hendak jawab dahulu. Saya hendak jawab dahulu!

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya hendak tanya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Dia kata tak beri jalan sekarang ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Sekarang saya hendak tanya.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Minta fakta, duduklah!

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya hendak tanya, okay!

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Semua serupa perangai!

**Seorang Ahli:** Serupa!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kalau tak beri jalan, Yang Berhormat Menteri teruskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya anggap jawapan Menteri pervert illogic!

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Duduklah (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Tanjong, duduk. Sila duduk. Kalau tak diberi peluang, sila duduk.

**Tuan Lim Kit Siang:** Dalam perkara saham 9 juta, sahaja Telekom!

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Ini giliran saya, giliran saya! Masa wakil-wakil Yang Berhormat dari DAP, tengok

Hansard ini begini, masa wakil-wakil DAP berucap, bila disentuh ganggu mana beri jalan pun? Saya beri peluang sudah banyak. Dengarlah dahulu, ini tidak, soalan belum sempat dijawab. Saya hendak jawab . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau minta, kita boleh beri jalan! Dia tidak beri jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat hendak beri jalankah atau tidak sekarang?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, sudah tiga kali saya jawab saya kata saya hendak beri jawapan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kalau macam itu, teruskan.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Terima kasih. Hai, tak faham! Tuan Yang di-Pertua, saya sudah beri penjelasan tentang fakta, tarikh dan nama syarikat yang berkenaan. Saya juga telah menjelaskan bahawa satu tuduhan yang melampau yang dikeluarkan kononnya dalam saham TNB 15 juta telah diberi kepada syarikat atau individu India tertentu dan ini juga palsu. Saya hendak sambung sekarang ada satu lagi isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Nilam Puri.

**Tuan Lim Kit Siang:** Mengenai tarikh yang diberikan?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tarikh, 29hb September, 6hb Oktober.

**Tuan Lim Kit Siang:** Mengenai tarikh saya mahu tanya, Yang Berhormat Menteri Kewangan kata bahawa pada tarikh 29hb September 1990, surat tawaran 10 juta saham Telekom diberi kepada MAIKA. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa rakannya, Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos dan Presiden

MIC sudah kata bahawa surat tawaran diberi pada 27hb September, bukan 29hb September. Siapa buat kesilapan, siapa buat dusta? Dan kedua, bukankah oleh kerana dalam perkara ini orang yang terlibat ialah Presiden MIC sudah pergi ke United States, tak berani datang ke Dewan ini untuk buat satu jawapan menunjukkan bahawa dalam perkara satu skandal \$60 juta saham Telekom kepada MAIKA Holdings . . . .

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, nanti dahulu.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ini belum jawab lagi nampaknya. (*Disampuk*)

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Hendak sambung sedikit sebab tadi ada menyentuh . . . . . (*Disampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Nanti dahululah, nanti dahulu, satu demi satu.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, dari rekod fail yang saya lihat, memang 29hb September, tetapi Yang Berhormat dari Tanjong kata Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos kata 27hb September.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tamil Nesan kata.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tamil Nesan Oh, sumber.

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu suratkhbar Samy Vellu punya!

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Oh, Tamil Nesan cakap 27 September.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ikut Samy Vellu!

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Saya kata 29, silap dua hari. Boleh jadi Jabatan Pos punya hal, saya tidak tahulah, (*Ketawa*) tetapi saya tengok rekod ini begini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sambung mengenai kes yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Nilam Puri.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Timbalan Menteri bangun.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan sama ada beliau sedar bahawa Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos telah diberikan cuti kerana pergi medical leave ke United States.

**Tuan Lim Kit Siang:** Selepas perkara ini dibongkar? (*Ketawa*)

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar memang ada cuti uzur dan bila orang cuti uzur, jangan kita ketawa. Kita pun lambat laun . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** \$60 juta jangan main-main!

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tidak soal juta ringgit, ini soal lain.

**Tuan Lim Kit Siang:** \$60 juta mewakili kaum India di Malaysia, jangan main-main!

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Soal orang sakit ini janganlah kita ketawa, kita pun besok sakit juga (*Ketawa*)

**Tuan Lim Guan Eng:** Menteri tak sakit, mana ada sakit?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Cukuplah.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Orang kaya mana boleh sakit?

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Menyampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Kota Melaka diingatkan jangan cakap tanpa keizinan. Teruskan Menteri. (*Disampuk*)

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Dua-dua beranak serupa! (*Disampuk*)  
Ha, tengok, amboi, berlawan pula dah (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ini bukan tingkah laku yang patut digalakkan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Penjelasan!

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Apa dia? Minta penjelasan fasal apa pula? Tadi tanya sakit, saya kata yalah sakit, tetapi daripada maklumat yang saya dapat, tetapi kalau tanya sakit apa, tanya doktorlah! (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Menteri, teruskan.

Mengenai soalan atau dakwaan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Nilam Puri, enam kali sudah saya sebut Nilam Puri ini, tetapi dia tidak ada di sini. Dia kata ini skandal politik stail dialah, dia ingat dia bersyarah politik kampung ini.

Kemudian dia sebut nama Syarikat Altshom, Altshom ini bunyi Arabkah, saya tidak tahu. Nama syarikatpun dia

sebut silap di Parlimen ini, tetapi dia tidak ada di sini. Beliau mengatakan bahawa kita tidak mengikut prosedur tender, campurtangan politik, begitu-begini.

Saya hendak memberi penjelasan di sini bahawa keputusan muktamad dibuat oleh Lembaga Pengarah STM. Lima syarikat yang telah ditawarkan tender dan butiran pemilikan mereka adalah seperti berikut:

<i>Nama Syarikat</i>	<i>Kepunyaan Ekuiti</i>
----------------------	-------------------------

**Perwira Ericsson**

Lembaga Tabung Angkatan Tentera	60%
LM Ericsson	40%

**PERNAS/NEC**

PNB.	51%
NEC.	35%
PERNAS Engineering	14%

**Alcatel**

Alcatel	51%
Tabung Haji	35%
South East dan Yayasan Bumiputra Pulau Pinang	14%

**Marubeni Fujitsu**

KUB.	60%
Fujitsu	40%

**Sapura Holdings**

Sapura	60%
Telenokia	40%

Kriteria-pertama, kita ambil perakuan Jawatankuasa Penilaian Teknikal STM.

Kedua, analisa kewangan atas tawaran harga penender.

Ketiga, pertimbangan tentang keperluan negara, pertumbuhan ekonomi negara dan keutamaan diberi kepada syarikat yang mempunyai usahasama dengan syarikat tempatan terutamanya syarikat bumiputera.

Jawatankuasa Penilaian Teknikal STM setelah membuat penilaian memberikan ranking berikut:

1. PERNAS/NEC.
2. Perwira Ericsson
3. Marubeni Corporation
4. Alcatel

Keempat yang kemudian telah diaward oleh Lembaga Tender STM.

Syarikat usahasama Nokia-Sapura telah juga dipertimbangkan untuk diberi tender ini, semata-mata atas pertimbangan bahawa Sapura Holdings adalah satu-satunya syarikat tempatan yang mempunyai kemampuan untuk menerap pemindahan teknologi secara berkesan bagi menjaga kepentingan dan aspirasi negara. Soalan lain mengenai tindakan untuk mengagihkannya kontrak ini terbahagi kepada lima syarikat.

Pertama, saya hendak jelaskan bahawa tender awal syarikat ini ialah sebanyak 750,000 talian. STM memutuskan talian itu ditambah dari 750,000 kepada 4 juta talian. Sebab itulah bila diteruskan tender bagi pembekalan ini hingga 4 juta, 3.25 juta talian ini diberikan mengikut keputusan yang telah diumumkan. Kemudian syarat yang dikenakan ialah bahawa semua syarikat menggunakan tawaran harga terendah bagi pembekalan peralatan bagi 750,000 talian dan kos compatibility atau ubahsuai itu ditanggung oleh syarikat dan STM tidak akan menanggung apa-apa kerugian.

Saya ingin jelaskan bahawa sebagai satu syarikat yang telah diswastakan, STM masih terikat dengan prinsip keuntungan dan tanggungjawab sosial, dengan izin, profitability with social responsibility. Sebab itulah sebagai pemegang saham terbesar, Menteri Kewangan diperbadankan, menetapkan beberapa kriteria yang perlu dipatuhi, tetapi dalam urusan tender secara terhad, tender secara yang dilakukan oleh STM ini, keputusan Lembaga Pengarah STM adalah muktamad.

Saya ingin menasihatkan rakan saya Yang Berhormat dari Nilam Puri jangan terperangkap dengan keinginan dan nafsu syarikat-syarikat besar multi-national yang cuba mengaut keuntungan tanpa memperdulikan sama sekali kepentingan syarikat tempatan, dan keperluan mengadakan usahasama tempatan dengan syarikat-syarikat tempatan. Kalau beliau hendak jadi hero sepertimana rakan-rakan beliau tadi, saya rasa isunya yang dipilih juga mestilah sesuai.

Saya terkejut bila wakil PAS memilih untuk menjadi champion kepada syarikat multi-national yang tidak memperdulikan sama sekali kepentingan dasar nasional dan kepentingan bumiputera di negara ini (*Tepuk*)-tidak ada pula yang bangun hendak bertanya. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian rakan-rakan saya di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat mengemukakan pandangan dan memberikan teguran kepada Kementerian saya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kementerian Perusahaan Utama.

4.55 ptg.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas pandangan, teguran dan ulasan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terutama Yang Berhormat dari Kota Setar, Yang Berhormat dari Tanjong, Yang Berhormat dari Pasir Mas dan Yang Berhormat dari Sibu serta lain-lain Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai dengan isu yang berkaitan dengan Kementerian saya.

Kementerian Perusahaan Utama memang sedar akan tohmahan yang

dilemparkan oleh pertumbuhan-pertumbuhan asing dan isu pembalakan. Menyedari kesan negatif yang akan dihadapi dari tindakan pihak-pihak berkenaan, beberapa langkah telah diambil oleh Kementerian bagi membendung kegiatan ini, iaitu:

- (a) Membetulkan tanggapan dan meyakinkan dunia mengenai amalan pengurusan hutan di negara ini dan juga komitmen negara terhadap pemeliharaan alam sekitar dan pengurusan hutan yang berkekalan.
- (b) Menghasilkan beberapa penerbitan dan video bagi menerangkan secara tepat mengenai amalan pengurusan hutan yang berkekalan bagi diedarkan pada masyarakat umum di dalam dan di luar negeri.
- (c) Memperbaiki kelemahan di dalam amalan pengurusan hutan di negara ini bagi memastikan pengurusan hutan secara berkekalan dapat dicapai menerusi penentuan kadar catuan tebingan tahunan, tambahan kakitangan dan kewangan dalam meningkatkan sistem pengurusan hutan.
- (d) Penggubalan dasar ke arah pemeliharaan sumber hutan negara dan pembangunan industri pemerosesan hiliran kayu-kayan tempatan seperti Akta Perhutanan Negara, Akta Perlindungan Hidupan Liar dan Akta Kualiti Alam Sekitar.
- (e) Memainkan peranan aktif dalam perundingan dan forum-forum antarabangsa di peringkat pelbagai hala, serantau, dua-hala dan nasional seperti Pengisytiharan Langkawi, Persidangan Peringkat Menteri Negara-negara Membangun Mengenai Alam Sekitar, pembangunan dan sebagainya.

(f) Menjemput misi pakar Pertubuhan Kayu Tropika Antarabangsa (ITTO) membuat penilaian terhadap pengurusan hutan di Sarawak.

- (g) Penghantaran misi ke beberapa buah negara di mana kempen-kempen anti kayu tropika aktif dijalankan secara sendiri atau bersama dengan negara-negara anggota ASEAN.
- (h) menerokai pasaran-pasaran baru bagi memperbagaikan pasaran kayu negara dan memberi tumpuan kepada pengeksporan pengeluaran kayu bernilai tokok yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama masakini berada di Eropah untuk menjelaskan dasar pengurusan hutan negara memandangkan kepada peningkatannya kempen untuk menentang penggunaan kayu tropika. Kepada kumpulan-kumpulan ini perlu diperjelaskan akan kepentingan mengimbangkan pengawalan dan pembangunan perhutanan.

Kayu tropika tidak seharusnya dipulau ataupun dihapuskan nilai kewangan daripadanya kerana dengan ketiadaan nilai kewangan boleh menjejaskan sistem pengurusan hutan negara. Oleh itu pencinta alam tidak seharusnya membuat sekatan kepada perdagangan kayu tropika, sebaliknya mereka hendaklah menyokong dan bekerjasama bagi memberikan nilai yang lebih tinggi kepada kayu tropika supaya tekanan kepada pembalakan dapat dikurangkan. Untuk tujuan ini, Malaysia melalui Dasar Perhutanan Negara telah membahagikan hutan kepada tiga kategori, iaitu:

- (1) Hutan simpanan kekal.
- (2) Hutan perlindungan.
- (3) Hutan tanah Kerajaan atau kawasan hutan yang dikhaskan untuk pembangunan.

Pembahagian ini mengimbangkan keperluan pengawalan hutan untuk kesejahteraan dan perlindungan alam sekitar dengan pembangunan negara untuk kesejahteraan hidup rakyat. Menyentuh soal Sarawak mencapai tahap pengurusan berkekalan yang lebih awal, suka saya menjelaskan di sini bahawa ITTO telah memperakukan supaya Sarawak mengurangkan kadar tebanan kepada paras 9.2 juta meter padu setahun.

Dalam hubungan ini, Kerajaan Sarawak telahpun membuat komitmen untuk mengurangkan kadar tebanan dari hutan simpanan kekal sebanyak 1.5 juta meter padu dalam tahun 1992 dan diikuti dengan 1.5 juta meter padu lagi di dalam tahun 1993 di mana Sarawak akan dapat mencapai kadar tebanan 9.2 juta meter padu seperti yang diperakukan oleh ITTO bagi pengurusan hutan yang berkekalan dalam tahun 1994. Soalnya di sini ialah . . . .

**Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)**

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Kepong bangun.

**Dr Tan Seng Giaw:** Walaupun kenyataan itu manis belaka, saya pun setuju kalau boleh dilaksanakan. Apakah terjadi dengan kegiatan-kegiatan pembalakan haram yang seringkali berlaku? Yang akhirnya berlaku di Hulu Gombak juga. Apa telah terjadi dengan aktiviti-aktiviti seperti ini terutamanya di Sarawak dan Sabah. Dan yang kedua, daripada hutan-hutan simpanan yang disebutkan tadi, bolehkah Yang Berhormat menjelaskan bagaimana perakuan ITTO sejajar dengan apa yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa 50% bumi Malaysia akan dikekalkan sebagai hutan? Adakah ini termasuk di dalam lingkungan ini atau 50% hutan simpanan kekal?

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya jelaskan,

ini telah diperakukan mulai tahun 1992. Kita sama-sama menunggu sehingga 1994. Soalnya di sini ialah apabila dikaitkan isu pengurusan berkekalan kawasan hutan simpanan kekal sahaja yang tertakluk kepada pengurusan yang berkekalan. Pengeluaran balak dari kawasan pembangunan adalah tidak tertakluk kepada pengurusan berkekalan. Selepas tahun 1993 pengeluaran Sarawak mungkin akan melebihi 9.2 juta meter padu jika ini berlaku. Ianya datang dari kawasan hutan yang disediakan untuk pembangunan. Maksud saya 9.2 juta adalah dari hutan simpanan kekal.

Suka saya maklumkan bahawa ITTO juga telah mengeluarkan satu garis panduan bagi pengurusan hutan tropika secara berkekalan mulai tahun 2000. Perdagangan kayu tropika hendaklah datangnya dari kawasan hutan yang ditadbir secara berkekalan. Jadi, saya jelaskan di sini bahawa 9.2 juta dari hutan simpanan kekal.

Mengenai dengan kejadian pembalakan haram sebagaimana Yang Berhormat sebutkan sebentar tadi juga, pengeluaran yang melebihi kuota dan kerjasama Kerajaan Negeri telah diminta untuk memperkemas sistem pengurusan dan penguatkuasa pengurusan, penambahan kakitangan, penggunaan alat-alat moden seperti remote sensing.

Mengenai cadangan supaya satu Suruhanjaya Di-rajanya dibentuk sebagaimana yang dicadangkan oleh DAP, Wakil Tanjong, saya rasa tidak perlu kerana penyiasatan dan pengurusan hutan adalah didapati begitu terkawal walaupun berlaku sedikit-sebanyak pencerobohan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan kepada usaha Kerajaan bagi melaksanakan Dasar

Perhutanan Negara. Kita sebenarnya berbangga dengan keupayaan negara menjaga dan mengurus hutan negara kita melebihi paras purata keluasan hutan dunia di mana keluasan purata hutan dunia cuma 27.6% sahaja. Tetapi Malaysia akan mengekalkan hutan dan kawasan tanah yang diliputi oleh pokok-pokok ialah berjumlah 72%, iaitu sebagaimana yang diberi jaminan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri 50%, insya Allah akan dapat dikekalkan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kementerian Kerja Raya.

*5.05 ptg.*

**Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan Kerk Choo Ting):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini di Dewan yang mulia ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian di dalam perbahasan mengenai Titah Ucapan Diraja yang menyentuh tentang tugas Kementerian Kerja Raya ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli dari Bandau telah minta supaya Kerajaan menyediakan peruntukan yang secukupnya untuk mengasfaltkan jalan raya utama khususnya jalan raya dari Kota Marudu ke daerah Pitas dan membaikpulih jalan raya Sling, dari Langkung ke Kudat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun Belanjawan 1992, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$121 juta bagi melaksanakan program membina dan menaikkan taraf sebahagian jalan-jalan raya di negeri Sabah. Sebenarnya peruntukan yang diberikan jika dibuat perbandingan adalah lebih tinggi daripada negeri-negeri lain di Semenanjung. Khususnya bagi kawasan Marudu, Kerajaan telah meluluskan \$22.53 juta dalam Rancangan Malaysia

Keenam untuk kerja membaikpulih sebahagian Jalan Kota Marudu ke Pitas, iaitu Jalan Langkung-Kudat dari kilometer 120.6 hingga 192.99. Anggaran kos untuk projek ini ialah \$43.12 juta.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Jerai telah meminta supaya Kerajaan memberi perhatian yang lebih mengenai pembekalan air bersih di kawasan luar bandar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang sentiasa memberi perhatian utama untuk membekalkan air bersih kepada rakyat di seluruh negara terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, rancangan khas bekalan air luar bandar dijangka siap pada hujung tahun ini. Dengan siapnya rancangan tersebut adalah dijangka seramai 2 juta rakyat luar bandar akan mendapat kemudahan bekalan air bersih. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kementerian Pendidikan.

*5.07 ptg.*

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr. Fong Chan Onn):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Ucapan Diraja dan mengemukakan isu dan cadangan yang menyentuh Kementerian Pendidikan.

Seterusnya saya ingin memberi sedikit penjelasan dan ulasan kepada pandangan, teguran dan kritikan yang telah ditimbulkan. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Pasir Mas yang turut menyokong Dasar Pelajaran Kebangsaan serta mengesyorkan supaya Skim Bantuan Buku Teks yang sedia ada

diteruskan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mulai tahun 1991 menerusi Skim Pinjaman Buku Teks, Kementerian Pendidikan telah menggantikan buku-buku teks lama dengan buku-buku teks baru yang diterbitkan berdasarkan kepada sukatan pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah. Kandungannya merangkumi segala keperluan pendidikan semasa.

Menyentuh tentang Dasar Pelajaran Kebangsaan, Rang Undang-undang Pendidikan yang baru akan dibentangkan di Dewan yang mulia ini setelah dilihat dengan teliti oleh semua pihak yang terlibat dalam proses pengubalan sesuatu rang undang-undang. Falsafah dan hasrat yang terkandung dalam draf Rang Undang-undang Pendidikan ini adalah selaras dengan Dasar Pembangunan Nasional dan Wawasan 2020. Rang Undang-undang ini sebenarnya berpandukan kepada keperluan pendidikan masa kini dan masa depan negara ini.

Mengenai isu pembinaan sekolah di kawasan baru oleh Yang Berhormat dari Sib, sebenarnya pembinaan sesebuah sekolah sama ada Sekolah Kebangsaan SRJK(C) atau Sekolah SRJK(T) adalah berdasarkan kepada keperluan menyeluruh yang wujud di satu-satu kawasan itu setelah mengambil kira beberapa perkara.

Antaranya seperti tidak terdapat sekolah di kawasan berkenaan dan kawasan-kawasan yang berhampiran, sekolah-sekolah yang sedia ada tidak dapat menampung pertambahan murid di kawasan berkenaan, tidak ada rancangan untuk menambah bangunan atau bilik darjah di sekolah-sekolah yang sedia ada dan sebagainya.

Berhubung dengan nazir-nazir sekolah pula, Kementerian Pendidikan melantik seorang nazir untuk mengawasi tahap pembelajaran dan pengajaran di semua jenis sekolah. Dengan demikian, tidak ada nazir khusus yang dilantik bagi

nazir sekolah SRJK(C). Untuk mengawasi pengajaran dan pembelajaran bahasa Cina di SRJK(C), nazir bagi matapelajaran bahasa Cina telah disediakan. Di Semenanjung Malaysia, seseorang nazir bahasa Cina mestilah berkelulusan sekurang-kurangnya Sarjana Muda dengan pengkhususan dalam pengajian Cina. Di Sabah dan Sarawak, pemilihan sebagai nazir sekolah adalah dibuat oleh Pengarah Jabatan Pendidikan masing-masing. Walau bagaimanapun, nazir yang memeriksa pengajaran dan pembelajaran bahasa Cina di SRJK(C) di kedua-dua buah negeri itu mempunyai kelayakan kepujian bahasa Cina sekurang-kurangnya di peringkat SPM.

Mengenai kedudukan Guru besar SRJK(C), Kementerian Pendidikan telah mendedahkan iaitu salah satu syarat untuk lantikan ke jawatan Guru Besar di SRJK(C) ialah seseorang pegawai Perkhidmatan Pendidikan bukan siswazah dikehendaki memiliki kelulusan bahasa Cina di peringkat SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya mengikut syarat yang sedia ada.

Berhubung dengan Guru Besar yang diluluskan memangku oleh Lembaga Naik Pangkat, pegawai berkenaan dibayar elaun memangku mengikut kadar yang telah ditetapkan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1977.

Menyentuh tentang isu kemasukan ke maktab perguruan dari Yang Berhormat yang sama, pada masa ini Kementerian Pendidikan telahpun mengambil lulusan dari Sekolah Menengah Cina sebagai calon guru pelatih asalkan mereka dapat memenuhi syarat-syarat kemasukan ke maktab-maktab perguruan. Oleh itu, Kementerian Pendidikan berpendapat syarat-syarat tersebut adalah sudah cukup memuaskan.

Berhubung dengan penubuhan universiti kelapan di Sarawak, sebagai permulaan beberapa buah fakulti akan diwujudkan antaranya ialah Sains

Gunaan, Sains Sosial, Kejuruteraan, Pengajian Gas Asli, Maritim, Teknologi Maklumat Pendidikan dan Perubatan. Kementerian Pendidikan sememangnya menggalakkan pelajar-pelajar mempelajari beberapa bahasa selain dari Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Matapelajaran bahasa Cina telahpun dimasukkan dalam jadual waktu persekolahan. Dengan pelaksanaan program KBSM, Kementerian Pendidikan telahpun memperuntukkan 3 waktu seminggu untuk mata-pelajaran tersebut.

Pada masa ini, daerah Bintulu mempunyai 5 buah SRJK(C). Sekolah-sekolah ini adalah cukup untuk menampung keperluan murid-murid Cina yang terdapat di daerah tersebut. Di samping itu, murid-murid Cina juga boleh memasuki mana-mana SRK yang terdapat di daerah tersebut.

Mengenai konsep universiti terbuka yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Padang Serai dan Sungai Petani, sebenarnya rancangan tersebut memerlukan kajian yang terperinci sebelum ianya dapat dilaksanakan. Walau bagaimanapun, beberapa elemen universiti terbuka sedang diamalkan di beberapa institusi pengajian tinggi tempatan seperti di Universiti Sains Malaysia.

Menyentuh tentang pandangan Yang Berhormat dari Bandau dan Sungai Petani, Kementerian Pendidikan menyedari tentang kekurangan kemudahan asas dalam meningkatkan taraf pendidikan di sekolah-sekolah rendah bukan sahaja di Sabah tetapi juga di seluruh negara. Rancangan untuk memperbaiki serta mengadakan kemudahan-kemudahan tersebut di sekolah terutamanya di luar bandar adalah bergantung kepada peruntukan kewangan. Pada masa ini, banyak program dan projek baru yang diberi keutamaan dan memakan belanja yang besar. Peruntukan kewangan pula masih belum mencukupi.

Berhubung dengan isu sekolah-sekolah luar bandar tidak mempunyai kemudahan yang mencukupi yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Bandau, Kementerian Pendidikan telah menyediakan kemudahan asas kepada sekolah-sekolah rendah tanpa mengira kawasan sama ada di bandar atau di luar bandar. Bantuan diberikan kepada sekolah-sekolah yang memerlukan berdasarkan kepada kemampuan kewangan Kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani, Kementerian Pendidikan belum bercadang untuk mewajibkan kelulusan bahasa Inggeris dalam peperiksaan SPM memandangkan bahawa pada masa ini sebilangan besar pelajar dari luar bandar masih belum dapat menguasai penggunaan bahasa Inggeris dengan memuaskan. Kebanyakan pelajar di luar bandar masih belum mendapat kemudahan-kemudahan pembelajaran yang mencukupi. Pendirian ini bersesuaian dengan pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia serta penjelasan yang telah diberikan sebelum ini.

Wawasan 2020 berhasrat menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara perindustrian yang maju dalam semua aspek. Selaras dengan hasrat ini, langkah-langkah yang sewajarnya telah dibuat untuk mengubahsuaikan kurikulum dan program persekolahan. Di antaranya ialah memberi penekanan kepada aspek-aspek vokasional dan teknologi seperti mengadakan matapelajaran Kemahiran Manipulatif di sekolah rendah dan Kemahiran Hidup di sekolah menengah. Di samping itu, persediaan telah dibuat untuk mewujudkan aliran vokasional di sekolah akademik biasa.

Menyentuh tentang cadangan mengadakan sistem kawalan bagi kewujudan institusi swasta yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Sungai Petani, antara tindakan yang diambil oleh Kementerian Pendidikan adalah mengenakan syarat-syarat tertentu semasa memberi kelulusan

penubuhan dan pendaftaran sesebuah sekolah swasta dan mengadakan lawatan pemeriksaan dari masa ke semasa untuk sekolah tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Sungai Petani yang juga menimbulkan isu asrama desa, sebenarnya Kementerian Pendidikan sentiasa berusaha untuk memberi pendidikan berkualiti kepada murid-murid terutamanya mereka yang berada di luar bandar. Di atas kesediaan tentang masalah pengangkutan dan masalah sosial lain yang dihadapi oleh murid-murid di luar bandar, maka sehingga kini Kementerian Pendidikan telah mengadakan sebanyak 172 buah asrama desa dan meneruskan program ini jika perlu.

Berkenaan dengan isu pemakaian purdah dan pakaian seragam pelajar di institusi-institusi pendidikan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat, sebenarnya peraturan pakaian seragam murid-murid sekolah dengan jelas membenarkan dan menggalakkan pelajar-pelajar perempuan Islam memakai baju kurung, berkain sarung dan memakai tudung atau mini telekung mengikut bentuk, warna dan ukuran yang ditetapkan.

Namun demikian, pakaian tudung atau telekung itu hendaklah dilakukan dengan rela hati mengikut pilihan para pelajar dan ibu bapa sendiri tanpa sebarang paksaan atau tekanan daripada mana-mana pihak lain. Di kalangan pelajar-pelajar universiti pula, peraturan berpakaian adalah ditentukan oleh pihak pengurusan universiti masing-masing. Peraturan itu perlu diwujudkan . . . . .

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat dari Tumpat bangun.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta penjelasan sedikit. Yang dimaksudkan

oleh saya purdah ini iaitu satu pakaian yang tutup sampai ke atas hidung nampak mata. Itu yang saya maksudkan dengan purdah, bukan mini telekung. Mini telekung ini yang nampak muka.

**Dr Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah jelaskan bahawa peraturan kita adalah jelas. Kita mengikut pilihan pelajar atau ibu bapa mereka sendiri. Mengenai . . . .

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, dia bangun pula Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, hendak minta penjelasan.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Kenapa beberapa orang pelajar-pelajar kita di Universiti Islam Antarabangsa dan di kelas Tahfiz Al-Quran Masjid Negara telah dibuang dengan hormatnya oleh pihak Kerajaan kerana mereka memakai purdah?

**Dr Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya terangkan tadi, universiti masing-masing ada peraturan tertentu dan kita menghormati universiti-universiti tersebut yang boleh melaksanakan peraturan yang mereka anggap adalah sesuai. Peraturan perlu diwujudkan atas . . . . .

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia bangun pula. Yang Berhormat hendak beri jalan atau tidak?

**Dr Fong Chan Onn:** Tidak payahlah. Sudah dua kali.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak beri jalan. Sila teruskan.

**Tuan Fong Chan Onn:** Peraturan itu perlu diwujudkan atas alasan keselamatan pelajar-pelajar semasa di makmal dan mengelakkan kekeliruan pengenalan identiti pelajar terutamanya semasa menghadiri kuliah, tutorial dan peperiksaan. Mengenai syor Yang Berhormat dari Padas, Kementerian Pendidikan sedia menerima cadangan untuk membina sekolah di kawasan-kawasan yang memerlukannya. Walau bagaimanapun, pembinaannya bergantung kepada peruntukan kewangan yang diberikan.

Mengenai cadangan supaya dibina lebih banyak sekolah menengah vokasional oleh Ahli Yang Berhormat dari Pagoh, Kementerian Pendidikan akan membina beberapa buah lagi sekolah menengah vokasional dalam Rancangan Malaysia Keenam. Sekolah menengah vokasional yang akan dibina termasuk dua buah di Selangor serta sebuah bagi negeri Johor dan sebuah lagi di Pulau Pinang. Di samping itu, bangunan tambahan akan dibina di 28 buah sekolah menengah biasa bagi maksud pengajaran matapelajaran vokasional dan teknik di sekolah tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Jerai telah menimbulkan isu pengajaran dan pembelajaran komputer di sekolah-sekolah luar bandar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mulai sesi persekolahan 1991 dan 1992 ini, Kementerian Pendidikan telah melaksanakan Program Literasi Komputer kepada 60 buah sekolah percubaan. Program dua tahun ini ditawarkan kepada pelajar-pelajar Tingkatan Satu di sekolah-sekolah percubaan di kawasan luar bandar.

Kementerian Pendidikan menyokong saranan pengharaman merokok ke atas anak-anak di bawah 18 tahun termasuk murid-murid sekolah seperti yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tawau.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan sedikit mengenai Program Literasi Komputer. Dari segi kurikulum yang diamalkan di 60 buah sekolah sekarang ini, adakah sekolah-sekolah ini dibekalkan sendiri oleh Jabatan Pendidikan Negeri ataupun Kementerian komputer-komputer yang digunakan, kerana banyak sekolah ini memohon peruntukan Wakil Rakyat untuk membekalkan komputer-komputer. Kalau Kementerian ataupun Jabatan membekalkan, tak perlulah lagi bagi Wakil Rakyat memohon komputer melalui peruntukan daripada Pejabat Kemajuan Negeri. Terima kasih.

**Dr Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Literasi Komputer ini, Kementerian Pendidikan memang memperuntukkan komputer yang cukup kepada 60 buah sekolah ini. Ini termasuk, dengan izin, hardware dan software serta juga peralatan untuk networking. Berkaitan dengan isu sama ada Wakil Rakyat juga harus memberi peruntukan, itu terpulang kepada jasa baik Ahli-ahli Yang Berhormat tersebutlah.

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sentiasa berusaha menggalakkan murid-murid mempraktikkan amalan-amalan yang positif dan menghindarkan diri dari amalan-amalan yang negatif. Larangan terhadap amalan yang negatif termasuk tabiat merokok oleh murid atau guru telahpun dilaksanakan di sekolah, dan Kementerian Pendidikan berharap bahawa murid-murid tidak sahaja menghindar diri dari merokok dalam kawasan sekolah malah juga apabila berada di luar kawasan sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, setakat inilah yang dapat saya jelaskan dan huraikan mengenai perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan program

dan aktiviti Kementerian Pendidikan. Saya sedari ada beberapa isu lagi yang tidak dapat saya jawab. Perkara-perkara itu akan diberi perhatian yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kementerian Pertahanan.

5.24 ptg.

**Menteri Pertahanan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak):** Tuan Yang di-Pertua, sepanjang tempoh perbahasan Titah Diraja di Dewan yang mulia ini, lima orang Ahli Yang Berhormat telah menyentuh hal ehwal Kementerian Pertahanan iaitu Yang Berhormat dari Nilam Puri, Marang, Kota Setar, Johor Bharu dan Jerai. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat di atas pandangan, perhatian dan cadangan yang telah dikemukakan dalam usaha untuk meningkatkan lagi peranan Angkatan Tentera Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri dan Marang merasa bimbang di atas kebenaran kepada kapal perang Amerika Syarikat menggunakan kemudahan baik pulih di pengkalan TLDM di Lumut akan menjadi asas penempatan tentera asing di Malaysia dan juga akan menyebabkan merbaknya perkara-perkara yang tidak baik. Berhubung dengan perkara tersebut, sukacita saya maklumkan bahawa kebenaran menggunakan kemudahan pengkalan TLDM di Lumut kepada kapal tentera laut Amerika Syarikat hanyalah untuk membaiki kapal perang yang rosak sahaja. Kemudahan ini tidak bermaksud Malaysia membenarkan Amerika Syarikat menggunakan pengkalan tersebut sebagai pengkalan tetap tenteranya di Malaysia. Perlu saya tegaskan di sini bahawa Malaysia tidak akan membenarkan mana-mana negara menggunakan pengkalan tentera kita sebagai pengkalan tetap tenteranya. Bagaimanapun, kebenaran kepada kapal

tentera laut Amerika Syarikat membaiki kerosakannya adalah berasaskan kepada nilai komersil sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu pencerobohan oleh negara jiran ke atas wilayah Malaysia yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru dan Kota Setar, sukalah saya jelaskan bahawa tiada terdapatnya sebarang pencerobohan ruang udara, darat dan laut Malaysia udara oleh negara jiran, lebih-lebih lagi Angkatan Tentera Malaysia mempunyai keupayaan untuk mempertahankan negara Malaysia daripada dicerobohi. Tuan Yang di-Pertua . . . . .

**Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Kepong bangun.

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya dengar penjelasan mengenai penggunaan kemudahan di Lumut oleh kapal perang Amerika Syarikat. Bolehkah Yang Berhormat menjelaskan sama ada negara kita ada pakatan sulit dengan Amerika Syarikat untuk membolehkan senjata api ataupun kapal-kapal perang ditempatkan di Malaysia secara senyap-senyap kerana ada perjanjian sulit dengan Amerika Syarikat? Adakah ini benar? Yang keduanya, pada tempoh hari saya pun dengar pengumuman Yang Berhormat bahawa American presence masih diperlukan di rantau ini untuk mempertahankan konsep ZOPFAN di negara ini.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, saya menafikan adanya sebarang bentuk perjanjian sulit dengan Amerika Syarikat. Malah Malaysia tidak ada defonce pact, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dengan mana-mana negara. Mengenai dengan kenyataan yang saya buat, saya tidak bermaksud bahawa kita ada pakatan dengan Amerika Syarikat

mahupun saya membayangkan kita mengizinkan pengkalan kita digunakan sebagai pengkalan tentera Amerika Syarikat. Tetapi apa yang saya maksudkan ialah dari segi peranan yang boleh dimainkan oleh Amerika Syarikat untuk menentukan keamanan di kawasan ini. Itu sahaja. Tuan Yang di-Pertua . . .

**Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat.

**Dr Tan Seng Giaw:** Minta penjelasan lagi. Mengapa kita masih memerlukan Amerika Syarikat? Saya hendak tahu sahaja, sebab-sebab yang difahami oleh pihak Kerajaan, mengapa kita masih perlukan kekuatan Amerika Syarikat, untuk menentang siapa dan kuasa-kuasa mana yang akan menjadi begitu besar sehingga mencero bohi kawasan ini?

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana kita lihat negara Singapura pun ada persefahaman dengan Amerika Syarikat dan kita tidak membantah di atas arrangement, dengan izin, yang dibuat oleh negara Singapura. Kita tidak ada apa-apa pact tetapi kita merasakan ada positif influence yang boleh dimainkan oleh Amerika Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua . . . . .

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: (Bangun)**

**Tuan Yang di-Pertua:** Tumpat bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Apakah pihak Kementerian tidak mengambil hirau pengalaman-pengalaman oleh negara-negara yang pernah Amerika Syarikat menjadikan pengkalannya di negara tersebut, misalnya mutakhir ini di Philippines. Apakah pihak kita tidak mengambil iktibar daripada apa yang telah dialami oleh negara-negara tersebut?

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Perkara ini tidak timbul sebab kita tidak memberikan mereka sebuah pengkalan, berbeza dengan keadaan di Philippines. Kita membenarkan mereka membaik-pulih sahaja kapal-kapal perang mereka dan tempoh mereka berada itu adalah amat singkat sekali. Jadi tidaklah timbul risiko seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Jerai supaya Tentera Udara DiRaja Malaysia menggantikan kepalterbang yang telah lama demi keselamatan anggota tentera, selaras dengan Dasar Pertahanan Negara, Tentera Udara DiRaja diperlukan untuk meningkatkan keupayaan pertahanan udara melalui kelengkapan yang canggih. Proses pemodenan ini termasuklah menggantikan pesawat yang lama kepada pesawat yang moden seperti pembelian 28 buah pesawat Fork 100 dan 200. Proses pemodenan ini dirancang berperingkat-peringkat dan dilaksanakan tertakluk kepada kemampuan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja ulasan saya dan saya harap saya telah menjawab semua pandangan yang telah disampaikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Belia dan Sukan.

*(Kementerian Belia dan Sukan tidak hadir)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

5.32 ptg.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada

Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu di bawah bidang tugas Kementerian saya dan saya yakin bahawa dengan teguran-teguran seumpama itu Kementerian saya akan berusaha sedaya-upaya untuk meninggikan tahap prestasi perkhidmatan ke arah mencapai Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanis telah membangkitkan mengenai projek hidro Pergau. Sukacita saya menegaskan di sini bahawa projek hidro elektrik Pergau adalah satu projek yang penting bagi pembangunan infrastruktur elektrik di negara ini. Oleh sebab itu Kerajaan Persekutuan telah memberi perhatian yang berat kepada projek ini sama seperti projek-projek janakuasa elektrik yang lain di negara ini. Projek hidro elektrik Pergau ini akan dapat menyumbangkan sebanyak 600 megawatt kepada keupayaan penjanaankuasa Tenaga Nasional bagi seluruh negara bagi menampung kekurangan bekalan elektrik yang diramalkan menjelang tahun 1995.

Tuan Yang di-Pertua, dalam melaksanakan projek-projek penajaan seperti ini di masa-masa lepas, Lembaga Letrik Negara tidak mengalami apa-apa masalah. Kerajaan-kerajaan Negeri di mana projek-projek ini diadakan telah memberikan kerjasama sepenuhnya untuk menjayakan projek-projek tersebut. Mereka telah mengorbankan kepentingan negeri masing-masing demi untuk kepentingan negara. Negeri-negeri seperti Perak Darul Ridzuan dan Terengganu Darul Iman telah mengorbankan tanah yang luas untuk projek hidro yang mana faedahnya bukan hanya untuk negeri masing-masing tetapi untuk seluruh negara termasuk negeri Kelantan Darul Naim. Mereka ini tidak mengambil pendirian yang mementingkan diri sendiri atau, dengan izin, selfish.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah

memberikan teguran mengenai Kementerian saya. Sekiranya terdapat persoalan yang tidak sempat saya jawab di sini, saya ingin memberikan jaminan bahawa Kementerian saya akan memberikan perhatian yang sewajarnya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Kesihatan.**

5.35 ptg.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):** Tuan Yang di-Pertua, terdapat beberapa teguran yang dibangkitkan di dalam Dewan ini sepanjang perbahasan yang diadakan ke atas Usul Ucapan Terima Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong Sultan Azlan Shah. Bagi pihak Kementerian saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun membuat teguran-teguran yang berkaitan dengan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar telahpun membangkitkan isu pembinaan hospital daerah dan pusat-pusat perubatan luar bandar yang dikatakan tidak setimpal jika dibandingkan dengan bilangan penduduk yang semakin bertambah.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan memang sedar tentang keperluan penduduk-penduduk luar bandar. Beberapa langkah telahpun diambil untuk meningkatkan lagi taraf perkhidmatan kesihatan di pusat-pusat kesihatan yang sibuk seperti memperuntukkan perkhidmatan X-ray dan menaikkan taraf makmal.

Juga di dalam Rancangan Malaysia Keenam, peruntukan sejumlah \$172 juta telahpun disediakan bagi pembinaan kemudahan-kemudahan kesihatan di luar bandar. Disamping itu juga sebanyak 22 buah hospital daerah baru akan dibina dan sejumlah 12 buah hospital daerah gantian akan dibina di dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Ahli Yang Berhormat ini juga menyentuh tentang kemudahan kesihatan luar bandar dan meminta supaya Menteri Kesihatan memberi tumpuan kepada kemudahan kesihatan di luar bandar kerana penduduk di luar bandar bukan sahaja menikmati kemudahan yang serba lengkap, malah mampu mendapatkan perkhidmatan perubatan di pusat-pusat perubatan swasta.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha untuk meningkatkan lagi program kesihatan pencegahan dan penggalakan untuk mencegah kejadian penyakit dan meningkatkan taraf kesihatan masyarakat supaya dapat memperbaiki taraf kehidupan mereka. Keutamaan adalah diberikan kepada perkhidmatan untuk penduduk-penduduk di luar bandar. Ini adalah dibuktikan dengan pertambahan jumlah pusat-pusat kesihatan . . . .

**Tuan Ahmad bin Nor (Bayan Baru):** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bayan Baru bangun.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan penjelasan berhubung dengan langkah Kerajaan menceroboh penyakit yang berjangkit. Saya ingin tahu apakah tindakan Kementerian Kesihatan berhubung dengan penyakit yang berjangkit daripada kesan-kesan kerja yang mana saya mengetahui bahawa sehingga hari ini tidak ada hospital di negara ini yang mempunyai doktor-doktor yang pakar dalam bidang mengesan penyakit-penyakit yang berjangkit ataupun yang berunsur daripada kesan-kesan kerja yang dijalankan di merata industri di negara ini.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru ada maklumat khusus berkenaan dengan sebarang penyakit yang berlaku

sedemikian, saya dengan sukacitanya ingin menerima maklumat tersebut untuk tindakan seterusnya, sebab dalam ucapan Yang Berhormat tadi terlalu umum—penyakit berjangkit—berjangkit daripada kerja. Apakah jenis penyakit itu? Kerja apa? Malamkah atau siangkah?

**Tuan Ahmad bin Nor:** Pekerja-pekerja yang bersangkutan dengan kimia, bahan-bahan yang boleh membawa kesan sampingan kepada pekerja yang mungkin tidak dapat dikesan secara jangka pendek tetapi secara jangka panjang seperti elektronik—kesan pada mata, kepala, fikiran mereka, mungkin cahaya pada badan mereka. Kesan-kesan ini semua ada yang jangka pendek dan ada yang jangka panjang. Tetapi setahu saya tidak ada doktor ataupun pakar di mana-mana hospital yang mengendalikannya kes-kes seumpama ini sebagai cara untuk mencegah.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya harap Yang Berhormat dari Bayan Baru check dia punya facts betul-betul. Tiada doktor itu adalah keterlaluan tetapi inginlah saya menyatakan di sini, jika sekiranya Yang Berhormat ada maklumat yang khusus tentang sesuatu penyakit, saya dengan sukacitanya berharap dapat Yang Berhormat memberi kepada Kementerian untuk tindakan selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha untuk meningkatkan lagi program kesihatan pencegahan dan penggalakan untuk mencegah kejadian penyakit, mungkin salah satu daripada penyakit yang dimaksudkan ialah penyakit pendedahan kepada X-ray dan sebagainya yang mungkin menyebabkan penyakit-penyakit yang tertentu. Walau bagaimanapun keutamaan adalah diberikan kepada perkhidmatan untuk penduduk-penduduk di luar bandar juga. Ini adalah dibuktikan dengan pertambahan jumlah pusat-pusat kesihatan di Semenanjung Malaysia

yang telah bertambah daripada 360 buah pada tahun 1983 kepada 406 buah pada tahun 1989 dan bilangan Klinik Bidan dan Klinik Desa yang telahpun bertambah daripada 1,610 pada tahun 1983 kepada 1,655 pada tahun 1989. Nisbah doktor dan penduduk di Malaysia juga telah diperbaiki daripada seorang doktor untuk 3,308 penduduk pada tahun 1983 kepada seorang doktor untuk 2,638 penduduk pada tahun 1989.

Kementerian Kesihatan berusaha untuk menempatkan doktor-doktor di luar bandar berdasarkan kepada kerja pusat-pusat kesihatan berkenaan. Doktor-doktor yang ditempatkan di pusat-pusat kesihatan adalah yang telahpun mendapat pengalaman dalam 3 bidang iaitu bidang perubatan, bidang perbidanan dan pembedahan yang boleh membantu mereka memberi perkhidmatan yang lebih berkesan. Mereka juga adalah diberi latihan dalam perkhidmatan dan latihan ulangkaji untuk mengemaskinikan pengetahuan dan kemahiran mereka.

Untuk memberi perkhidmatan yang lebih berkomprensif di kemudahan-kemudahan kesihatan luar bandar, Kementerian Kesihatan telahpun menggantikan bidan terlatih dengan jururawat desa. Bidan-bidan mendapat latihan selama 2 tahun dan hanya menjalankan perkhidmatan perbidanan manakala jururawat desa menjalankan latihan selama 2<sup>1</sup>/<sub>2</sub> tahun dan boleh menjalankan perkhidmatan klinik kanak-kanak dan tatacara mudah bagi pesakit luar selain daripada menjalankan perkhidmatan perbidanan.

Dalam kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima, Kementerian Kesihatan telahpun mengambilkira harapan orang ramai yang sentiasa meningkat dan masalah kesihatan yang semakin kompleks, yang mana terdapat keperluan untuk memperkenalkan teknologi dan juga kepakaran teknik yang lebih tinggi di perkhidmatan kesihatan luar bandar.

Penumpuan dalam Rancangan Malaysia Keenam ialah meningkatkan lagi taraf jagaan kesihatan di luar bandar di samping memperkukuhkan pengu- rusan di peringkat daerah.

Tuan Yang di-Pertua, banyak peralatan tambahan, termasuk peralatan untuk perkhidmatan pesakit luar, makmal dan perkhidmatan kesihatan ibu dan kanak-kanak sedang dan akan terus diberi bagi memperkukuhkan lagi program perkhidmatan kesihatan luar bandar. Antara yang telahpun dirancang dalam Rancangan Malaysia Keenam ialah penyediaan kemasukan X-ray dan kenaikan taraf kemudahan makmal di beberapa pusat kesihatan yang terpilih. Jawatan Pembantu Makmal Rendah di pusat-pusat kesihatan akan diganti dengan Juruterknologi Makmal Perubatan yang boleh menjalankan ujian-ujian makmal yang lebih banyak. Usaha ini akan membantu memperbaiki kualiti perkhidmatan yang diberi oleh doktor-doktor di klinik-klinik pesakit luar di pusat-pusat kesihatan. Cara ini akan membantu pesakit mendapatkan diagnosa ataupun diagnosis penyakit yang tepat serta rawatan yang mencukupi tanpa perlu ke hospital-hospital yang jauh. Bagi pesakit yang memerlukan diagnosa atau rawatan lanjut akan terus dirujuk ke hospital-hospital daerah yang mempunyai pakar ataupun ke Hospital Besar mengikut sistem rujukan yang sedia ada.

Untuk membandingkan taraf kesihatan di antara kumpulan-kumpulan etnik, kadar kelahiran mati merupakan indicator yang lebih baik jika dibandingkan dengan jumlah sebenarnya ataupun, dengan izin, absolute. Kadar kelahiran mati bagi tahun 1989 mengikut kumpulan etnik ialah 9.8 untuk kaum Melayu, 5.6 untuk kaum Cina dan 11.4 untuk kaum India. Walaupun jumlah kelahiran mati adalah lebih tinggi di kawasan luar bandar jika dibandingkan dengan kawasan bandar, namun peratus penurunan jumlah

kelahiran mati di kawasan luar bandar lebih tinggi, iaitu 42% bagi tempoh 1980 sampai 1989, daripada bandar, iaitu 20%. Ini membuktikan bahawa usaha-usaha yang sedang diambil akan membantu untuk menurunkan lagi kadar kelahiran mati di kawasan-kawasan luar bandar seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai telah mendakwa bahawa Kementerian Kesihatan tidak dapat mengawal kebersihan dan mutu makanan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan telahpun mengadakan program Kawalan Mutu Makanan sejak 1974 lagi yang bertanggungjawab ke atas keselamatan dan mutu makanan di dalam negara. Salah satu aktiviti di dalam program ini ialah penguatkuasaan undang-undang. Ini adalah diperuntukkan di bawah Akta Makanan 1983 dan Peraturan-peraturan Makanan 1985 yang mula berkuatkuasa pada tahun 1985 bagi menggantikan sebahagian besar peruntukan Ordinan Jualan Makanan dan Dadah 1952.

Sepanjang pelaksanaan Akta Makanan tersebut, pemeriksaan ke atas premis-premis makanan (termasuk kilang pengeluaran, kedai penjualan, restoran, penjaja, kantin dan lain-lain) dan pengambilan contoh makanan di seluruh negara telahpun dilakukan bagi memastikan makanan-makanan adalah selamat untuk penggunaan. Pada tahun 1990, 30,934 pemeriksaan premis telahpun dilakukan di mana 9,017 ataupun 29.1% premis didapati di dalam keadaan yang tidak memuaskan dan telahpun dinasihatkan serta dikenakan tindakan yang sewajarnya dari segi undang-undang.

Di samping itu juga, pada tahun yang sama, 44,543 contoh makanan telah diambil di seluruh negara, termasuk di pintu-pintu masuk bagi makanan yang diimport. Daripada jumlah ini, 2,649 ataupun 6.0% contoh makanan didapati melanggar Akta Makanan tersebut.

Kementerian Kesihatan masih belum berpuashati tentang tahap kebersihan pengamal pemakanan dan juga penjual-penjual makanan yang tersebut di atas. Oleh kerana itu, Kementerian Kesihatan akan terus mempergiatkan lagi aktiviti-aktiviti penerangan dan khidmat nasihat kepada industri-industri yang menghasilkan makanan agar peka terhadap isu-isu kesihatan dan didapati mematuhi secara sukarela perundangan makanan yang sedia ada.

Di samping itu, Kementerian Kesihatan juga berhasrat memperkembangkan lagi perkhidmatan sokongan yang diperlukan seperti sokongan makmal supaya sejajar dengan keperluan semasa dan peningkatan teknologi industri makanan. Lagi pun, Kementerian Kesihatan Malaysia akan terus bekerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk mempertingkatkan lagi aktiviti-aktiviti yang saya sebutkan di atas.

Ahli Yang Berhormat dari Bandau . . . . .

**Tuan Ahmad bin Nor: (Bangun)**

**Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Bayan Baru bangun.**

**Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Dalam langkah-langkah yang diambil untuk menentukan bahawa rakyat diberi makanan yang agak sihat tanpa mengganggu kesihatan, saya ingin tahu apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian—dalam langkah Kementerian dan juga kerjasama dengan pihak Majlis-majlis Perbandaran dan sebagainya? Saya masih lihat bahawa kebanyakan restoran-restoran, termasuk kantin Parlimen sendiri menggunakan minyak makanan yang diisi dalam tin-tin yang "recycled" yang mana tidak dibenarkan, malahan tin-tin ini digunakan di seluruh restoran, termasuk di kantin Parlimen sendiri. Apakah langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian?**

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru. Kita telahpun menjalankan banyak, lawatan-lawatan mengejut atau dengan izin, on-the-spot checks. Saya sendiri telah mengikuti on-the-spot checks ini dan mendapati banyak lagi restoran-restoran yang menggunakan bukan sahaja minyak yang telahpun diisi dalam tong-tong ataupun tin-tin yang telahpun direcycled tetapi kadang-kadang kita dapati bahawa dapur itu sendiri tidak begitu bersih. Kita telah mengambil langkah-langkah tertentu dan salah satu daripadanya ialah untuk meminta pihak berkuasa menutup restoran ataupun memberi amaran dan mengambil tindakan. Dalam dua kes yang saya telah ikuti sama, saya dapati dua restoran itu telahpun ditutup dan selepas didapati bersih maka ianya dibenarkan berjalan semula.

Tetapi berkenaan dengan Parlimen, saya sendiri, insya Allah, akan pergi memeriksanya dengan pegawai-pegawai yang mempunyai kemahiran dalam hal-hal yang disebutkan oleh Yang Berhormat untuk menentukan bahawa Ahli-ahli Parlimen seperti Yang Berhormat makan makanan yang selamat.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya teruskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Jadi, Ahli Yang Berhormat dari Bandau telah membangkitkan isu perkhidmatan kesihatan dan perubatan di kawasan luar bandar. Sehubungan dengan ini, beliau meminta Kementerian Kesihatan membina pusat-pusat kesihatan bagi kampung-kampung yang terpencil jauh seperti di kawasan pedalaman, kawasan beliau sendiri, katanya, iaitu Kampung Ganah, Kampung Magandai, Penuduhan Jambu dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan memang sentiasa peka kepada keperluan kesihatan penduduk luar

bandar terutama kawasan-kawasan penduduk yang terpencil di kampung-kampung, termasuk di Sabah dan Sarawak. Dalam Rancangan Malaysia Keenam, Kementerian Kesihatan telahpun memberi pertimbangan kepada kawasan-kawasan yang mempunyai taraf kesihatan yang rendah.

Kawasan-kawasan ini telahpun diberi keutamaan dalam perancangan untuk pembinaan kemudahan kesihatan walaupun tidak berkelayakan mengikut norma-norma yang telahpun ditetapkan. Maksudnya ialah untuk Sabah dan Sarawak, kita menggunakan norma yang bukan norma. Selaras dengan peruntukan yang terhad, kawasan-kawasan ini telahpun disenaraikan semula mengikut keutamaan dalam penyediaan kemudahan-kemudahan kesihatan. Walau bagaimanapun kawasan-kawasan yang tidak ada kemudahan kesihatan statik, buat sementara ini diberi perkhidmatan kesihatan melalui Perkhidmatan Doktor Udara (flying doctors) dan Klinik Bergerak.

Seterusnya terdapat teguran daripada Ahli Yang Berhormat dari Sibu. Beliau membangkitkan isu kekurangan doktor-doktor dan pakar-pakar di Hospital Lau King Howe di Sibu dan membuat beberapa cadangan. Sehubungan dengan itu Ahli Yang Berhormat juga telahpun menyatakan telah menerima aduan daripada pesakit-pesakit di Hospital tersebut bahawa mereka menghadapi masalah dengan doktor-doktor dan Ahli Yang Berhormat mencadangkan supaya penterjemah yang bertauliah dilantik untuk membantu doktor-doktor yang dimaksudkan.

Seterusnya Ahli Yang Berhormat menyentuh tentang Hospital Umum Baru di Sibu. Apabila siap dibina ia akan berfungsi sebagai Hospital Daerah dan dengan itu Ahli Yang Berhormat telah mencadangkan Kementerian Kesihatan segera mengambil tindakan melatih doktor-doktor, jururawat dan kakitangan supaya hospital tersebut dapat berfungsi sepenuhnya dengan teratur.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sentiasa berusaha untuk menempatkan lebih ramai doktor dan doktor-doktor pakar ke Sarawak dan Sabah secara umumnya dan juga ke Hospital Lau King Howe khususnya. Hospital Lau King Howe di Sibu pada masa sekarang sudah mempunyai pakar-pakar dalam semua bidang kepakaran asas, tetapi Kerajaan akan berusaha untuk menambahkan lagi bilangan ini dari masa ke semasa oleh kerana negara kita sekarang ini agak kekurangan di dalam beberapa kepakaran tertentu.

Kementerian ini juga membenarkan doktor-doktor swasta menggunakan kemudahan-kemudahan yang kurang digunakan di hospital-hospital daerah. Setakat ini Kementerian belum menerima permohonan untuk menggunakan kemudahan di Hospital Lau King Howe Sibu daripada pihak swasta. Walau bagaimanapun, pada masa ini dua orang doktor swasta sedang menggunakan kemudahan-kemudahan di Hospital Bahagian Limbang di Sarawak.

Mengenai masalah 'bahasa' yang dibangkitkan oleh pesakit-pesakit itu adalah dijangka masalah hanya timbul dengan pakar-pakar kontrak asing iaitu kontrak asing. Di dalam hal ini biasanya jururawat-jururawat yang bertugas bersama-sama dengan doktor-doktor tersebut boleh menjadi penterjemah kepada pesakit-pesakit dan doktor-doktor.

Mengenai Hospital Umum Baru Sibu pula, Kementerian Kesihatan telahpun mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya mengenai keperluan perjawatan yang berkaitan apabila Hospital tersebut siap kelak.

Ahli Yang Berhormat daripada Alor Setar membangkitkan tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh pesakit-pesakit buah pinggang yang bergantung kepada mesin haemodialysis. Beliau juga merasa bimbang dengan cadangan

untuk menswastakan pusat-pusat perkhidmatan mesin haemodialysis kerana ini akan menyusahkan pesakit-pesakit golongan yang miskin.

Tuan Yang di-Pertua, bilangan mesin haemodialysis di hospital-hospital Kementerian Kesihatan adalah 138 buah semuanya. Di bawah program 'home dialysis' terdapat sebanyak 294 mesin haemodialysis iaitu 44 di Jabatan-jabatan Kerajaan dan 250 buah lagi di syarikat-syarikat swasta serta di rumah-rumah milik persendirian. Bilangan ini belum mencukupi berbanding dengan keperluan. Kementerian ini sentiasa memperkembangkan dan mempertingkatkan perkhidmatan haemodialysis di hospital-hospital dengan melatih kakitangan serta menambah bilangan mesin untuk menampung lebih ramai pesakit.

Mengenai isu penswastaan, sebenarnya Kementerian ini tidak bercadang untuk menswastakan perkhidmatan haemodialysis di hospital-hospital Kementerian Kesihatan. Tetapi Kementerian ini akan menggalakkan penubuhan perkhidmatan haemodialysis swasta berasingan sebagai tambahan kepada perkhidmatan yang sedia ada dengan syarat ianya memenuhi keperluan-keperluan tertentu bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan kepada pesakit adalah berkualiti tinggi.

Ahli Yang Berhormat juga ada menyentuh tentang penyakit Thallasaemia dan ingin mengetahui sama ada terdapat apa-apa statistik mengenai penyakit ini dan langkah-langkah yang telahpun diambil untuk mengatasinya.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat 900 orang pesakit Thallasaemia yang dirawat di hospital-hospital Kementerian Kesihatan di seluruh negara. Pesakit-pesakit Thallasaemia memerlukan pemindahan darah dan kekerapannya berdasarkan kepada tahap

kekurangan darah mereka itu sendiri. Kementerian Kesihatan tidak bercadang untuk menyediakan tabung darah khas bagi pesakit-pesakit Thallasaemia kerana Kementerian ini berpendapat adalah lebih praktikal mempunyai satu bank darah yang common, dengan izin, di mana ia dapat menggunakan kepakaran yang sedia untuk pelbagai rawatan dan tidak khusus kepada rawatan-rawatan tertentu sahaja.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, terdapat beberapa teguran daripada Ahli Yang Berhormat daripada Tawau. Ahli Yang Berhormat mencadangkan supaya kanak-kanak di bawah umur 18 tahun diharamkan membeli dan menghisap rokok yang akan merosakkan kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sentiasa menggalakkan penduduk-penduduk Malaysia untuk mengamalkan cara hidup yang sihat dan mengelakkan amalan yang akan merosakkan kesihatan mereka termasuk merokok. Oleh kerana itulah maka kita telah melancarkan satu program yang dinamakan, dengan izin, Healthy Lifestyle Programme. Dalam usaha ini pendekatan yang diambil oleh Kementerian Kesihatan adalah melalui pendekatan bekerjasama serta sukarela. Perubahan sikap secara sukarela adalah lebih kekal daripada jika berlaku disebabkan larangan.

Oleh itu langkah-langkah melarang semua pemuda-pemudi yang berumur di bawah 18 tahun daripada merokok adalah sukar untuk dilaksanakan terutama sekali dari segi pengawasan dan juga penguatkuasaan.

**Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Kepong bangun, Yang Berhormat.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa jumlah perokok Malaysia bertambah 5%

setahun? Ini memandangkan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, langkah-langkah telah diambil untuk memberi amaran dan pendidikan tetapi terus meningkat 5% tiap-tiap tahun.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa ada lebih ramai orang yang menghisap rokok terutama di dalam kumpulan muda-mudi. Tetapi kita masih lagi mencari jalan sebaik mungkin untuk tidak menggalakkan mereka ini menghisap rokok selain daripada peraturan yang ada sekarang. Kita dapati salah satu cara yang sebaik mungkin ialah melalui kerjasama dan juga melalui sukarela, dengan izin, one of the methods. Kalau sekiranya ada jalan-jalan yang lebih baik, mungkin kita dapat melaksanakan jika sekiranya ia praktikal. Tuan Yang di-Pertua . . . . .

**Tuan Lim Kit Siang: (Bangun)**

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti sekejap, Tanjong bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah Kerajaan serius di dalam kempen anti-rokok? Adakah Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri akan memberi teladan berhenti merokok termasuk Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri? (*Tepuk*)

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Kerajaan memang serius tentang masalah merokok di Malaysia ini dan kita telahpun membincangkan dengan mendalam dan telah mengambil satu position akhir-akhir ini. Walau bagaimanapun, kita berharap dapat mencari satu jalan yang baik daripada contoh-contoh yang mungkin didapati daripada seluruh dunia untuk mendapatkan satu program yang lebih memuaskan. Saya tidak mahu mengatakan bahawa ini akan menjadi satu langkah yang baik untuk diikuti oleh orang ramai tetapi adalah wajar jika sekiranya sebagai role model, pemimpin-pemimpin negara ini

termasuk Yang Berhormat sendiri ataupun keluarga Yang Berhormat daripada parti Yang Berhormat sendiri menjadi orang-orang yang juga boleh mengambil bahagian di dalam kempen tersebut.

Ini bukan masalah Kerajaan sahaja tetapi masalah saudara juga—masalah Malaysians pada umumnya.

Dan jika sekiranya boleh, kita berharap orang-orang yang mempunyai position dalam masyarakat mengambil langkah yang serupa iaitu memberi model yang baik, jangan menghisap rokok.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa):** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan sedikit. Adakah pihak Kementerian Yang Berhormat yakin usaha Kerajaan untuk mengelak daripada rakyat menghisap rokok tetapi Kerajaan juga membenarkan wujudnya kilang-kilang rokok. Dan Kerajaan juga mengambil cukai-cukai rokok. Dan Kerajaan juga berniaga dengan rokok. Apakah usaha Kerajaan itu boleh menjamin dan dapat meyakinkan cita-cita untuk membanteraskan rokok ini berjaya? Dan ini selalu berlaku amalan songsang daripada Kerajaan dan kalau sekiranya tidak yakin, apakah rancangan pihak Kerajaan untuk mengambil satu-satu tindakan kepada kilang-kilang rokok ataupun sebagainya?

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, memang Kerajaan serius dalam kita cuba membanteraskan tabii menghisap rokok ini, tetapi dalam kajian kita, kita dapati bahawa tidak ada satu negara pun dalam dunia ini yang telahpun berjaya 100% untuk melarang orang merokok.

Walau bagaimanapun, Kerajaan telahpun menaikkan cukai rokok dan tindakan-tindakan yang sewajarnya telahpun diambil setakat ini tetapi kita masih belum berpuas hati tentang kejayaannya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu langkah-langkah melarang pemuda pemudi yang berumur di antara 18 tahun daripada merokok adalah sukar, saya ingin menyatakan ini adalah satu pendedahan yang agak luar biasa iaitu sukar untuk kita . . . . .

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Pengkalan Chepa bangun.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Soalan saya, apakah langkah dan cadangan Kerajaan untuk mengatasi dan bertindak kepada kilang-kilang rokok itu sendiri, sebab dari segi perubatan, dia ada dua, bila satu orang mengidap penyakit, pertama, dia kena makan ubat. Yang kedua, dia kena 'pantang'. Makan ubat sahaja tidak 'pantang' tidak jadi juga, melainkan kena makan ubat kena 'berpantang', barulah jadi, dia 'pantang' itu merupakan satu ubat. Sekarang Kerajaan larang masyarakat merokok, tetapi Kerajaan beri lesen untuk kilang rokok. Samalah juga mengadakan hospital, mengadakan kilang nyamuk.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Pantangkah atau 'pantang'. (*Ketawa*)

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Cukuplah.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Minta maaf, saya ingat saya tidak perlu menjawab itu, sebab saya telahpun menjawab secara umum tadi. Walau bagaimanapun, pandangan Ahli Yang Berhormat akan diambil kira.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya teruskan.

Oleh itu, seperti yang saya katakan tadi, untuk melarang semua pemuda-pemudi yang berumur 18 tahun daripada merokok adalah sukar untuk dilaksanakan terutama sekali dari segi pengawasan dan penguatkuasaan. Tindakan mengurangkan tabiat merokok secara larangan belum pernah dilaksanakan oleh mana-mana negara pun dan tidak ada sebuah negara di dunia yang berjaya dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat juga membangkitkan tentang isu pendatang-pendatang asing yang menggunakan hospital-hospital Kerajaan dan mendapatkan layanan yang sama sepertimana rakyat tempatan. Beliau mencadangkan supaya mereka dikenakan bayaran rawatan yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kementerian sedang mengkaji kadar bayaran seperti yang ditetapkan dalam Perintah 'C' Perubatan 1982 termasuk mengenakan bayaran yang berbeza untuk bukan warganegara yang menggunakan kemudahan perubatan di hospital-hospital Kerajaan.

Akhir sekali, Ahli Yang Berhormat membangkitkan isu Poliklinik berharga \$8 juta yang akan dibina di Tawau.

Tuan Yang di-Pertua, projek Poliklinik Hospital Daerah Tawau sedang dalam pelaksanaan. Rekabentuk dan dokumen tender telahpun siap pada Februari 1992 dan tender untuk kerja-kerja yang diperlukan telahpun ditutup. Pada masa ini Lembaga Tender Sabah sedang menilai tender-tender yang disyorkan dan pembinaan Poliklinik ini dijangka akan bermula satu bulan selepas surat setujuterima ataupun acceptance dikeluarkan dan pembinaan dijangka siap dalam masa 24 bulan kontrak ditandatangani.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja jawapan saya dan saya ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan Usul ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.**

*6.05 ptg.*

**Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Dato' Napsiah binti Omar):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh tentang perkara-perkara di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Segala pandangan dan cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah sangat dihargai dan akan diberi perhatian serta diambilkira oleh Kementerian ini dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepadanya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjelasan kepada beberapa perkara yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat.

Saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong yang telah mengemukakan cadangan untuk mewujudkan suruhanjaya kebangsaan untuk mengkaji dan menyelesaikan masalah polarisasi kaum dan agama.

Berhubung dengan cadangan tersebut, sukacita dimaklumkan bahawa suruhanjaya tersebut tidak perlu ditubuhkan buat masa ini. Ini adalah kerana selepas sahaja rusuhan kaum 13 Mei 1969, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah penting untuk perpaduan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum melalui penubuhan Jabatan Perpaduan Negara pada tahun itu juga.

Di samping itu, Kerajaan juga menggubal dasar-dasar yang khusus dan strategik untuk mencapai matlamat perpaduan negara. Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pelajaran Kebangsaan, Dasar Kebudayaan Kebangsaan dan ideologi nasional dalam bentuk Rukunegara telah dirancang dan dilaksanakan.

Sukacita juga dimaklumkan, jentera pentadbiran mengenai perpaduan diperkukuhkan dengan penubuhan Panel Penasihat Perpaduan Negara dalam tahun 1970 dan Jawatankuasa Integrasi Nasional mula ditubuhkan pada 30 Januari 1990.

Kedua-dua jawatankuasa yang saya pengerusikan selaku Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat adalah untuk membincangkan serta meneliti isu-isu perpaduan nasional secara ikhlas dari hati ke hati dan mencari jalan bagi menyelesaikan masalah-masalah hubungan serta mengesyorkan langkah-langkah bagi memupuk perpaduan nasional kepada Jemaah Menteri dari masa ke semasa.

Berhubung dengan kebijakan kaum India di estet-estet, sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Buruh di bawah Kementerian Sumber Manusia telah mengambil langkah pada 31 Mac 1992 untuk mengurangkan kemiskinan di sektor ladang dengan Rancangan Lima Tahun iaitu dari 1992 hingga 1996. Rancangan tersebut adalah selaras dengan Rancangan Malaysia Keenam dan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua bagi negara kita Malaysia.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Pagoh di atas cadangan supaya pusat-pusat latihan kemahiran di bawah Jabatan Kebijakan Masyarakat diperbanyakkan dan kursus-kursus kemahiran diperluaskan. Perkara ini akan dikaji oleh pihak Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat atas

segala ulasan dan cadangan yang telah dikemukakan berkaitan dengan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

**Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Sumber Manusia.**

*6.10 ptg.*

**Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Titah DiRaja ini serta mengemukakan isu dan cadangan-cadangan yang menyentuh Kementerian Sumber Manusia. Seterusnya saya ingin memberi penjelasan dan ulasan kepada pandangan, teguran dan kritik-kritik yang telah dibentangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Pasir Mas, Kok Lanas, Nilam Puri, Bayan Baru dan Ahli Yang Berhormat dari Santubong.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah membentangkan bahawa Hari Pekerja telah disambut secara dingin oleh Kerajaan. Dalam perkara ini saya ingin menarik perhatian Ahli Yang Berhormat dari Tanjong bahawa Hari Pekerja Tahun 1991 telah disambut secara besar-besaran oleh Kerajaan dengan mengadakan perhimpunan agung di mana seramai lebih kurang 7,000 peserta meliputi pihak Kerajaan, majikan dan pekerja-pekerja di Stadium Negara. Pada tahun ini Kerajaan akan menyambut Hari Pekerja pada 20hb Jun dengan mengadakan jamuan perpaduan dengan melibatkan lebih 1,000 peserta dan akan diadakan di salah sebuah hotel terkemuka di Kuala Lumpur. Bagi pihak Kerajaan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Sumber Manusia akan meraikan pihak pekerja dan majikan bagi mewujudkan suasana harmoni di antara Kerajaan, majikan dan pekerja.

Berhubung dengan usul penggantungan keahlian Malaysia dari . . . . .

**Tuan Ahmad bin Nor:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Bayan Baru bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak?

**Dato' M. Mahalingam:** Tidak.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Yang lain ada memberi jalan.

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada baca di dalam . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Hansard.

**Dato' M. Mahalingam:** Penyata Rasmi (Hansard) di mana semasa Ahli-ahli Yang Berhormat minta jalan, Yang Berhormat tidak berikan jalan. Itu sebabnya saya pun tak mahu berikan jalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila teruskan.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Saya punya ucapan dihadkan 20 minit, Tuan Yang di-Pertua . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Bayan Baru, itu sudah out of order. Yang Berhormat dari Bayan Baru, sila duduk.

**Dato' M. Mahalingam:** Berhubung dengan usul penggantungan keahlian Malaysia dari ILO, pihak Kerajaan sungguh berasa kesal kerana masih ada di kalangan pemimpin kesatuan sekerja yang sanggup memburuk-burukkan Kerajaan di luar negara untuk kepentingan peribadi dan bukan untuk kepentingan kesatuan dan ahli-ahlinya dalam konteks pembangunan ekonomi negara dan pihak pekerja. Kerajaan sedang mengikuti perkembangan ini dengan teliti dan tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan sewajarnya. Penjelasan yang sebenarnya akan diberikan kepada ILO dalam

Persidangan ILO pada bulan Jun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kok Lanas mengenai perkara-perkara di bawah seksyen 13 (3) Akta Perhubungan Perusahaan 1967, ingin dijelaskan bahawa peruntukan seksyen tersebut seperti kenaikan pangkat, pertukaran penggajian pekerja dan pembuangan kerja adalah dianggap sebagai hak-hak pengurusan dan oleh itu ianya tidak boleh dimasukkan dalam cadangan kesatuan untuk perjanjian bersama. Walau bagaimanapun, seksyen ini tidak menghalang pihak kesatuan menimbulkan secara am pekerja mengenai prosedur kenaikan pangkat dalam pembicaraan dengan majikan. Selain daripada itu, isu-isu seperti pertukaran dan pembuangan kerja, jika tidak diselesaikan oleh kedua-dua pihak, juga boleh dirujuk ke Mahkamah Perusahaan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia di bawah seksyen 26 (2) Akta tersebut, bukan seksyen 23 seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kok Lanas. Budibicara yang diberi kepada Menteri Sumber Manusia di bawah seksyen 26 (2) Akta tersebut, iaitu sama ada untuk merujuk satu pertikaian ke Mahkamah Perusahaan atau tidak dan bagi memastikan isu-isu, dengan izin, frivolous, tidak dirujuk ke mahkamah tersebut. Oleh yang demikian, seksyen 13 (3) dan seksyen 26 (2) Akta tersebut tidak bertentangan dengan Perkara 10 (1) (c) Perlembagaan negara yang memberi hak secara am kepada semua warganegara untuk menubuhkan persatuan atau, dengan izin, association.

Mengenai penubuhan kesatuan-kesatuan sekerja, Kementerian Sumber Manusia telah beberapa kali menjelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan mengamalkan prinsip demokrasi dalam mentadbirkan negara. Oleh itu, mengikut prinsip demokrasi ini, Kerajaan memberi kebebasan kepada pekerja-pekerja untuk

menubuhkan kesatuan sekerja asalkan ia mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan kesatuan sekerja. Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja tidak boleh menolak sesuatu permohonan itu dengan sewenang-wenangnya kerana setiap keputusan yang dibuat olehnya adalah tertakluk kepada undang-undang. Maka adalah jelas bahawa Kerajaan tidak akan menyekat kebebasan dan hak-hak pekerja. Malahan pula Kementerian Sumber Manusia sentiasa bersedia memberi nasihat dan panduan kepada pekerja-pekerja, termasuk pekerja-pekerja kilang elektronik dalam urusan membuat permohonan untuk mendaftar kesatuan-kesatuan sekerja yang mereka tubuhkan itu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 1990 sebanyak 46 permohonan untuk mendaftarkan kesatuan sekerja diterima dan 20 daripadanya telah didaftarkan, manakala pada tahun 1991 38 permohonan diterima dan 24 didaftarkan.

Kedudukan pekerja-pekerja kilang elektronik telah banyak dipersoalkan. Pekerja-pekerja kilang ini telah diberi saluran yang efektif dalam sistem kesatuan sekerja dalaman, dengan izin, in-house union untuk mengadu masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka dan menerima perhatian berat pihak majikan dan Kerajaan. Saya percaya Ahli Yang Berhormat faham bahawa industri elektronik adalah salah satu industri yang sangat sensitif dan mengalami persaingan hebat dalam pasaran antarabangsa. Oleh itu, Kerajaan mempunyai tanggungjawab yang berat untuk menjamin pekerjaan bagi 1,200,000 pekerja industri ini dan juga sangat mengambil berat untuk mewujudkan iklim yang baik bagi menarik pelaburan asing ke negara kita. Maka dengan mengambil kira kepentingan negara pada keseluruhannya, Kerajaan berpendapat masanya belum tiba untuk membenarkan menubuhkan kesatuan kebangsaan bagi sektor elektronik.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai keterangan kepada Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri, upah pekerja elektronik di negara ini . . . .

**Tuan Ahmad bin Nor:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Bayan Baru bangun pula, Yang Berhormat.

**Dato' M. Mahalingam:** Tidak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan.

**Dato' M. Mahalingam:** . . . di negara ini adalah lumayan jika dibandingkan dengan upah pekerja-pekerja di industri-industri lain. Selain daripada gaji pokok, mereka juga diberi berbagai elaun, seperti elaun kedatangan, elaun pengangkutan, elaun produktiviti dan lain-lain kemudahan. Adalah tidak munasabah untuk membanding upah pekerja-pekerja di negara ini dengan upah di Amerika Syarikat dan Jepun tanpa mengambilkira perbezaan dalam kos kehidupan di antara Malaysia dan kedua-dua negara itu. Salah satu sebab pelabur-pelabur asing melabur di negara ini . . . . .

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Nilam Puri bangun.

**Dato' M. Mahalingam:** Tidak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' M. Mahalingam:** Salah satu sebab pelabur-pelabur asing melabur di negara ini ialah kerana upah gaji di negara mereka adalah terlalu tinggi. Sekiranya upah gaji di negara ini dinaikkan sehingga . . . . .

**Tuan Ahmad bin Nor:** Point of order.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, point of order, sila duduk.

**Tuan Ahmad bin Nor:** 35(6).Tadi dipertikaikan tentang 'parrot', jadi kita belum dapat lagi keputusannya ataupun keputusan daripada Tuan Yang di-Pertua, sama ada cara 'parrot' ini boleh dipakai atau tidak dalam Dewan ini. Jadi, saya minta ruling itu disebut oleh Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Di bawah Peraturan Mesyuarat nombor berapa itu?

**Tuan Lim Kit Siang:** 36(5), edisi lama.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Ya, edisi lama. (*Ketawa*) Tadi Tuan Yang di-Pertua berjanji untuk hendak beritahu . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila duduk. Yang itu edisi lama telahpun dipinda dalam tahun 1984. Masa dahulu sebelum tahun 1982, 1983 Ahli-ahli Yang Berhormat tidak dibenarkan membaca teks ucapan mereka itu, tetapi boleh merujuk kepada nota-nota. Lepas itu, Dewan ini juga yang telahpun meminda supaya Ahli-ahli Yang Berhormat boleh membaca, jadi kesemuanya membaca, termasuk Pembangkang-pembangkang pun membaca. (*Tepuk*) Jadi, jikalau sekiranya membaca itu bukanlah bermakna dia itu 'parrot'. Sila teruskan.

**Dato' M. Mahalingam:** Sekiranya upah gaji di negara ini dinaikkan sehingga tahap seperti di Amerika Syarikat atau Jepun, pelabur-pelabur pasti akan pulang ke negara-negara masing-masing atau melabur di negara-negara lain, ini akan menyebabkan pekerja-pekerja kita kehilangan pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas mengenai setengah pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja yang mengambil gaji beribu-ribu ringgit dari tabung kesatuan, saya ingin menerangkan bahawa Kerajaan tidak akan campurtangan dalam urusan dalam kesatuan sekerja seperti perlantikan

pemimpin-pemimpin dan pengurusan kewangan kesatuan-kesatuan sekerja.

Kerajaan akan mengambil perhatian di atas cadangan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru juga menggesa supaya Kerajaan memberi penerangan lengkap mengenai Tabung Pembangunan Sumber Manusia. Yang Berhormat Bayan Baru sedia maklum bahawa Rang Undang-undang Pengendalian Tabung ini akan dibahaskan di Dewan ini pada minggu hadapan dan saya bagi pihak Kerajaan akan menerangkan dengan seluas-luasnya tujuan serta maksud pengendalian tabung ini ketika membentangkan untuk makluman Dewan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merujuk kepada cadangan Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru . . . .

**Tuan Ahmad bin Nor:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Bayan Baru bangun pula.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Tuan Yang di-Pertua, saya tak sebut dalam ucapan saya berhubung dengan tabung ini, mana datang tabung ini saya pun tak tahu. Mana datang tabung ini saya pun tak tahu. Saya cuma berucap tentang hari buruh dan pekerja-pekerja elektronik, tiba-tiba keluar hal tabung, saya tak sebut!

**Dato' M. Mahalingam:** Saya ingat dia sudah lupalah! (*Ketawa*) Tuan Yang di-Pertua, saya juga merujuk kepada cadangan Ahli Yang Berhormat dari Santubong supaya Kerajaan menubuhkan institut latihan perindustrian di negeri Sarawak. Dalam hubungan ini, ingin dimaklumkan bahawa Kementerian Sumber Manusia belum bercadang untuk menubuhkan institut berkenaan di negeri itu. Pada masa ini telah terdapat sebuah institut latihan perindustrian di

Malaysia Timur iaitu di Wilayah Persekutuan Labuan untuk menampung keperluan latihan kemahiran di negeri Sabah dan Sarawak. Tambahan pula di negeri Sarawak telah terdapat beberapa institut latihan kemahiran seperti Institut Kemahiran MARA dan Pusat Latihan Perindustrian Belia Kuching. Institut-institut Latihan berkenaan didapati mencukupi untuk menampung keperluan latihan kemahiran di negeri Sarawak masa kini.

Dengan penjelasan-penjelasan di atas, saya percaya jawapan saya telah meliputi hampir semua perkara-perkara yang telah dibangkitkan dalam perbahasan Titah Ucapan Diraja. Bagi lain-lain usul yang tidak dapat dijawab di sini, saya akan menelitinya untuk pertimbangan yang sewajarnya. Dengan ini saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberi sokongan dan teguran yang membina kepada Kementerian Sumber Manusia.

Sekian, terima kasih. (*Tepuk*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

6.24 ptg.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan teguran ke atas aktiviti-aktiviti di Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dalam perbahasan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung di Persidangan Parlimen pada kali ini.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah membangkitkan beberapa perkara berkaitan dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Mengenai cadangan supaya ditubuhkan

Suruhanjaya Siasatan Diraja yang di antara lain berperanan untuk menyasiat hal-hal berkaitan dengan alam sekitar di negara ini, saya ingin menjelaskan bahawa satu mekanisme pengurusan pengawalan dan pemuliharaan alam sekitar yang sedia ada khususnya yang ditubuhkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan undang-undang lain yang berkaitan dengan alam sekitar adalah mencukupi untuk memastikan aktiviti-aktiviti alam sekitar terutamanya yang berkaitan dengan sosio-ekonomi dan pembangunan dikendalikan mengikut kuatkuasa peraturan-peraturan yang ditetapkan di bawah Akta dan Undang-undang tersebut.

Matlamat akhir pemuliharaan dan pengawalan alam sekitar ini ialah untuk menjamin rakyat di negara ini akan sentiasa hidup dalam keadaan yang selesa pada masa kini dan pada masa-masa akan datang. Kedua, dengan kuatkuasanya Akta Kualiti Alam Sekeliling itu juga, Kerajaan telah menubuhkan Majlis Kualiti Alam Sekeliling yang dianggotai oleh pegawai-pegawai dari sektor awam, sektor swasta dan badan-badan bukan Kerajaan.

Di antara peranan Majlis ini ialah untuk memberi nasihat kepada saya berhubung dengan langkah-langkah serta strategi-strategi bagi menjamin alam sekitar di negara ini dalam keadaan yang selesa selaras dengan usaha Kerajaan melaksanakan pembangunan negara.

Ketiga, di bawah Rancangan Malaysia Keenam, projek-projek pembangunan yang sedang dan akan dilaksanakan di negara ini adalah memberi perhatian yang serius terhadap aspek-aspek pemuliharaan alam sekitar khususnya bagi projek-projek yang tertakluk di bawah peraturan penilaian kesan alam sekeliling atau EIA.

Keempat, selain daripada itu telah wujud . . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Tanjong bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Sebenarnya saya tak pernah mencadangkan mengadakan satu Suruhanjaya Diraja untuk menyiasat masalah alam sekitar. Mungkin pegawai-pegawai Yang Berhormat Menteri sudah silapbaca atau ikut perbincangan saya. Apa yang saya cadangkan ialah penubuhan satu Suruhanjaya Diraja untuk menyiasat dari aspek alam sekitar, sosio-ekonomi dan pembangunan berhubung dengan pembalakan, logging di Malaysia, khususnya di Sarawak, bukan Royal Commission atas environment, tetapi Royal Commission atas logging dan semua aspek logging.

**Tuan Law Hieng Ding:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana di dalam jawapan saya ini saya ada kata antara lain peranan Suruhanjaya Siasatan Diraja yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong ada terlibat dalam alam sekitar. Oleh kerana alam sekitar adalah satu bidang di bawah kuasa Kementerian saya, saya hanya tumpukan jawapan saya kepada alam sekitar sahaja. Hal-hal ekonomi atau hal-hal lain yang mengenai akibat pembalakan yang berlaku di mana-mana negeri, saya fikir Kementerian lain yang di bawah tanggungjawabnya akan memberi jawapan kepada soalan tersebut.

**Tuan Lim Kit Siang:** Masalah alam sekitar kita berpunca daripada kegiatan pembalakan. Masalah alam sekitar berpunca daripada masalah logging.

**Tuan Law Hieng Ding:** Tuan Yang di-Pertua, pembalakan atau hal ini adalah di bawah tanggungjawab dan bidang Kerajaan Negeri. Oleh sebab itu, yang lebih sesuai untuk menjawab

soalan itu ialah Kerajaan Negeri. Dari segi Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, saya tidak nampak ada masalah yang akan timbul dari aktiviti pembalakan. Terima kasihlah, Yang Berhormat.

Yang keempat, Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu telah wujud mekanisme yang membolehkan perundingan di kalangan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan juga di antara Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan-kerajaan Negeri sama ada di peringkat pembuat dasar mahupun pelaksana dasar bagi membincang dan melaksanakan dasar berhubung dengan pemuliharaan dan pengawalan alam sekitar di negara ini.

Yang kelima, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar juga dari masa ke semasa mengadakan dialog dengan kumpulan bukan badan Kerajaan untuk meninggikan kekesanan pengurusan serta kesedaran orang ramai terhadap pemuliharaan alam sekitar. Dengan ini bolehlah dirumuskan bahawa Kerajaan adalah mengambil perhatian yang berat dan sentiasa memastikan bahawa pemuliharaan dan pengawalan alam sekitar di negara ini dikendalikan dengancekap dan berkesan berpandukan kepada peraturan-peraturan yang sedia ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Tuan Law Hieng Ding:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga 2.30 petang besok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*